PARLIMEN KELIMA BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)



PENGURUSAN DANA LATIHAN DAN KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD [*HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION* (HRD CORP)] DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)

DR.17 TAHUN 2024

Jilid 2

PERKARA	TARIKH
JILID 2	
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	
1. Bil. 6(a) Tahun 2023	23 Oktober 2023
2. Bil. 6(b) Tahun 2023	1 November 2023
3. Bil. 6(c) Tahun 2023	2 November 2023
4. Bil. 6(d) Tahun 2023	20 November 2023
5. Bil. 6(e) Tahun 2023	23 November 2023



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 23 Oktober 2023

Bil 6(a) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Dana Latihan dan
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa)

Human Resource Development Corporation
YBhg. Datuk Wira Shahul Dawood,
Ketua Eksekutif (Pejabat Ketua Eksekutif)

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 23 OKTOBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam
Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan
Encik Azizie bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara
Puan Suraya Adnan [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Fairus bin Jaafar [Juruaudit]

Jabatan Akauntan Negara
Encik Badrul Hisam bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Encik Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah Pentadbiran Siasatan]
Encik P. Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Siasatan)]
Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

SAKSI

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa)]
Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia)]
Encik S. Siva Kumar [Setiausaha Bahagian (Bahagian Dasar)]
Encik Azham bin Bachok @ Haji Mohd Yassin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Cawangan Pembangunan dan Kewangan)]
Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Pegawai undang-undang (Bahagian undang-undang)]
Encik Mohd Hazim bin Mohd Rejab [Ketua Cawangan (Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan)]
Encik Zulfahmi bin Mohamad Rashid [Penolong Setiausaha (Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan)]
Encik Mohamad Nabil Ikhwan bin Mohamad Nazri [Penolong Setiausaha (Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan)]

Human Resource Development Corporation (HRD Corp)
YBhg. Datuk Wira Shahul Dawood [Ketua Eksekutif (Pejabat Ketua Eksekutif)]
Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [Ketua Pegawai Kewangan]
Puan Merle Fernandez [Ketua Pegawai Undang-undang dan Setiausaha Syarikat]
Encik Rony Ambrose Gobilee [Ketua Pegawai Strategi]
Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [Ketua Pegawai Pelanggan]
Encik Muhammad Safwan bin Ramlan [Ketua Jabatan (Perhubungan Kerajaan dan Parlimen)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 23 OKTOBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.34 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat datang saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Wong Shu Qi; Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli *ex-officio* yang hadir pada hari ini, Jabatan Peguam Negara, AG ada? AG tak sampai lagi ya. JPA ada? Okey. Kementerian Kewangan? Jabatan Audit Negara? SPRM ada. Kementerian Ekonomi? Jabatan Akauntan Negara? Okey, terima kasih kerana hadir Mesyuarat pada petang ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita mulakan prosiding dan kita panggil saksi masuk. Pada petang ini saya hendak menjelaskan beberapa perkara kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada ahli-ahli *ex-officio*. Untuk makluman semua, saksi yang panggil pada hari ini adalah Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan juga Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia dan juga Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

PAC telah pun menetapkan terma rujukan bagi prosiding ini dan ada di atas meja ahli-ahli *ex-officio*. Terdapat salinan *hard copy* TOR Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp sebagai rujukan. Memandangkan tajuk ini tidak pun dilaporkan dalam LKAN, jadi PAC menggunakan punca kuasa bagi prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp seperti berikut. Yang pertamanya, di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Yang keduanya, Peraturan Mesyuarat 83(2). Yang Ketiga, Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan 2023) dan seksyen 3, Perkara 11(b) Pekeliling Am Nombor 2 1982.

Manakala skop dan juga pelaporan PAC adalah berdasarkan, berasaskan TOR seperti berikut. Yang pertamanya, bajet dan geran kerajaan serta bayaran levi

oleh pihak syarikat. Yang kedua, keberkesanan program dan juga latihan yang dijalankan oleh pihak HRD Corp, dan yang ketiga, kompetensi dan kecekapan HRD Corp. Yang keempat, siasatan akan dijalankan terhadap tempoh pengoperasian HRD Corp dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tahun-tahun sebelumnya berdasarkan keperluan, kalau ada keperluan. Yang kelima, segala penemuan dan hasil siasatan ini adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan juga Peraturan Mesyuarat 85 Dewan Rakyat sehingga prosiding selesai dan laporan dibentangkan di Dewan Rakyat.

Namun, skop dan pelaporan PAC dalam TOR ini tidak mengikat PAC untuk kita bertanyakan soalan-soalan lain berkaitan dengan HRD Corp. Keperluan siasatan bagi isu-isu lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada dapatan dan penemuan semasa prosiding dijalankan.

Untuk makluman, ini bukan kali pertama PAC mengadakan prosiding yang tidak dilaporkan sebagaimana yang ada di dalam LKAN. Sebagai contoh, prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai dan juga Perkhidmatan GST berjumlah RM19.4 bilion sewaktu— itu Dato' Seri Najib pun datang sebagai saksi ya dan prosiding Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sekiranya ada apa-apa persoalan oleh Ahli-ahli PAC ataupun ahli-ahli *ex-officio* berhubung dengan prosiding ini, saya alu-alukan dan persilakan. Jika tidak ada, boleh minta untuk Ketua Sekretariat minta untuk saksi masuk. Saya buka dulu kalau ada apa-apa persoalan untuk ditanyakan. Ada? Tidak ada. Kalau tidak ada, maksudnya saya rasa kita sudah bersedia untuk panggil saksi masuk. Jadi, Johan...

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]: Bentara, minta saksi masuk, bentara. Saksi, panggil saksi masuk.

[Saksi-saksi dari Kementerian Sumber Manusia dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1440

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi, YB Wong Shu Qi, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli ex-officio, yang mana untuk makluman, ahli ex-officio kita terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan

Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Jadi, saya ucapkan terima kasih kerana hadir pada mesyuarat pada petang ini.

Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, hari ini, PAC Parlimen akan memulakan prosiding berkenaan dengan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp. Jadi, hadir bagi memberikan penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini adalah Yang Berbahagia Datuk Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp. Selamat datang saya ucapkan.

Seperti semua sedia maklum, tajuk isu ini tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara ataupun kita kenali sebagai LKAN. Sehubungan dengan itu, PAC telah pun menggunakan punca kuasa yang terdapat pada PAC seperti berikut—

Pertamanya adalah melalui Peraturan Mesyuarat 77(1)(d); keduanya, Peraturan Mesyuarat 83(2); yang ketiga, Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan) 2023; dan seksyen 3 Perkara 11(b) Pekeliling Am No. 2 1982.

Jadi, untuk makluman, ini bukan kali pertama PAC mengadakan prosiding untuk perkara yang tidak dilaporkan di dalam LKAN. Sebagai contoh, Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion serta Prosiding Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak Sekretariat bahawa terma rujukan iaitu TOR telah pun diserahkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan pihak HRD Corp. Untuk makluman, skop dan pelaporan PAC dalam TOR berkenaan tidak mengikat PAC untuk bertanyakan soalan-soalan lain yang berkaitan dengan HRD Corp. Keperluan bagi isu-isu lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada hasil dapatan dan penemuan semasa prosiding ini dijalankan.

Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia untuk memulakan pembentangan. Saya persilakan Yang Berbahagia Dato'. Terima kasih.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Malaysia Madani Yang Berhormat Datuk, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli jawatankuasa, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir.

Seperti mana yang ahli mesyuarat sedia maklum, bahawa saya Amran bin Ahmad merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) Kementerian Sumber Manusia yang mengambil alih tugas ini pada 7 Ogos yang lalu. Pada 26 September, saya diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Setiausaha memandangkan Ketua Setiausaha telah pun bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi, buat masa ini, saya menanggung tugas-tugas Ketua Setiausaha.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, kementerian ini telah menerima surat berkenaan prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara berkaitan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) yang merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ), CLBG di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia melalui surat Setiausaha Dewan Rakyat rujukan PAR/PAC/3/25/Jld.72 Bilangan 40 bertarikh 4 Oktober 2023.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan, secara dasarnya tugas kementerian ini ialah melibatkan kuasa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebagaimana tertakluk di bawah Akta PSMB 2001 [Akta 612] seperti berikut:

(i) penyiasatan dan penguatkuasaan Akta PSMB 2001;

(ii) kawal selia dan membantu badan berkanun syarikat di bawah Kementerian Sumber Manusia dalam mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan akta-akta di bawah seliaan kementerian ini;

(iii) menyelaras dan menyediakan memorandum Jemaah Menteri bagi laporan tahunan dan penyata kewangan badan berkanun di bawah Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240]; dan

(iv) menyelaras dan mengangkat kertas pertimbangan pelantikan ahli lembaga pengarah di bawah kementerian ini iaitu akta-akta di bawah seliaan kementerian ini.

Walau bagaimanapun, di bawah Akta PSMB juga telah menjelaskan kuasa perbadanan dan ahli lembaga pengarah seperti berikut:

(i) perbadanan diberi kuasa untuk menetapkan tatacara berhubung kewangan dan akaun kumpulan wang (seksyen 5 Akta PSMB);

(ii) lembaga pengarah bertanggungjawab bagi dasar dan pentadbiran am hal ehwal perbadanan dan perbadanan

merupakan pemegang amanah kumpulan wang (seksyen 7 dan seksyen 23 Akta PSMB);

(iii) di bawah peruntukan am Akta PSMB juga telah menetapkan tanggungjawab perbadanan kepada Menteri dan Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang sesuai dengan manfaat perbadanan di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 50 Akta PSMB; dan

(iv) pegawai kementerian boleh menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan dan penyiasatan melalui kuasa yang diturunkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mengikut seksyen 28 Akta PSMB.

Yang Berhormat Datuk, Yang Berhormat tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli mesyuarat yang saya hormati, selain daripada tugas dan fungsi yang diperuntukkan di bawah akta, kementerian juga bertanggungjawab ke atas arahan dari semasa ke semasa Yang Berhormat Menteri dan penyaluran dana atau geran kepada syarikat CLBG sebagaimana arahan Kementerian Kewangan.

Jadi, seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi, saya serahkan, mohon Ketua Eksekutif Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood untuk meneruskan memberi penjelasan tentang perjalanan HRD Corp.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sebelum Datuk Wira Shahul meneruskan untuk pembentangan, boleh tak Yang Berbahagia Datuk perkenalkan dulu pegawai yang turut hadir bersama dengan kita pada hari ini untuk rekod kita? Baik, terima kasih.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Baik. Okey, saya minta pegawai yang memperkenalkan.

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Kementerian Sumber Manusia]: Terima kasih, YB Datuk Pengerusi. Nama saya Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan, Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia).

Encik S. Siva Kumar [Kementerian Sumber Manusia]: Salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ahli-ahli mesyuarat. Saya Siva Kumar, SUB (Dasar) Kementerian Sumber Manusia.

Encik Azham bin Bachok @ Haji Mohd Yassin [Kementerian Sumber Manusia]: Saya Azham bin Bachok daripada Bahagian Pembangunan, Kewangan dan Sumber Manusia.

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: *Assalamualaikum*. Selamat tengah hari. Saya Shamsurryaty Shamsuddin, PUU KSM.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, boleh teruskan pembentangan. Terima kasih.

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: Terima kasih Dato' Amran. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Malaysia Madani. *Honorable Datuk Wira Chairman Public Accounts Committee, Honorable Vice Chairman, Honorable Members of the PAC committee, my colleagues from* Kementerian Sumber Manusia *and my fellow colleagues from HRD Corp. A very good afternoon.*

Thank you so much for having us here, Datuk Chairman, for this afternoon proceeding. Alhamdulillah, HRD Corp wants to take this opportunity to come and give the entire briefing on the proceeding request based on some of the clarification on the use of levy, collection of levies, the governance part of the utilization of the levy, the effectiveness of the training that has been done over the last decade also.

Datuk Wira Chairman, HRD Corp been in the business for the last 30 years, almost three decades. Alhamdulillah, we have been living up to the expectation of the industry by doing up the right thing on the learning and development. Alhamdulillah, we live to the purpose of the market and live to the purpose of the stakeholders. Just a sum up before I hand over the presentation to my fellow colleagues.

■1450

Datuk Wira Chairman, HRD Corp has collected almost RM15 billion levi in the last 30 years or so. RM15 billion, and we have done acclaimed disbursement of almost RM9 over billion in the last 30 years, Chairman. You know, we have trained almost six million people in the last 30 years, while the training places almost 20 million. There is a difference between the trainee and the trainee places. When we say trainee six million, it's a unique user six million. When we say 20 million training places, one person will go through maybe two or three training programs. So, that is the training places, Dato' Wira Chairman. And, HRD Corp continue to live up to the changes that has been required in the industry.

Members of the PAC, the learning pattern has been changed since the last 30 years or so. HRD Corp was founded on the year 1992 and officially formulated in the 1993. PSMB Act was enacted on 2001. All the period, there is drastic changes. COVID has caused us major changes in terms of the dynamics of the whole training

and development. That was the real challenge that HRD Corp took it up, as we have been always seen as a custodian of learning and development, Dato' Wira Chairman. But, that was the time we started to believe that we got to do beyond the learning and development. So, we believe that no point we continue to train people, but at the end of the day, they continue to become unemployed.

The money spent on the learning and development might not be effective and we were not doing justice to the stakeholders. So, HRD Corp started to go deep and started to believe and think that we are to do more than training and development. That was the time, the year 2020, we started to move towards making sure that every training that is happening in Malaysia through HRD Corp has impact and outcome. If we don't have impact, we don't have outcome, we don't proceed with any kind of training. So, we started to empathize on the jobs. We started to emphasize on the income generation. We started to emphasize on the uplifting of carrier after the training is done,so on and so forth. Multiple initiatives has been done.

So, I will welcome my colleague who are present here to do a presentation on HRD Corp, of our transformation and the amount of training and activities, what we have done over the period of time. Let me just take some time to introduce my colleagues. On my left, its Encik Safwan, who is in charge of the Parliament Affairs and he's from the Chief Executive Office. Encik Farizul, he's a CFO of HRD Corp. Encik Farizul, maybe you can stand up here.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: *Assalamualaikum, good afternoon.*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *Encik Farizul is the Chief Finance Officer of HRD Corp, and Mr. Rony Ambrose is the Chief Strategy Officer of HRD Corp. All the initiatives, programmes that has been crafted in HRD Corp comes from Mr. Rony's division. Next to Mr. Rony is Madam Merle. She's our legal and COSEC (Company Secretary), Chief Legal and next to that is Madam Wan Yon. She's in charge of Customer Acquisition. So, I will welcome Encik Farizul to go on with the presentation to the PAC. Thank you.*

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Baik. Terima kasih Dato' Wira Shahul Dawood. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang Berhormat Dato' Wira Pengerusi, Dato' – dato', Ahli-ahli Majlis PAC, Dato' Haji Amran, wakil Kementerian... *[Disampuk]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Menyampuk]* Okey, Fazirul?

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Farizul, Dato' Wira. *Yes.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Farizul, dekatkan *mic* sikit, boleh tak? Kita tak berapa dengar.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Boleh dengar, ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kalau boleh, nak macam makan *mic* pun boleh juga. Dekatkan, ya.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: *[Ketawa]* ... dan rakan-rakan saya daripada HRD Corp. *Clear* ya, Dato' Wira? Jadi, *presentation* ini akan dibuat bersama-sama dengan Mr. Rony. Saya akan *cover in terms of the* Sumber Dana dan kemudian, Mr. Rony akan membuat *presentation* terhadap Keberkesanan Program dan Latihan, dan saya akan *cover in terms of the* Tadbir Urus Dana dan Inisiatif Latihan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum teruskan, saya nak mengingatkan kepada semua Ahli PAC. Kita dengar dulu *presentation, then* baru kita tanya soalanlah ya supaya kita dapat gambaran yang jelas sebelum kita bertanyakan soalan. Terima kasih. Okey, teruskan.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Baik. Terima kasih Dato' Wira. Kita *move on.* Jadi, kita– HRD Corp telah ditubuhkan pada tahun 1993. Tujuannya adalah untuk mengumpul dan– mengumpul levi daripada industri utama dan menyalurkan geran latihan kepada majikan untuk latihan dan pembangunan sekerja. Jadi, *over the years of 30 years,* HRD Corp tidak hanya terhad kepada mengumpul levi dan juga penyaluran geran tetapi lebih daripada itu. HRD Corp telah menambah nilai semenjak tahun 2020, kalau saya ingat, untuk menambah nilai sepanjang penubuhan syarikat, untuk menjadi pemangkin dan aspirasi sepanjang kepada bakat negara, *which is the talent. The Human National Talent Development in Malaysia.*

So, jadi visi kami adalah setiap rakyat Malaysia dilatih dan boleh bekerja. *So, the employable of the* rakyat Malaysia itu adalah menjadi visi kami dan misi kami, *everyday, the mission is to* meningkatkan kualiti hidup melalui pembelajaran sepanjang hayat dan perolehan kemahiran kerja dari masa hadapan. Jadi, *with the* visi dan misi yang ada di HRD Corp, cara kami bekerja *a little bit different*-lah, kan. *Not just on the* pengumpulan levi dan pembayaran sahaja tetapi lebih daripada itu. Jadi, kami membuat banyak aktiviti *in terms of the development of human capital in Malaysia* melalui *NTW (National Training Week), NTI (National Training Index Malaysia)*. Yang itu yang akan dibawa oleh HRD Corp. *moving forward. Next one. [Merujuk kepada slaid]*

Ini adalah kronologi pencapaian HRD Corp daripada 1993, Dato' Wira dan Ahli Majlis. *Significant achievement* yang kita ada daripada tahun 2001, daripada

kita bermula daripada HRDF *(Human Resource Development Fund)*. Daripada 2001, penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 telah menjadikan HRDF kepada HRDC sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk menjadi CLBG. Jadi, *along the way,* kita berjaya untuk menambah nilai HRD Corp itu sendiri dengan melaksanakan penilaian keberkesanan latihan, *which is the TEE in 2019* dan juga rangka kerja pembangunan jurulatih (TDF). Yang ini untuk nak menguatkan kerangka *governance* dalam melatih industri latihan di Malaysia itu sendiri.

Juga dapat meningkatkan kualiti jurulatih dan penyedia latihan serta latihan dan juga program mereka ini. Pada tahun 2021, pihak PSMB telah berjaya meluaskan Akta *PSMB Act* dengan merangkumi semua sektor kecuali sektor Kerajaan Persekutuan dan negeri serta badan bukan kerajaan yang terlibat dalam aktiviti sosial. Jadi, apa– dan pada tahun 2021 itu juga, kita telah menjenamakan semula HRDF kepada HRD Corp dan pada tahun 2023, Dato' Wira Pengerusi dan Ahli Majlis, HRD Corp telah melancarkan Indeks Latihan Kebangsaan (*National Training Index)* yang diterima pakai oleh semua kementerian dan rujukan. Jadi, Mr. Rony akan *explain a little bit further on that NTI later on.* Jadi, apa yang kita nampak di sini, HRD Corp telah berkembang pesat untuk menjadi *champion* ataupun *the forefront of the human capital development in Malaysia* itu sendiri.

Jadi, saya akan masuk kepada Sumber Dana. *For the last*– dari tahun 2012, Dato' Wira Pengerusi, sumber dana dan peruntukan ini, kutipan levi, untuk makluman Ahli Majlis, adalah daripada majikan. Majikan membayar levi satu peratus daripada gaji pekerja untuk majikan yang lebih daripada 10 orang pekerja. Jadi, prosesnya *very simple.* Majikan membayar levi setiap bulan kepada HRD Corp dan HRD Corp akan membuat *approval*, semakan terhadap *any training* ataupun latihan yang diperlukan oleh pihak majikan sendiri, yang tidak bergantung kepada HRD Corp. Cuma, kita bagi *framework,* apa jenis latihan yang dibenarkan, berapa *maximum amount* yang dibenarkan untuk majikan dan juga penyedia latihan.

Jadi, kita ada proses. Kita panggil *grant approval* dan *later on* akan jadi *claim approval.* Semua ini adalah *independent* dan juga dikawal selia oleh *framework* dan juga tatacara kelola syarikat itu sendiri. Untuk makluman Ahli Majlis dan Dato' Wira, pada tahun 2020 dan 2021 kita nampak ada pengurangan dari segi bantuan kewangan yang diluluskan. Penurunan ini adalah kerana *because of COVID-19* yang kebanyakan industri tidak dapat melatih pekerja mereka. Walaupun kita telah *push* untuk nak *go for the online training, but its not that*

effective, dan pada tahun 2022 pun ada kenaikan sedikit disebabkan oleh perluasan akta.

Jadi, syarikat-syarikat yang baru masuk dalam HRD Corp *Fund* itu sendiri, baru memulakan membuat pembayaran levi kepada HRDC dan mungkin ambil masa setahun atau dua tahun.

■1500

Jadi, *average of* bantuan kewangan yang diluluskan kepada kutipan levi ini sendiri adalah 60 ke 70 peratus. Jadi, yang kita nampak sekarang ini *is already been catching up. In 2023, as of September, the rate is actually at 67 to 70 percent.* Itu adalah *rate* yang bagus kita nampak untuk 70 peratus. Maksudnya, kalau majikan bayar RM10, RM7 telah dibelanjakan untuk program latihan pekerja mereka itu sendiri. Itu adalah *target* HRD Corp untuk bantuan kewangan yang diluluskan *over the* kutipan levi.

Jadi, yang tadi itu adalah untuk kutipan levi daripada majikan. Ini adalah sumber dana dan peruntukan yang dapat daripada geran kerajaan yang diterima. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Jadi*, total* daripada tahun 2012 sampai ke 2022 adalah berjumlah RM724 juta dan geran kerajaan yang telah dibayar melalui itu adalah RM724 juta. Maksudnya, *is matching*.

Jadi, saya nak *highlight.* Untuk tahun 2020 itu sendiri, HRD Corp telah memberikan geran padanan (*matching grant*) sebanyak RM230 juta untuk *matching grant* pada kerajaan itu sendiri. Maksudnya, kerajaan telah mengeluarkan RM230 juta dan HRD Corp pun telah mengeluarkan RM230 juta untuk *matching*. *So, total is about RM500 million* untuk program-program latihan yang telah dijalankan pada tahun 2020, 2021 dan 2022. Pada tahun 2023, dana itu pun telah diguna pakailah. *In terms of the governance and framework, I will go through into details in the next slide.*

Untuk bahagian keberkesanan program dan latihan, *Mr. Rony will take over from here*.

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya akan menyambung pembentangan untuk bahagian kedua berhubung dengan keberkesanan program.

Untuk pembentangan ini, saya ingin memulakan kenyataan bahawa mandat yang telah diberikan oleh kerajaan telah menggalakkan agensi ini untuk meliputi lebih ramai industri dan juga majikan di Malaysia.

Sekiranya kita lihat di bawah statistik ini, kutipan levi telah meningkat jauh berbanding pada asal penubuhan agensi ini pada tahun 1993. Kalau kita lihat

daripada sudut kutipan levi daripada 1993 sehingga hari ini, kita telah melonjak lebih daripada 33 kali ganda. Perkara ini telah memberi manfaat kepada lebih daripada 4.3 juta pekerja yang ada diliputi di bawah akta yang mana sekiranya kita lihat dalam aspek permulaan HRD Corp, ataupun HRDF pada masa tersebut, pada hari ini kita telah meliputi lebih daripada 13 kali ganda daripada tahap permulaan kita pada tahun 1993.

Sekiranya kita lihat dari sudut kematangan industri menggunakan dana yang dikutip oleh kerajaan melalui HRD Corp pula, kita lihat bahawa jika dibandingkan pada tahun 1993, pada hari ini majikan-majikan kita telah lebih matang menggunakan dana yang telah diperuntukkan oleh kerajaan melalui kutipan levi yang telah mereka bayar sebelumnya.

Justeru, secara tidak langsung kita dapat melihat kesan daripada kutipan levi dan penggunaan levi ini. Kita dapati lebih daripada 1.5 juta tempat latihan telah diluluskan pada tahun 2022 yang mana ianya merupakan lebih daripada 50 kali ganda berbanding dengan pada masa PSMB, ataupun HRDF pada masa itu, bermula pada tahun 1993.

Bagi memastikan bahawa ekosistem tujuan latihan dan pembangunan modal insan ini dapat dilaksanakan sewajarnya, ekosistem di bawah HRD Corp juga telah berkembang selama 30 tahun ini. Suka kita nyatakan di sini bahawa dalam tempoh 30 tahun, kita telah melihat lebih daripada 5,400 penyedia latihan telah berdaftar di bawah agensi ini dan menawarkan program-program latihan kepada lebih daripada 88,000 majikan yang telah berdaftar di bawah dana melalui penglibatan lebih daripada 16,000 jurulatih yang bertauliah dengan lebih daripada 2,464 jurulatih yang telah mendapat pengakreditasian.

Penggunaan levi di bawah majikan adalah merupakan budi bicara majikan sepenuhnya, Datuk Wira Pengerusi dan YB-YB sekalian. Yang mana di bawah sistem penggunaan levi, HRD Corp membenarkan majikan yang membayar levi kepada kerajaan, melalui HRD Corp, menggunakan dana ataupun levi tersebut melalui mana-mana 11 inisiatif ini. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

Malah, boleh dikategorikan bahawa kesebelas-sebelas inisiatif ini menjurus kepada beberapa aspek utama iaitu, pertamanya, skim-skim yang membolehkan majikan melatih pekerja secara langsung baik sama ada melalui platfrom *HRD Corp Claimable Courses*, Skim Bantuan Latihan, Skim Latihan Bersama dan sebagainya. Kita juga mempunyai platform yang benarkan majikan mewujudkan pusat latihan di syarikat masing-masing melalui skim-skim seperti Skim Pembiayaan Peralatan, skim *Computer Based Training Scheme* dan sebagainya.

Kita juga membenarkan majikan untuk menggunakan levi bagi melatih para graduan yang belum memasuki alam pekerjaan dengan budaya kerja yang sepatutnya melalui inisiatif-inisiatif atau skim-skim seperti *On-The-Job Traning, Industrial Training Scheme, Recognition of Prior Experiential Learning* dan sebagainya. Ini adalah kesebelas-sebelas skim yang mana majikan yang membayar levi di bawah HRD Corp boleh gunakan levi tersebut untuk tujuan pembangunan modal insan syarikat masing-masing.

Bagi kategori inisiatif di bawah penggunaan dana yang diberikan oleh kerajaan pula, suka dinyatakan di sini bahawa tumpuan inisiatif adalah berfokuskan kepada empat tunjang berikut.

Pertamanya adalah inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada kelompok pra pekerjaan iaitu membolehkan mereka yang mungkin keluar daripada alam persekolahan, 11 tahun persekolahan ataupun daripada universiti sebelum memasuki alam pekerjaan untuk diberi kemahiran yang sewajarnya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas.

Kelompok inisiatif ataupun tunjang inisiatif yang kedua adalah mereka yang telah pun bekerja. Yang mana inisiatif-inisiatif ini seperti membolehkan kakitangan-kakitangan di bawah perusahaan kecil dan sederhana memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka kekal bekerja di syarikat masing-masing.

Kelompok inisiatif ketiga menjurus kepada tunjang yang merujuk kepada pasca pekerjaan, yang mana kita mengakui bahawa di negara kita mempunyai umur persaraan wajib. Walaupun individu-individu ini masih mempunyai kemampuan dan kebolehan, tetapi oleh kerana wujudnya umur persaraan wajib, maka mereka terpaksa keluar daripada ekosistem pekerjaan. Justeru, di bawah inisiatif ini, kita menggalakkan individu-individu ini untuk kembali berkhidmat di dalam industri baik sama ada sebagai tenaga pengajar mahupun tenaga mahir yang diupah semula sama ada secara *part-time* ataupun secara kontrak.

Kelompok inisiatif yang keempat pula adalah untuk memastikan inisiatif-inisiatif latihan dapat dilaksanakan iaitu kelompok yang mana melihat kepada ekosistem pembelajaran itu sendiri. Di sinilah, Yang Berbahagia YB Datuk Wira Pengerusi dan ahli-ahli sekalian, suka dinyatakan bahawa penglibatan industri di dalam kelompok tunjang yang keempat ini sangat-sangat aktif. Melalui platform ini, kita dapat melihat penglibatan industri yang tampil ke depan menyokong inisiatif-inisiatif HRD Corp sama ada melalui platform *Sectorial Training Committee* mahupun platform-platform seperti *Industry Expert Committee* yang mana komiti-komiti ini membantu HRD Corp meneliti sama ada program-program yang

ditawarkan adalah merupakan program-program yang terkini dengan silibus-silibus yang diperlukan oleh industri ataupun tidak.

Ini adalah empat tunjang utama yang kita pandukan apabila kita membangunkan inisiatif-inisiatif di bawah pembiayaan dana kerajaan.

Slaid berikutnya menunjukkan peralihan sejak tahun 2012 sehingga ke tahun 2022 bagaimana aspek kematangan telah menggalakkan pewujudan-pewujudan inisiatif yang menyokong kepada keperluan terkini industri. Suka saya tekankan, sekiranya kita lihat kelompok inisiatif pertama dari tahun 2012 sehingga tahun 2018, contohnya, di situ kita lihat penekanan ke atas skim perantisan. Kenapa skim perantisan pada waktu tersebut? Kerana industri masih memerlukan kelompok individu yang perlu di-*hand-hold*-kan sebelum dimasukkan ke dalam arena pekerjaan.

Tetapi, sekiranya kita lihat inisiatif pada tahun 2021 dan 2022, kita lihat inisiatif seperti *SME Skills* yang mana inisiatif ini membolehkan pekerja-pekerja di dalam sektor pengilangan, perkhidmatan dan sebagainya, *small and medium enterprises* kekal di dalam pekerjaan dengan memiliki kemahiran seperti industri revolusi keempat dan sebagainya.

■1510

So, di sini kita dapat lihat peralihan tumpuan, inisiatif, penggunaan dana kerajaan berlandaskan kepada kematangan industri dan keperluan industri yang semakin berkembang. *Next.*

Suka saya ambil peluang ini untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli sekalian. Tindakan ataupun apa usaha inisiatif HRD Corp perlu di– *Sorry.* Telah dinilai keberkesanannya pada tahun 2017 yang mana pada tahun 2017, HRD Corp atau HRDF pada masa tersebut telah bekerjasama dengan *World Bank Group* untuk membuat kajian keberkesanan HRDF dan dapatan daripada kajian tersebut adalah seperti berikut.

World Bank Group telah membuat perbandingan di antara syarikat yang melakukan latihan tetapi tidak berdaftar dengan HRD Corp dengan syarikat yang melakukan latihan dan berdaftar dengan HRD Corp. Hasil daripada perbandingan tersebut didapati bahawa syarikat yang melakukan latihan dan berdaftar dengan HRD Corp adalah 24 peratus lebih berkebarangkalian untuk aktif berbanding dengan syarikat kumpulan sasar yang terdahulu.

Juga didapati melalui kajian ini, majikan yang melatih pekerja, melihat ataupun menikmati tiga peratus peningkatan produktiviti berbanding dengan syarikat yang tidak— yang melatih pekerja tetapi tidak di dalam liputan HRD Corp pada masa tersebut. Justeru, dapat disimpulkan bahawa inisiatif penggunaan dana

HRD Corp pada tahun sebelum 2017 ke atas merupakan inisiatif yang berkesan dan memberi kesan yang positif kepada industri.

Justeru, disebabkan oleh penemuan-penemuan ini, maka pada tahun yang sama, HRD Corp— *HRDF* pada masa itu, telah bekerjasama dengan *World Bank Group* untuk mewujudkan atau membangunkan apa yang kita namakan sebagai *HRDF National Workforce Human Capital Development Blueprint* yang menjurus kepada penambahbaikan, pelaksanaan dan pengendalian dana sumber manusia. *Next.*

Juga suka saya nyatakan bahawa penilaian berikutnya telah kita lakukan secara besar-besaran melalui pembangunan dan pelaksanaan apa yang kita namakan sebagai *National Training Index*. Kita sedar bahawa kesan latihan tidak seharusnya diukur berdasarkan kepada manfaat yang dinikmati oleh syarikat sahaja. Ianya perlulah dilihat latihan tadi menyumbang kepada keperluan negara.

Justeru, pada tahun 2019, HRD Corp telah memulakan inisiatif pembangunan *National Training Index* dengan melakukan pelbagai usaha *engagement* dengan industri-industri dan juga jabatan di bawah kementerian dan akademia, mewujudkan *National Training Index Framework* yang mana telah dibangunkan dan telah dihasilkan dan akhirnya telah dilancarkan pada 5 September lepas. Melalui– *Next. [Merujuk kepada pembentangan slaid]* Melalui kayu pengukur *National Training Index* ini, kita dapati bahawa negara secara keseluruhannya telah berada di tahap yang matang ataupun *experience* negara yang berpengalaman dalam aspek memberi latihan kepada rakyat ataupun kepada para pekerjanya.

Bacaan 0.7 menunjukkan bahawa Malaysia *is an experienced country* dalam aspek melatih pekerja dan ini adalah merupakan faktor rujukan yang boleh digunakan oleh kerajaan dalam meyakinkan *foreign investors* bahawa walaupun Malaysia bukanlah sebuah negara yang murah dari sudut *labor cost* tetapi kita mempunyai kelompok pekerja yang terlatih dan ini disokong oleh pencapaian di bawah sektor pengilangan yang mana sektor pengilangan merupakan sektor yang dilihat sebagai *a leader when it comes to training and development of the* industri.

Manakala daripada sektor servis juga, *status leader* diikuti dengan *mining and quarry* dan seterusnya. Apa yang boleh kita simpulkan melalui *National Training Index* ini YB Datuk Wira adalah kayu pengukur keberkesanan latihan dapat dilihat bukan sahaja dari tahap industri tetapi juga dari sudut negara secara keseluruhan. *So,* saya serahkan semula kepada Encik Farizul.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Terima kasih Encik Rony. Jadi, Datuk Wira Pengerusi dan Ahli Majlis, saya akan teruskan untuk tadbir

urus dana dan inisiatif latihan. Sebelum kita mulakan kepada tadbir urus, suka saya untuk nak menambah untuk *reporting structure HRD Corp* itu sendiri. Punca kuasa daripada PSMB adalah *PSMB Act 2001* dan diturunkan kepada Yang Berhormat Menteri *of Human Resources– Ministry of Human Resources* dan kepada *Board of Directors.*

Jadi, *Board of Directors* kita adalah daripada 10 orang daripada *employers*, tiga daripada *government* dan juga *public sector* agensi, satu daripada MOHR, satu MOF dan satu *Chief Executive,* dua daripada *Minister who are able– Opinion of the Minister who are able to contribute to the work of the corporation.* Jadi, maksudnya di sini, semua adalah *independent,* satu sahaja *the Executive Director which is* Datuk Wira Shahul*.*

Jadi, di bawah *Board of Directors* itu sendiri, kita ada empat *sub-Board which is the Board Audit & Risk Management Committee (BARMC), Board Operation Committee (BOC), Board of Nomination Remuneration Committee (BNRC)* dan juga *Training Levy & Review Committee.* Ditambahkan lagi, dengan *governance framework* kita juga, disebabkan Pembangunan Sumber Manusia Berhad adalah CLBG, jadi kami juga adalah tertakluk kepada SSM sebagai *regulator.* Jadi, kami kena *submit financial report every year* yang diaudit oleh audit– *independent auditor* lah*.* Jadi, saya *nak share* kan juga *independent auditor* kita adalah BDO dan sebelum ini *independent auditor* kita adalah *PricewaterhouseCoopers (PWC). Okay. Alright.*

Ini adalah *overall* proses HRD Corp *in managing the Levy Fund.* Jadi, kita ada tiga sumber *which is the Levy Fund,* datang daripada majikan, *Strategic Initiative Fund* dan juga *Government Grant,* maksudnya geran kerajaan itu sendiri. Untuk *Levy Fund,* disebabkan *Levy Fund* itu sendiri datangnya daripada pihak majikan, prosesnya adalah melalui *grant approval.* Jadi, *grant approval* ini sebelum *any training,* majikan perlu *submit* geran *proposal* untuk *training* dari segi *training* yang tertakluk kepada 11 *training* yang telah ditawarkan oleh HRD Corp melalui *training providers* dan juga jenis latihan dan juga amaun latihan itu sendiri sebab di *market* itu sendiri, kita— HRD Corp menentukan *this* harga siling untuk *training-training* yang tertentu.

Jadi, kita *nak* kawal selia industri latihan itu sendiri. Tak ada *trainer* ataupun penyedia latihan yang orang kata tekan hargalah. Kan? Jadi, kita dah limit untuk IT, *for example*. Kos latihan tidak lebih daripada 5,000. Jadi, itu akan mengawal selia *the industry of the training* juga. Selepas *grant approval,* jadi *the training provider will do the training to the* majikanlah. Jadi, selepas daripada itu, akan ada satu lagi

slot *which is the claim approval.* Jadi*, claim approval, the team between the grant approval and also the claim approval actually totally different teams.*

Its actually independent that they have their own terms of reference and governance framework as well and then, dua benda ini *claim referral.* Maksudnya, untuk pihak penyedia latihan dan juga majikan untuk *claim the training itself.* Maksudnya, majikan– Pihak PSMB akan membayar kepada majikan dan juga penyedia latihan. Selepas daripada *claim approval,* barulah pergi kepada *payment, which is under my jurisdiction.* Kalau tiada *grant approval* dan *claim approval, payment* untuk *finance* tak akan keluar *payment* satu sen pun kepada penyedia latihan ataupun majikan. Jadi, kita ada kes yang sebenarnya penyedia latihan ini ada buat *train* tapi tak *go for the appropriate approval,* kita memang *reject.* Tak ada satu pun yang keluar daripada *payment* ini *without the grant and also the claim approval. Next one.*

Jadi, ini adalah inisiatif– *Process of initiative strategic* HRD Corp. Disebabkan *fund* ini datangnya daripada *government and also from our unutilised levy,* prosesnya *a bit different.* Sebab kita perlu menilai dan– menilai daripada penghantaran kertas cadangan itu sendiri.

■1520

Cadangan ini akan dilihat, dinilai dan diluluskan oleh *committee-based,* kita panggil AJK Pemilihan, dan kelulusan ini adalah melalui *limit of authority.* Selepas *approval from the committee-based,* akan ada pelaksanaan dan *also* tamat latihan dan ia akan *go through the same process which is the grant, the claim and also the payment.* Jadi, perlu ada penilaian dan kelulusan daripada *committee-based* itu sendirilah.

Saya nak sentuh sikit *in terms of the* tadbir urus korporat HRD Corp, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan ahli majlis. Sebenarnya HRD Corp ini adalah CLBG. Kita *as good as the other public listed companies.* Sebab, satu punca kuasa kita datang daripada *PSMB Act and also CIBG governance. Then,* nombor dua, *we have the limit of authority, the term of reference from the board and also board charter framework and as well as the standard operating procedures.*

Jadi, dari segi *internal and external audit,* saya dah maklumkan sebelum ini, *our external auditor is BDO* yang kita memang *submit every year.* Dan untuk makluman Datuk Wira dan juga ahli majlis, masa tahun 2022 audit, kita berjaya untuk tidak ada satu isu daripada pihak *auditor. Is a clean sheet report* untuk tahun 2022. *Insya-Allah,* kita akan *continue* untuk *have a clean sheet report* untuk *financial auditor.* Jadi, untuk *internal audit, we do have our governance and risk*

management as well as an internal audit department who actually report directly to the board of directors.

Saya suka nak tambahkan juga. Untuk Jabatan Audit Negara, kita pernah ada Jabatan Audit Negara (JAN) *review audit* masa tahun 2018 dan sekarang pun kita tengah *undergoing JAN review for 2023.* Jadi, setiap lima tahun akan ada *review* sebenarnya. Jadi, *review* ini adalah *complete review of our* pengurusan dan pengurusan dana, pengurusan *in terms of the operation as well,* termasuklah pengurusan geran kerajaan. Jadi, *so far, insya-Allah, alhamdulillah,* saya ingat tak ada apa-apa isu *in terms of* ini. Kita akan *cooperate to the* Jabatan Audit Negara.

Selain daripada itu juga, kita ada *also* menambah baik dari segi *governance and framework where we have establish the OACP, the Organisational Anti-Corruption Plan* untuk menambah baik dari segi kita punya *corruption— in combating our corruption. And because of that, in 2023 which is this year,* kita telah mendapat pensijilan ISO 37001 *on the Standard Anti-Bribery Management System (ABMS).* Baru sahaja dilancarkan pada Julai tahun ini.

Selain daripada itu juga, kita adalah ISO *certified,* antara agensi terawal di Malaysia yang mendapat pensijilan *ISO Quality Management System. Insya-Allah,* tahun depan, kita akan usahakan untuk mendapatkan pensijilan *Standard Business Continuity Management System (BCMS)* dan *we have a comprehensive enterprise management system.*

Jadi, *these, the ring-fence of our governance and framework, I can say that is a well governed and because of that,* kita tak ada langsung kes daripada pihak SPRM sejak tahun 2020.

This is an overall in terms of our governance good practice. [Merujuk pada paparan di skrin] Apa yang cuba saya sampaikan untuk slaid ini adalah untuk *board,* dia akan *to set the guidelines and expectation of the instruction, guiding principle. And because of that, then* turunkan kepada *chief executive, where the chief executive is actually being guided by the committee-based SLC.* Tiada satu pun *decision* atau keputusan yang dibuat oleh *chief executive without the guidance* daripada pihak SLC.

Jadi, pihak SLC ini siapa? Adalah semua *C-suite* di HRD Corp. Jadi, kita akan *deliberate as good as a board, where we have established the charter, and also the term of reference for the SLC to make sure that we are running smoothly but with an appropriate governance and control.*

Untuk mengakhiri *presentation* saya, Datuk Wira Pengerusi dan juga ahli majlis, selain daripada *all the governance framework— the TOR, the SOP, the framework—* HRD Corp juga menambah baik dari segi dasar.

Penambah baik dari segi dasar HRD Corp telah dilaksanakan pada tahun 2022 iaitu hanya satu pengarah dan satu penyedia latihan berdaftar sahaja yang boleh dibenarkan untuk penyedia latihan untuk *submit proposal to us.* Ini sebab kita nampak daripada tahun-tahun sebelum ini, satu pengarah dia boleh *submit* dua, tiga *proposal of different company* tapi satu pengarah. Jadi, kita nampak *that is the governance issue.* Jadi, kita hanya *limit*-kan hanya satu pengarah dan satu penyedia latihan sahaja yang dibenarkan untuk *submit the proposal.*

Nombor dua adalah penambahbaikan dari segi kriteria pembiayaan kerajaan. Hanya penyedia latihan yang telah berdaftar di HRD Corp sahaja lebih daripada enam bulan. Maksudnya, kita tak nak *all these mushroom companies* yang terus *submit the proposal and get the training fund from HRD Corp. They have to be minimum of six months with HRD Corp and also demonstrate their capabilities and expertise in the training field before they can actually submit their proposal.*

Penambahbaikan yang ketiga adalah dari segi matriks kos. Ini kita panggil *Allowable Cost Matrix* yang dibenarkan untuk pembiayaan kerajaan. Yang ini saya bentangkan sebelum ini untuk nak *make sure everything standardized, everything can up to ceiling* amaun yang telah dibenarkan. Jadi, takkan ada *deviation in terms of* satu industri *to* satu industri yang lain dan juga dari segi penyedia latihan A *to* penyedia latihan B. Kita dah silingkan amaunnya. *Because,* untuk nak *come out with the Allowable Cost Matrix* (ACM) ini juga berdasarkan daripada *historical data* dan *evaluation of the commercial proposal from the* penyedia latihan itu sendiri.

Jadi, penambahbaikan yang keempat adalah penglibatan langsung daripada jurulatih dan ini adalah untuk membolehkan penglibatan secara langsung jurulatih untuk program HRD Corp.

Once again, the importance the PAC has to understand, HRD Corp has zero control on the fund that belongs to the employer. It is employer's funds. Employer decides what training they want to go. They decide who is the training provider. Cuma, *we make sure that the training provider has a quality, they are registered with us, they have upgraded themselves with us and there is training certification, all the contents are registered with HRD Corp. So, in a way, we just ensure that the training is spent. If you don't monitor, YB, the employers will take this money and they might have spent it in a form of leadership training but they will go on holiday. They can use this fund for any other retreat which is not meant for training and development.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Sorry, I don't understand that. How is it that the employers can get— where is the money then? Where is it dumped in? Different companies?*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *But it is all different companies.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *That was why it was born. That is why you were born.*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *Yes.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Right?*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *I have this question. I am at the slide page 19. So, there is Levy Funds, Strategic Initiatives Fund and Government Grants. So, apart from Levy Funds, you have the Initiatives Fund. Can you please elaborate more on that? And how come the Levy Fund, we can skip the evaluation proposal and directly grant approval?*

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: *YB, allow me to address this question. Like what highlighted earlier, there are two sources of funding. The first part is the levy being payment by the employer.*

The second one is from the government funding. For government funding is meant to address government specific concern and interest. For example, unemployed graduates, single mothers and whatsnot. For this purpose, the government will normally provide allocation or budget for us to conduct. For this funding utilization, YB, it is meant to achieve those kinds of purposes.

■1710

On the first part, which is the levy which is paid by the employer, this is where the levy paid by the employer, this is where the discretion to utilize this levy falls under the employer's discretion. They will submit an application for grant to be process by us and claim by the training providers.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *How much is the government grant and the Strategic Initiative Fund, is it stated? Because, we saw the Levy Fund.*

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: *YB, this is the breakdown of the* geran kerajaan diterima, *then* geran kerajaan *being utilized.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Oh, okay. Utilization is more than* diterima.

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: *Basically*, *we pay in advance. We helped to pay first, then we claim from the government.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Oh, there such thing?*

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Ya, ya.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Okey...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira, *how this– I want to go back to training providers. They all qualified, certified* lah? Ya?

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: *Yes, YB.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *By who? Certified—* siapa yang berikan *certification?*

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: Okey, Datuk Wira, *if I may.* YB, kita pecahkan kelompok ini kepada dua. Yang pertamanya adalah penyedia latihan itu sendiri sebagai syarikat yang membekalkan latihan. Keduanya, tenaga pengajar ataupun *trainer* yang memberikan latihan tersebut. Kedua-dua kelompok ini perlu berdaftar dengan HRD Corp. Penyedia latihan perlu berdaftar sebagai organisasi yang menawarkan latihan dan mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Siapa yang membuat penilaian...

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: Kita ada pegawai– Kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Training provider* mana yang *qualified* yang untuk melaksanakan *training programme* ini? Siapa yang buat penilaian?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, dalaman ataupun luaran yang...

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: YB, untuk pendaftaran penyedia latihan ini, dia berdasarkan kepada pegawai pemprosesan, pendaftaran penyedia latihan. Untuk tenaga pengajar, dia perlu melalui latihan ataupun persijilan *Train-The-Trainer (TTT).* Itu untuk tenaga pengajar.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Train-The-Trainer.*

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: *Yes.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, boleh *tak* kita minta HRDF beri kepada kita *list of training providers for the last three years?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yes.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Thank you*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya *nak* tanya soalan. Okey, muka surat– Kita tengok ya. Penambahbaikan Dasar HRD Corp. *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Yang mana telah dilaksanakan pada tahun 2022. Yang ini *I believe* sewaktu Datuk Wira Shahul baru ya menjadi— maksudnya berada dalam HRD Corp. *Alright.*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So,* saya ucapkan tahniah atas perkara tersebut dan boleh *tak* terangkan kepada kita, kenapakah penambahbaikan dasar ini dibuat? Mungkin di atas perkara-perkara ataupun pemerhatian ataupun perkara yang telah berlaku sebelum ini. Mungkin ada yang mereka terlepas pandang ataupun contoh macam telah disebut oleh Yang Berbahagia Datuk Wira sebentar tadi. Maksudnya, tidak mahu syarikat itu kata ada— mohon untuk geran latihan tetapi sebenarnya dia bawa pekerjanya pergi untuk *vacation.* Okey. Jadi, mungkin perkara-perkara itu yang telah pun ditemui. Boleh tak terangkan *comparison* sebelum Datuk Wira berada dalam HRD Corp dan sewaktu berada dalam HRD Corp, perkara yang telah dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *Thank you, Datuk Wira Chairman. Actually, we are not perfect Datuk Wira Chairman, as an organization. We don't mind sharing this, you know. We go for continuous improvement. We are 30 years old organization, collecting more than 10 billion levies. Training 20 million people in the last 10 years. We can never be perfect. But, we've got a lot of legacy issues, Datuk Wira Chairman. HRD Corp was never a digitally transformed organization. When we collect two billion levies, we almost like a mini bank. Sorry to tell this. We will be operating with the system that may not be capable to handle 2 billion in the past. But today, we understand our weakness, we continue to go for*

improvement in the weakness. You know, this was implemented during my former Chairman Datuk Seri Jamil.

We understand what was the issue, we anticipate. Every time Datuk Wira Chairman, when there was a new government grant comes in, there's a lot of mushroom of training providers comes overnight and they've come to HRD Corp and said, everybody wants to do training. We anticipate that problem and we said, we have to put a stop to this problem, and we said, anybody wants to do training, especially on the government grant, you must be at least six months with HRD Corp and you must do your own training before you qualified into government grant. But, if you want to go back and use levy with the employers, you can go ahead. That's not our control, that's employer's control. That's number one.

Prior to 2020 Datuk Wira, we have maybe one Director have 20 companies in HRD Corp. Registered in HRD Corp. So, we have to ask the question. Why should one Director need 20 companies in the HRD Corp when you are just going to do one training? So, this is another problem we find out, we addressed this. Effective 2020, we said, one company, one Director only one company HRD Corp. If you have more than that, we rejected and we terminate them out of the system. We purged them out of the system.

Third point, when we give a– This is a very classic example Datuk Chairman you know, lot of them will agree to this. When HRD Corp give a Training Fund to the training provider, we give it to the Training Company A, but Training Company X will do the training. In the line of cost, margin of 10 percent, 20 percent mark eaten up and the cost of training will be conducted of 30 percent of the cost or 40 percent of the cost. So, to address that, we come with a strong policy that you can't outsource any training without the knowledge of HRD Corp.

If we found out that you outsourced, you'll be backlisted from HRD Corp.

Point number four, we are talking about COVID time. A lot of professionals who's lost jobs, Datuk Wira. They are from aeronautic industry, engineering industry, hospitality industry. They've come with the knowledge, wisdom with 15 years, 20 years. So, we want to open up opportunities for these people. To us, we come to a level, the content is more important than the training provider. The quality of content is very important with HRD Corp, because we opened up the floodgate by enhancing you know, enacting one of the largest acts. From 30,000 employees, we've moved to 80,000 employers. It's a floodgate for training providers. But, we wanted to focus on quality training. So, we opened up this professionals who have the knowledge, who has the skills, they can directly work with HRD Corp.

You don't need to have the training company. As a trainer, you go to the TTT, you register yourself, you qualified yourself, then you can do the training. There is another very important fault, allowable cost metric, Datuk Chairman. These are the classic examples, Company A doing digital marketing, Company B doing digital marketing. But, Company A will get 5,000, Company B will get 3,000. So, why there's a disparity in the cost when the cost content is the same? So, we focus on allowable cost metric based on the industry standard. Based on the industry experts who advised us. So, today we focus allowable cost metric. Per day is 700, everybody gets 700. Unless if you've come with the certification that is from Harvard or Oxford, you can justify to us, the we gives you– go for the certification. But, nothing is carved on the stone.

If you can justify that is worth the training, we give it back to you. So, this all that polices that we've put in place to ensure that there's a mechanism is tighter, but Datuk Wira *Chairman, as much as we tighten up, there's a group of people will be sitting down and see how they could've break the policy and they work around the problem. But, one thing we could assure you, myself along with my senior leadership here, if we can find out one person in HRD Corp collected money in the last two years without doing a training, we take complete responsibility, sir.* Datuk Wira *Chairman. In the last three years, HRD Corp had never any incident of one time that we are being called for any investigation of abused of training fund, so on and so forth. It is always different agencies, but in the perception of the industry, anything that are related to the training, HRD Corp will be the first one that will caught into the wrong mileage* ya, Datuk Wira *Chairman. Thank you.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, kerana tadi saya pun terlupa *nak* tanya, *since* CEO sebut. Untuk SLC, siapa ahli ya? Boleh sebut *tak?*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: SLC *comprises of 11 people. All the senior leaderships that is been working with HRD Corp.* Ya, *this are CFOs, Chief Legal, Chief HR, Chief IT and...*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh dapatkan senarai *tak?*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: Boleh. *We can give it to you* Datuk...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Or you can provide it now?*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *No, we will, we will— we are taking notes. All these documents will be prepared and we'll send it to PAC for the action. Ya, thank you.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, lain? Ya, YB Dr.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, sedikit...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]:...pencerahan mengenai *training provider* tadi yang telah dijelaskan. *Here, you have explained just now.* Ada tak kes di mana penyedia latihan tadi– *I believe you have the mechanism for— to check the this,* apa ini *service provider.*

■1720

But, ada tak kes di mana mereka ini tidak memenuhi syarat ataupun boleh dikatakan menyeleweng dari segi urusan mereka menyediakan latihan? Sekiranya ya, boleh tak bagi maklumat dan apakah tindakan terhadap sekiranya ada penyedia latihan ini yang tidak memenuhi kehendak dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh HRD Corp? *Thank you.*

Puan Merle Fernandez [HRD Corp]: Terima kasih, YB. *May I address that question? So, we have a few mechanisms in place.*

Firstly, ikut *civil, all our training providers signed with us a master services agreement. So, in that agreement, there are all the do's and don'ts. So, if there is a breach,* katakan *fraud, we have two ways of approach. One is to sue them. The other one is to also get our enforcement team to come in. So, for example, if there is a complaint from a third party or if our enforcement team ourselves had comes across a fraud when they are doing their inspection during training, we do investigate that case. There is a report that comes up from the enforcement team, and then we deal directly with CKSP who will then assist us to enforce the act. So, that is from a criminal point of view.*

From a civil point of view, we have, like I said, the agreement. We do take action against them. We send letter of demand. For example, one of it is abuse of our logos, for example. Sometimes, they like to use the logo HRD Corp and they give the impression to the public that we are supporting that particular training program. So, there are actions taken against them through our panel of lawyers, and we do go out there and we give them warnings.

In terms of their ethical— let's say there are complaints from trainees who say that the training was not done properly, there was a complaint against the trainer, the venue was not in order. Then, we have JATI, another committee that looks into the ethical part of it. Because, we are not really the trainer/trainee— we don't have that contract. But because we are responsible for the ecosystem, the

quality of the training, so we do investigate such complaints. And then, if necessary, we will issue a warning, we will send a letter to the training provider to say that there has been a complaint, please take note. Or we even blacklist them in the sense that we suspend their account and we don't let them have access to training grants. So, we have all those mechanisms in place just to make sure that they do carry out and represent the training that they say they do.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *There are cases happening?*

Puan Merle Fernandez [HRD Corp]: Ya, ada. *There are fraud cases that we do seek CKSP's point of view to assist us to enforce.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira…

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak tanya soalan mengenai *page* nombor 9 iaitu jumlah majikan berdaftar dengan HRD Corp. 88,000. Betul? Daripada 88,000 ini, berapa banyakkah yang pernah menggunakan ataupun menggunakan dana levi ini untuk membuat *training* untuk *company* mereka? Sebab, adakah *company* yang kita kutip dana tapi *company* itu tidak pernah membuat latihan?

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *YB, there are cases where the company pays levy and they don't utilise the levy.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Yes.*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *Because, they are lack of fund. For example, I give you, 88,000 employers registered with us, 93 percent of those employers are SME-based. Out of 93 percent of the SME-based, only 33 to 32 percent of the SMEs are doing active training. The rest of them don't do active training because they are lack of funds.*

Contoh*, if you are talking about 20 staff working for you, YB, in SME organisations, you will pay a monthly levy of maybe RM200 to RM250. If you pay for one year, it comes up to RM2,000 or RM2,500. So, with the RM2,500, there might not be sufficient levy funds for them to go through the training. So, we understand the problem. That was the reason for this year's budget, we proposed that we should have a special matching fund for SMEs to address the upskilling and reskilling. If this group of people are left without supporting and monitoring them, that is going to cost a lot to the countries in the long run, Sir.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *So,* berapa *percent* tadi yang tak pakai tadi? *93, is it?*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *No, no, no. 93 percent are SME-based.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *Oh, SME-based.*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *SME-based. Out of the 88,000 employers, 93 percent are SME-based. Out of that 93, 32 percent of the SMEs are actively doing. I don't say the rest of them don't do. The rest of them are very passive users. But there are companies who are actively using training as we push for it. Because of the active push, we can see from 49 percent last year, the utilisation has gone up to 67 percent.*

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Ya, *just* nak tambah, YB. *Basically the range is between the one percent to five percent* sahaja yang tak pakai. Yang tak pakai langsung.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *One to five?*

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: *One to five percent only.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, maaf ya, tadi terlupa tanya soalan apabila kita bincang berkenaan *Skills Passport*. Boleh saya tahu nama syarikat yang mengendali platform ini?

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *YB Deputy Chairman, I don't remember offhand but it is in the report that is going to be handed over to PAC. The audit report. I don't remember offhand the company name.*

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Neomindz Sdn Bhd. *It is in the report,* Yang Berhormat Datuk Wira. Saya akan serahkan *report* ini nanti. Dalam itu akan ada semua detil-detilnya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Just a very straight forward question…*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap. Sebelum Wangsa Maju ini, saya akan izinkan ada lagi dua soalan sebab kita dah 5.26 ya. *So*, saya *allow* untuk dua *questions.* Ataupun kalau Wangsa Maju nak banyak soalan...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Very straight forward question.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, tak apa.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Di Kementerian Sumber Manusia, dulu dia ada majlis, sekarang Jabatan Pembangunan Kemahiran *which evaluate training providers.* Jadi, HRD Corp ini tak pakai langsunglah senarai yang telah disediakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran itu?

Encik Rony Ambrose Gobilee [HRD Corp]: Dengan izin, YB, saya jawab soalan ini. Jabatan Pembangunan Kemahiran juga adalah antara rakan kita, YB. Jabatan Pembangunan Kemahiran, dia mentadbir NOSS. Di bawah NOSS, dia ada persijilan SKM. Kesemua kursus ini adalah berasaskan kemahiran. Dalam konteks lain, industri juga mengambil kursus-kursus persijilan yang lain selain daripada NOSS. *So,* dengan itu, kedua-dua sumber latihan dibenarkan di bawah HRD Corp.

So, menjawab soalan YB tadi, ya kita juga bekerjasama dengan JPK. Kalau boleh, tadi saya sebut inisiatif *Recognition of Prior Experiential Learning, framework* dia adalah apa yang diluluskan di bawah JPK, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada apa soalan lain? Tak ada? *All right*. Tak ada ya? Macam ada nak tanya sahaja ini.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ada, ada. Ada satu soalan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sebab, banyak agensi yang selain daripada HRD Corp ini yang mengutip levi untuk *training*. Selain daripada HRD Corp di bawah *Human Resources* ini adalah satu lagi iaitu CIDB. Mereka juga mengendalikan *training* dan mengutip levi juga. Jadi, *company* ini bayar sana, bayar sini untuk *training* tapi nampaknya kesannya taklah seberapa sangat, yang kita nampaklah. Itu yang industri selalu sebutlah. Kenapa banyak sangat agensi yang membuat *training* tetapi *training*-nya nampaknya kesannya tak berapa berkesan. Sebab, kualiti pekerja di Malaysia ini kalau dibandingkan dengan negara lain memang kita tak setaraf dengan negara lain, negara maju. Tapi, agensi yang kutip dana ini banyak. Ini yang persoalan daripada pihak industri.

Ini mungkin bukan HRD Corp yang jawablah tapi saya menyebut ini sebab HRD Corp adalah sebahagian daripada agensi yang bertanggungjawab dalam mengendalikan latihan pekerja ini.

Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [HRD Corp]: *If I may...*

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: *Datuk Wira and YB, I just want to address this. This was a very major issues HRD Corp had when we went for the expansion of the act in the year 2020. The act was passed in 2021. The banking industry was very upset. "Why should we need to pay HRD Corp when we are already paying money to IBBM?" CIDB was very upset. "Why should we pay money to HRD Corp when there is already I've been paying to CIDB?" What we try to tell, we justify to them, "Actually what being paid to us is your money." We don't*

take the money. Number one. When you go to IBBM, you pay money, you train the bankers only on the banking industry and banking system.

■1730

Contoh, *we have catastrophy like COVID comes again and the bankers lost their job, there is no additional alternative skills for them. When you have been levy fund that is with* HRD Corp, *you are not only supposed to do banking based or training program, you can do any training program that fits well to the organization. And on top of that, the money belongs to you. A lot of them have the perception* Datuk Wira *Chairman, that when I have paid money to the* HRD Corp, *the* HRD Corp *takes the money. Actually we don't take it. The money, we gave it back to them and we encourage them to do it accordingly.*

But alhamdulillah, after two years, now people starts to believe that– yes the money goes back to them and the training goes on and— so, that is why they can see from 600,000 *employees, we have move to 1.6 million employees in the last two years. Ya, thank you*.

Puan Wan Yon Shahima binti Wan Othman [HRD Corp]: *If I may* Datuk Wira Pengerusi *and also Members of* PAC. Penubuhan HRD Corporation ini pada tahun 1992 adalah untuk menyahut kerajaan— kerajaan pada ketika itu melakarkan satu polisi yang sangat strategik. Untuk memastikan warganegara Malaysia terus dilatih secara berterusan. Melalui polisi ini, diwujudkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia agar industri bertanggungjawab untuk meletakkan satu peratus daripada emolumen untuk tujuan latihan secara wajib.

Sekira dibiarkan kepada industri untuk pilihan, sudah pasti industri-industri kecil, SME *especially*-nya akan mengambil jalan mudah untuk tidak melatih. Keberkesanan HRD Corporations telah dibuktikan melalui World Bank Report yang telah diadakan pada 2017 yang mengatakan *productivity increased by three percent as compared than* industri yang tidak. Pada hari ini kita melihat semangat latih di kalangan industri secara keseluruhan telah bertambah. Sekiranya Malaysia mahu pergi terus dari segi *high level workforce, future ready with all the technology, to face all the technological disruptions, we've got no choice, but* latihan adalah sesuatu yang sangat penting.

So, HRD Corp di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah dibentuk dengan konsep *levy grant system and cost-sharing basis with the industry.* Ini meringankan bebanan di kalangan– di kerajaan, bagi memastikan latihan secara berterusan. *In fact, our model is not a model that is new. It has been used by many developed nations, inclusive of Singapore, our neighbour. And for your information, Indonesia has been coming to learn from us for the past 10 years,*

are not able to do it in their country and they think that the model that we have is a very effective and sustainable model, because it is actually at the Federal going down to the industry all. Thank you.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. *Last* ini daripada YB Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya saja nak *confirm* sama ada *document* ini masih wujud dan kalau ada lagi boleh PAC dapatkan salinan daripada PSNB iaitu laporan dengan tajuk *Review of Governance Framework* yang dibentangkan pada 2018. Masih ada lagi tak?

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Ada YB. Kita boleh bekalkan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh kemukakan salinan kepada PAC?

Encik Mohamad Farizul bin Yahaya [HRD Corp]: Kami akan kemukakan salinan, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Terima kasih saya ucapkan kepada– ya, Datuk Wira Shah hendak bercakap?

Datuk Wira Shahul Dawood [HRD Corp]: Datuk Wira *Chairman, first of all thank you so much for taking time to listen to us, giving us the opportunity to explain where do we stand.* Datuk Wira *Chairman*, *I think 30 years, many mistakes, many learnings and many corrections* HRD Corp *had done. Last three years, we could see that everything that we do, we put people's interest first, we put our stakeholders interest first. That is the reason* HRD Corp *continue to grow. Just not only in the levy collection, investment, disbursement. Every thing that we could see positive, we had grown. We have put a lot of activities that protects the organization, protect the governance, integrity in place.*

But, I would like to request PAC, *please that—* PAC *will bring it up this, and to be implemented for the future of the country. Many people think that the* HRD Corp *is the only organization that does training in our country. We are one of the organizations that does training. There is almost 11 ministries that does training in the country and if you put back the dollars and cents, those ministries gets more than what* HRD Corp. *But, that does not give us privilage that we could underperform or we overlook the governance,* Datuk Wira *Chairman*.

But, sad thing to say, HRD Corp– *if you want to be a training provider at* HRD Corp, *you need to register yourself, you need to get the TTT, you need to get*

the license approved and you got to go on all the privileges before you do the training with HRD Corp. *But, you want to go training with any of the ministries, you don't have to go through any of these process. Even the training providers blacklisted by* HRD Corp, *they will continue go to other ministries and does the training.*

But in the nutshell, what we try to do, PAC *should push for a single-window training platform like how other countries are doing it. Why should that 11,12 ministries need to do training when they have no understanding, experience or what is content, what is training development framework, what is training-need analysis, what the budget has been given and we don't know how effectively it has been. We don't undermine anybody* Datuk Wira *Chairman, but I just want to give my feedback.*

For us to go, if you want to position ourselves to become a new— skills in terms of Germany, Japan or South Korea or whatever. We must put our plans into actions. Lot of times we talked, but it doesn't come through. When we feel sad, we fight for this for the last three years. Lots of governance we have put in place. Singapore is a classic example. They put a single-window platform that everybody go through training. So, you can do double dipping, you could do transparency, you could save money.

Today Datuk Wira *Chairman*, *I want to share this piece with you. The training provider brings a trainer called content digital marketing program with 20 students. Take the money from the employers and* HRD Corp *and go to* MITI, *there are the same training and they go to* MOSTI*, does the same training. You could see that how many double dippings of training providers is happening. Because we don't have a system that is in place.*

But, trust us. HRD Corp *in the mist of building all this data leak, transfer and based system. And insya-Allah in 12 months from now, we will be one of the most digitally-run organization in the country and where transparency is utmost priority and core to us. Our numbers, we'll share with you, we'll say that how healthy we are growing,* Datuk Wira *Chairman. Thank you so much* Datuk Wira *Chairman, also the Deputy Chairman, Members of the* PAC, *for giving us the opportunity. We'll be at your disposal, any data, any documents you need, we can always come and give it to you. Thank you so much. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Wassalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Datuk Wira Shahul atas penjelasan tersebut dan kita faham. Sebab itulah keberadaan PAC pun adalah untuk melihat dan juga untuk membuat syor penambahbaikan sekiranya dilihat berlakunya

kepincangan ataupun kelompangan dalam sesuatu organisasi. Untuk itu, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, TKSU (Dasar dan Antarabangsa) daripada KSM dan juga Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp dan semua yang hadir pada hari ini.

Dan saya nampak ada sahabat saya yang masih lagi mempunyai banyak soalan tapi tak dapat nak ditanyakan lagi. *But, I believe* ini bukan kali pertama kita akan panggil prosiding dan akan ada waktu lain yang akan kita tetapkan untuk prosiding seterusnya dan kita akan membuat keputusan siapakah pihak-pihak yang akan dipanggil untuk *the next prosiding.* Untuk itu, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir dan saya menghentikan prosiding ini pada jam 5.38. Terima kasih banyak-banyak.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 5.38 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 1 November 2023

Bil. 6 (b) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Dana Latihan dan
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar dan Antarabangsa)

Kementerian Kewangan
YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN Malaysia

RABU, 1 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian (Perkhidmatan)]

Jabatan Peguam Negara

Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan (Penasihat)]

Kementerian Kewangan
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara
Puan Suraya Adnan [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Fairus bin Jaafar [Juruaudit]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah WA54 (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan]
Encik Khairul Nurrahim Ashadi [Ketua Penolong Pesuruhjaya (Siasatan)]
Encik P. Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya (Siasatan)]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

SAKSI

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa)]
Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Penasihat Undang-undang]

Kementerian Kewangan
YBhg. Datuk Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]
Encik Mohd Hisyamuddin bin Awang Abu Bakar [Ketua Seksyen Pelaburan Khas, Hartanah & Perkhidmatan (KS(K) 2)]
Puan Nurazfa binti Amin [Ketua Penolong Setiausaha Perkhidmatan (KPSK(K)6)]
Encik Muhammad Nuraizat bin Azman [Penolong Setiausaha Unit Perkhidmatan (Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

HRD Corp
YBhg. Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 1 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
***mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat petang dan salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC— YB Wong Shu Qi, Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli *ex-officio* PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada Mesyuarat petang ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung semula prosiding berkenaan dengan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp yang mana ini adalah prosiding yang kedua membabitkan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp yang mana dalam prosiding pertama yang telah pun diadakan pada 23 Oktober yang lepas PAC telah pun mendengar keterangan dan juga penjelasan Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Sebagaimana yang kita sedia maklum pada hari ini, skop dan pelaporan PAC dalam terma rujukan (TOR) tidak mengikat PAC untuk bertanyakan soalan-soalan lain berkaitan HRD Corp. Keperluan siasatan bagi isu-isu lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada dapatan dan juga penemuan sepanjang prosiding ini dijalankan.

Sehubungan dengan itu, hadir di hadapan PAC pada hari ini untuk memberikan penjelasan dan keterangan pada hari ini yang pertamanya ialah Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa, KSM. Keduanya, Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakub, Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp merangkap Timbalan Setiausaha Bahagian

Sektor Tadbir Urus dan Korporat, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC), Kementerian Kewangan. Ketiganya, Yang Berbahagia Datuk Chia Hui Yen, Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp.

Jadi, tanpa saya membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia untuk memulakan pembentangan. Selepas Dato' TKSU selesai pembentangan, saya mohon kedua-dua saksi untuk memperkenalkan diri masing-masing dan berceritakan tentang latar belakang saksi masing-masinglah. Tidak apa, yang itu nanti saya akan ini jugalah. Tanpa membuang masa, saya menyerahkan kepada Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad untuk mulakan pembentangan. Terima kasih.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Untuk makluman Yang Berhormat Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan, saya Amran bin Ahmad merupakan Timbalan Ketua Setiausaha, Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia yang mengambil alih jawatan ini pada 7 Ogos 2023. Saya bukanlah sebelum ini bukan sebagai ahli Lembaga Pengarah di dalam HRD Corp ini tetapi saya diminta untuk hadir dan untuk memberikan sedikit keteranganlah berdasarkan apa yang akan ditanyakan oleh Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian seperti mana setakat yang saya tahulah kerana saya tidak menjadi sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp ini kerana saya masih baru di Kementerian Sumber Manusia. Mungkin barangkali, mantan TKSU lebih ariflah kerana beliau lebih lama daripada saya di situ.

Untuk makluman Datuk Wira Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peranan Kementerian Sumber Manusia adalah pertamanya, Penyiasatan dan Penguatkuasaan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad Tahun 2001. Keduanya, adalah kawal selia dan membantu badan-badan berkanun syarikat di bawah KSM dalam mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan. Ketiganya, menyelaras dan menyediakan memorandum Jemaah Menteri bagi Ahli TPK Badan Berkanun di bawah kementerian dan juga menyelaras dan mengangkat kertas pertimbangan pelantikan Ahli-ahli Pengarah Majlis Jemaah Jawatankuasa di bawah kementerian ini. Itu merupakan peranan di peringkat kementerianlah.

Jadi, apabila— dari segi kawal selia pelantikan Lembaga Pengarah ini kita akan membuat pemaklumanlah kepada agensi, kemudian cadangan kepada agensi Yang Berhormat Menteri untuk dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri lah. Jadi, kuasa untuk melantik ataupun memilih ahli-ahli Lembaga Pengarah itu pada

pandangan saya adalah bergantung kepada kuasa Menteri lah, sebagaimana yang diamalkan sebelum ini, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

Jadi untuk itu, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya ingat pada prosiding yang pertama itu, maka saya telah menjelaskan fungsi-fungsi dan peranan kementerian. Maka, ia bergantunglah kepada pertanyaan Datuk Wira Pengerusi, Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hanya dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 23 Oktober 2023, pada hari pertama prosiding PAC bermula. Jadi, saya belum pernah menghadiri sebarang mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Yang Berhormat. Tetapi walau bagaimanapun, saya bersedialah untuk kalau diperlukan untuk memberi penerangan, penjelasan dan sebagainya, Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk TKSU ya. Seterusnya, saya menjemput Datuk Rosli bin Yaakub untuk menerangkan sedikit sebanyak latar belakang Datuk sebelum kita pergi ke hadapanlah.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Boleh.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, dah berapa lama dalam MOF. Selain daripada HRD Corp ini, apakah lagi agensi-agensi lain yang pernah bertanggungjawab, yang besar-besarlah. Boleh nyatakan dan juga berikan tentang pengalaman dan juga tugas serta peranan dan mungkin juga kejayaan yang pernah dilakukan. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi *Public Accounts Committee* Parlimen. Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Naib Pengerusi PAC; Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-dato', *Members of PAC*, urus setia, Encik Johan dan juga ahli-ahli *ex-officio* daripada Kementerian Kewangan, daripada JPA, Kementerian Ekonomi, daripada AGC, Jabatan Audit, Suruhanjaya Pencegah Rasuah, Jabatan Akauntan Negara dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Amran bin Ahmad, TKSU Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia bagi— sebagai *lead* kepada majlis pada hari ini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana menjemput saya hadir bagi memberi penjelasan berhubung tadbir urus ataupun *governance Human Resource Development Corporation* (HRD Corp), khususnya berhubung pengurusan dana latihan dan keberkesanan program latihan oleh HRD Corp.

Sebagai latar belakang, saya berkhidmat di Kementerian Kewangan semenjak Februari tahun 2006 sehingga sekarang, tetapi ada beberapa tahun saya keluar berkhidmat di agensi lain dan kembali semula ke MOF. Sebelum itu, saya pernah berkhidmat di MAMPU dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Di Kementerian Kewangan, saya pernah berkhidmat di Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dan juga Bahagian Strategik Badan Berkanun.

■1440

Di Bahagian Kawalan Kewangan Strategik, saya terlibat menguruskan hal ehwal Parlimen di peringkat kementerian, termasuklah menduduki dalam PAC ini sebagai ex-officio, sebagaimana yang Encik Azize duduk sekarang ini, daripada MOF.

Jadi, seperti mana Yang Berhormat maklum, bahawa MOF antara kementerian yang banyak menerima jawapan ataupun soalan-soalan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan di situlah peranan saya pada ketika itu bagi memastikan jawapan-jawapan ini dijawab di peringkat kementerian dan diuruskan dengan Parlimen. Saya juga terlibat dalam persiapan bagi pembentangan bajet dan juga pindaan rang undang-undang jabatan di bawah Kementerian Kewangan.

Antara tugas lain ialah menerima laporan kewangan dan audit dari semua kementerian setiap suku tahun dan menganalisa kedudukan kewangan tersebut. Bidang tugas lain pada ketika itu adalah membuat laporan dan buku yang bernama Laporan Maklum Balas Kementerian Kewangan ke atas Laporan Ketua Audit Negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dahulu sebelum tahun 2016, kita ada satu buku yang bernama buku Laporan Maklum Balas Kementerian Kewangan Kepada Laporan Ketua Audit Negara ya. Tetapi, buku ini telah pun dihentikan penerbitannya. Sebabnya, panjang. Mungkin di luar daripada sesi ini, saya ceritalah. Dihentikan penerbitannya pada tahun 2016. Pada ketika itu, semasa Audit Negara membentangkan laporan LKAN, MOF juga mengeluarkan buku yang bernama Maklum Balas Kementerian Kewangan Berhubung Laporan Ketua Audit Negara.

Saya juga berkhidmat di GIC ataupun Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dan bidang tugas saya adalah meneliti, mengawal selia dan menggubal garis panduan berkaitan tadbir urus korporat syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan ataupun MKD *company* sebagai *shareholder* ataupun pemegang saham. Kesemua syarikat tersebut adalah Menteri Kewangan Diperbadankan. Maknanya, MKD ini ialah milik Menteri Kewangan Diperbadankan sebagai *shareholder.*

Antara kawal selia yang dilaksanakan seperti mengeluarkan surat ataupun garis panduan bagi memastikan syarikat-syarikat pada semua keadaan mempunyai tadbir urus yang baik dalam menguruskan syarikat.

Bahagian ini juga mengurus, meneliti dan mengesyorkan pelantikan ahli lembaga pengarah, pengerusi dan CEO syarikat MKD. Mereka yang disyorkan ini hendaklah melalui proses dan melepasi proses *due diligence* oleh bahagian saya ini di MOF iaitu melepasi tapisan SPRM, tidak bankrap iaitu dirujuk kepada Jabatan Insolvensi, tidak ada sejarah jenayah, dirujuk kepada pendaftar mahkamah. Mereka yang dilantik juga dipastikan mempunyai latar belakang akademik yang bersesuaian dengan syarikat di mana mereka akan dilantik kelak.

Dari semasa ke semasa, kami di GIC akan mengeluarkan garis panduan dan mengawal selia syarikat-syarikat termasuklah pemberian bonus dan juga dividen. Dividen ini kepada MOF dan bonus kepada kakitangan. Ia juga perlu dirujuk kepada bahagian ini di Kementerian Kewangan.

Pada 15 April 2022, melalui proses yang *thorough* berkaitan tadbir urus, kami di MOF telah mengeluarkan satu garis panduan yang bertajuk *Principle of Good Governance* ataupun Prinsip Tadbir Urus Baik bagi syarikat pelaburan kerajaan. Ini telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan pada 15 April 2022 ya. Tujuannya adalah untuk memastikan syarikat-syarikat GLIC khususnya syarikat yang mempunyai dana yang banyak untuk dilaburkan, mereka mesti *follow* satu *guideline* yang dikeluarkan oleh *the Principle of Good Governance,* satu garis panduan yang kita keluarkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sepanjang perkhidmatan saya di Kementerian Kewangan, saya telah dilantik dalam pelbagai syarikat MKD dalam sektor pelabuhan, dalam sektor perladangan, *development* seperti SPNB. Saya keluar dari MOF Yang Berhormat, pada Ogos 2018 sehingga April 2020, saya telah dilantik sebagai Ketua Sekretariat Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ambrin. Antara skop projek yang kami lakukan penyiasatan ialah projek-projek yang melibatkan *land swap* yang dilihat merugikan kerajaan, projek kapal selam, projek kapal LCS— kebetulan saya dilantik dalam *board* sekarang ini apabila MOF *take over* dan projek AES ya. Projek AES yang kamera itu.

Itu proses yang kami buat pada ketika itu. Jadi, itu satu kerja yang menarik bagi saya.

Kemudian, dalam BNS sebagai *board,* saya dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa *oversight committee* untuk menilai, mengawal selia dan menasihati *board* pembayaran-pembayaran yang akan dibuat kepada OEM (*original manufacturing company*). Yang LCS beli barang di luar negara itu, proses

pembayarannya akan melalui satu *committee* yang dinamakan sebagai *oversight committee*. Jadi, kita akan melihat proses pembayaran dan sebagainya. Kita akan pastikan bahawa proses-proses ini mengikut *good governance* yang ditentukan.

Itu sahaja setakat ini saya nak kongsi tentang pengalaman saya dalam kerajaan dan juga *private* ataupun *corporate* yang mana saya amat mementingkan *good governance* dalam mengurus tadbir syarikat-syarikat kerajaan termasuklah dana-dana awam. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk Rosli. Saya mempersilakan Datuk Chia Hui Yen, mantan ahli lembaga pengarah HRD Corp untuk menerangkan serba sedikit ya. Tak perlu panjang, *just brief one*-lah latar belakang Datuk. Terima kasih.

Datuk Chia Hui Yen [HRD Corp]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Nama saya Chia Hui Yen. *Can I just speak in English? Right.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh.

Datuk Chia Hui Yen [HRD Corp.]: *I have been in the financial industry for the past 27 years. So, I have been doing— I worked across all the international bankings. So,* sebagai *Head of Investment Services, HSBC Malaysia and I was also the Country General Manager or Head Standard Chartered Malaysia. In 2016, I was the Corporate Director of AIA Malaysia. So, I have been holding a very high position in all the international companies, specialise in financial industry, insurance and investment.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Is it on operation? Or it is on programme?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *It is on programme, not on operation.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Operation, they stop using the untilised levy.*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *For you information, during the special board on 12th of April, Datuk Palani who is the Chairman of BARMAC— BARMAC is called Board Audit and Risk Management Committee.*

Just to give you all a clear understanding, di bawah *board of HRD Corp, ada five board committees. So, these board committees* ada *investment panel, who the chairman is the Chairman of Investment Board and also the rest of board members are appointed from the ministry, from the Minister.*

And Board Operation Committee which is called BOC. BOC is actually managing more on the operation side, on the operation including procurement. But they don't call board tender but they call BOC. So, if you actually look at the limits of the authority, you will see that BOC has certain level limit of approval for procurement.

And then, you have Board Audit Risk Management Committee. In short, we call BARMAC. You have a chairman and also members. How they actually use the expenses and so forth? Usually, they will report to BARMAC. Then, I suggest that PAC may want to call BARMAC, the members, to answer how they actually use the expenses. Because, usually, whatever is actually recommended by the BARMAC will go to the board. We don't read the details.

And then, we also have Board Nominations and Remuneration Committee. This committee actually handles all the recruitment and human resources and also the company structures.

And then, another board is called Training Levy and Review Committee. Training Levy and Review Committee does not have the authority. This board only has the authority to review and present to BOC before can present to the board.

So, this is how the limit of authority looks like. Amended on 9 November 2021. This is the latest. [Sambil menunjukkan sekeping kertas]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Can we have that document?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *Can.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Thank you.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *The CEO is one of the BOC members, right?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *In the board committee, you can see that CEO is not the member but CEO is always called to present. But, however, especially last year, the board meeting were— we were only allowed to call for board committee meeting when the CEO is around.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Datuk Wira, can I ask, who is the secretary for this* lembaga? *There is no secretary. I mean, in the* lembaga, *you have the secretary.*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *Company secretary, is it? So, it is Merle. Merle is actually— when I joined that time, Merle was company secretary. She was*

reporting to chairman and the board. Effective— I remember, effective November 2021. When we have implemented ORC Realignment of HRD Corp including restructuring, company secretary also appointed as a legal of the company reporting to the CEO. Hence, it became a conflict of interest.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Datuk Wira, saya nak tentang levi yang *untilised levy* itu tadi. *Company* yang memohon itu dia *entitled to 100 percent claim? 100 percent*. Saya berpandangan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Shah Alam tengah bertanya soalan, kan?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam dekatkan mikrofon.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Adakah kemungkinan *company* yang kebanyakannya tidak memohon ini kerana kalau dia nak membuat satu kursus itu, mereka tidak mempunyai cukup tabungan di dalam HRD Corp itu? Sebab itu mereka tak memohon. Bila banyak *company* yang berkeadaan begitu, ini yang menyebabkan salah satu sebab yang menyebabkan lebihan itu terlalu besar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, soalan Shah Alam dan saya nak...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ada satu lagi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, ada lagi. Lepas Shah Alam, saya minta YB...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak tanya lagi satu ialah geran padanan. Ada dalam *report* prosiding yang pertama, ada disebut geran padanan. Daripada mana geran padanan? Itu yang pertama. *Is it* daripada kerajaan ataupun daripada sumber lain? Apakah maksud geran padanan itu? Adakah *company* yang memohon itu, sekiranya dia memohon kursus yang berjumlah katalah RM10,000, adakah dia akan dibantu lagi dengan RM10,000 geran padanan untuk membolehkan dia memperoleh *training* itu? Tapi, jumlah geran padanan itu tidak terlalu besar berbanding dengan jumlah peruntukan yang telah pun diluluskan. Terlalu sedikit.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, saya nak bagi pada YB Sim dan Datuk Ali. Boleh? Terus sekali tanya soalan terus. Senang.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Datuk Pengerusi, saya hendak tanya Datuk Rosli dan juga Datuk Chia. Sepanjang sebagai *board member,* kita nampak bahawa ada tata kelola yang tidak— yang perlu ditingkatkanlah. *Very serious good governance issue*. Jadi, saya nak tanya, sepanjang pengalaman, apakah tender-

tenderkah atau projekkah, *land swap*-kah yang *raise the issue of good governance during your tenure as a board member*? Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap, Datuk Rosli. Datuk Ali, lepas itu boleh terus jawab ya.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Ini berkenaan dengan *unutilised fund* tadi. *How do you decide the fund is unutilised? Is it* satu tahun tidak dipakai, dua tahun tidak dipakai ataupun lima tahun tidak dipakai? Sebab, *company* ataupun pekerja yang membuat sumbangan itu, kalau duit itu lebih, tidak apakan kalau dia simpan lima tahun, sepuluh tahun. Nanti boleh pakai kemudian. Tapi, dia tak dipakai— *unutilised fund.* Jadi, tidak masalah sebenarnya kalau dia simpan sana lima tahun. Kalau lima tahun nanti *company* nak pakai pun boleh juga. Tapi, sekarang *term* dia, *unutilised. How do you decide the fund is unutilised? What is the definition of unutilised fund*? Itu sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, jawab untuk tiga-tiga soalan tadi ya. Terima kasih.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Yang Berhormat, *just to answer your questions about* sama ada kita ada *top up* untuk *training* itu dengan macam mana *unutilised fund. So,* saya jawab soalan *the process for unutilised funds.*

Based on my understanding, saya tak dapat *document* yang— sebab, sepatutnya macam mana dia nak keluarkan *transfer levy* kepada *unutilised levy,* sepatutnya dia perlu bentangkan kepada *board* dulu. Sepanjang saya sebagai *board of director, in year 2020,* memang ada bentangkan berapa *company* tidak guna levi dengan berapa amaun dia, jumlah dia. *Then, board* akan *approved* sama ada kita nak *transfer* atau tidak. Tapi, pada masa itu, *I was told unutilised levy* ialah *based on* dua tahun tidak guna. Tetapi, kalau sama ada kita ada dokumen yang buktikan mana-mana ada tulis dua tahun *then* boleh *transfer, that one I don't have.*

Seorang Ahli: Ada *guideline*-lah?

■1550

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Saya tak nampak ada *guidelines* tetapi *in 2020, management* memang ada bentangkan berapa *company* tidak guna levi sepanjang dua tahun dan jumlahnya kepada *Board. 2020* punya *Board meeting minutes* memang ada catatkan. Tetapi *I don't receive anything after that, since in 2021 onwards.* Okey, untuk menjawab itu. Untuk jawab sama ada– mungkin tak– *company* mungkin tak cukup *fund,* dia tak dapat *claim. Possible, because in Malaysia, 97.6 percent of the registered company is SME. 78.6 percent is micro, where is out of scope*-lah sebab mikro, biasanya *out of scope.*

Biasanya kalau nak bayar levi ialah– kalau tak silap ialah *10 consider as small, with the 10 employees, okay? So,* kalau katakan *with the small company capture about 19.1 percent, medium enterprise capture about 1.4 percent* sahaja. *All right? So, imagine.* Kalau sebuah *company,* dia hanya ada 10 pekerja, dia punya levi *1 percent of the total month* levi hanya beberapa ratus. *So,* mungkin dia perlu pungut sampai cukup, baru dia boleh hantar dia punya pekerja pergi *attend training. All right? So, it is possible that company* tak cukup wang. *So,* dia akan pungut sampai cukup, baru guna. *Possible.*

To jawab Yang Berhormat, sama ada HRD Corp akan *top-up. No. HRD Corp will not top-up any claim* sebab untuk dia punya *claim,* dia ada *allowable cost matrix (ACM).*

Allowable cost matrix akan tetapkan macam mana, berapa maksimum *company* boleh *claim. So,* sekarang kita ada dua– HRD Corp ada dua ACM. ACM nama penuhnya ialah *allowable cost matrix. So,* dia ada *allowable cost matrix general* dengan *allowable cost matrix* untuk *financial industry* sebab *after expansion of the act, then financial industry* sudah masuk. Biasanya, *financial industry*, dia punya *cost training* sangat mahal. *So, with that special request right, then HRD Corp* ada dua ACM. *So, in short, HRD Corp* tak akan *top-up* untuk *company. Okay, thank you.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat, boleh saya tambah sikit?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan. Sekejap, bagi Datuk Rosli tutup.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey. Saya nak menjawab...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Di– Oh, okey.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti, apabila *settle* jawab semua ini, baru saya bagi Kubang Pasu.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya nak menjawab Yang Berhormat Bayan Baru tentang selama ini, apakah proses tender ataupun perolehan yang digunakan oleh HRD Corp? Yang pertama, saya ingin mengatakan bahawa proses tender dan perolehan ini tidak pernah dibawa ke *Board,* sepanjang saya ada berada dalam *Board.* Tidak pernah.

Yang kedua, dalam kes yang saya jelaskan dalam surat saya kepada *Board* mengenai tender *Skills Passport*, saya menganggap itu bukan satu permohonan kelulusan kepada *Board.* Nanti saya akan tunjukkan bagaimana saya katakan begitu, ya, untuk menjawab Yang Berhormat Bayan Baru.

Yang Berhormat Saratok bertanya kedudukan mengenai kenapa wujud *unutilised funds?* Okey. Yang Berhormat, *unutilised funds* ini wujud apabila satu, mereka iaitu syarikat tak gunakan. Macam Yang Berhormat Shah Alam tanya tadi, mereka tak gunakan. Mungkin mereka menganggap bahawa carumannya sikit. Tak cukup untuk buat satu latihan kepada semua pekerjanya tetapi saya tak fikir begitu.

Sebenarnya, majikan boleh menggunakan *funds* atas berapa jumlah yang dia perlu untuk melatih pekerjanya. Mungkin tak 100 peratus akan dilatih. Mungkin *funds* pada tahun itu boleh melatih 10 orang, masih boleh pakai. Boleh pakai tetapi urusannya kena ada *good governance*-lah. Okey, itu– padanan tadi telah dijawab. Saya ingat itu sajalah. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap. Dah jawab tak soalan ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk, saya minta Datuk Chia juga jawab. Sepanjang dua penggal kan, ada banyak projek. Banyak *expenses. What raised your concern? You think that some good governance issue,* tender ke, projek ke?

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Dalam sepanjang empat tahun sebagai *Board of Directors*, saya punya *concern* ialah *investment* sebab dalam– *we were told that the Board of Directors is out of scope for investment. Anything on investment,* tidak perlu melalui *Board of Directors.* Tetapi masa saya baca *constitution* dengan akta, saya banyak kali tanya *Board, including the recent Board, the recent chairman which is Datuk Raja*, masih jawab saya– saya rasa, Datuk Rosli boleh *confirm*-kan. Dia kata, *nothing to do with the Board of Directors.* Apa yang saya *concern* ialah membeli bangunan sebab *I remember 2020,* masa dia beli Menara Ikhlas.

We were told that, that one is under investment. So... [Disampuk]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap ya, Datuk Chia. Nak menjawab soalan ini sebab kita memang nak pergi ke *investment* ini. Sebelum Datuk Chia *go further into investment*, saya nak tanya. Datuk punya soalan itu ada nak kena-mengena dengan yang ini ke ataupun yang *unutilised funds* itu?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya lihat Datuk Wira Pengerusi, *actually* banyak *information* yang kita kena ambil hari ini *and I think, what we have observed is a very serious non-compliances and very serious bad governance of HRD.* Saya tak begitu jelas tentang *line of authority.* Kita ada *Board*

of Directors. Bawah kita ada BOC. BOC ini macam-macamlah. *BOC on investment, BOC of* Jawatankuasa Audit dan pelbagai. Yang saya faham, yang saya sendiri banyak lalui, banyak juga *Board* saya *sit. I'm still sitting in a few Boards now.* BOC ini macam jawatankuasa, *that is called committee,* ya.

Jawatankuasa ini dia tak boleh buat *decision* untuk guna duit tetapi yang tadi saya dengar, dia buat *decision*. Selalunya, apa juga *decision BOC* ini *or* cadangan ini, akan dibawa kepada *Board*. Baru luluskan. Tak ada *Board* yang pernah saya hadiri ataupun jadi *Board member*, yang BOC ini boleh buat *decision*. Mati *Board member*, mati *company.* Yang *even investment*— jawatankuasa *investment* sekalipun, dia kena pergi *Board. This is the highest authority of the company.* Kalau *we don't go to the Board, its no point having the Board.* Itu *very clear cut. I think*– dan saya nak tahu. Dari mana punca kuasa BOC ini dapat, yang mana dia sendiri boleh luluskan peruntukan sekian-sekian? Daripada mana, *which authority?* Datuk Rosli mungkin boleh jawab kepada saya juga.

Tadi, banyak disebut pasal, kita ada *levy collection*. Kita ada graf ini. *[Merujuk kepada slaid pembentangan] Page* berapa— graf yang diberikan. Kita ada *growth of levy collection.* Kemudian, kita ada *registered employees and all that. You must have another one. Amount used for the training. Then, we know the gap.* Ada, ada tak? Kalau tak ada, *I think we should have another one.* Ada tak? *But, my main concern is that. The line of authority between BOC and the BOD. This is must be very clear. From where they get this authority of power, BOC* ini, *to make decision, rather than to make recommendations?*

BOC, jawatankuasa ini hanya ambil *recommendations*. Saya *sit on* Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko, *Kulim Technology Park Corporation.* Kita hanya *recommend, then the Board* akan lulus. Dia tak boleh dia sendiri lulus. *This is not real governance. I think, its like a banana republic*-lah, *you know. You can do anything we like, use any amount money we like. This is something you have to really do something about it. Thank you,* Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa boleh jawab? Datuk Rosli?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ya, terima kasih Datuk Wira. Jawapannya pendek saja. Kalau ada istilah lebih 100 peratus, saya gunakan itu untuk setuju dengan Yang Berhormat Kubang Pasu punya pandangan. Sebab saya juga *sit* dalam banyak *Board.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Yes. First time* saya dengar macam ini.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dalam banyak *Board. The ultimate authority is Board of Directors.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Of course.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Maksudnya, berdasarkan pengalaman, apa yang berlaku dalam HRD Corp ini adalah tidak mengikut amalan biasa syarikat?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: *Definitely.* Tak ikut amalan biasa. *Definitely*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, *thank you*.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Thank you,* Datuk Rosli. *So, you with me 100 percent?*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebab, saya punya Ahli PAC ini orang yang berpengalaman dekat Kedah ini. Sebelum itu, luar negara pun hebat juga. Okey, saya nak bertanya tentang– kita dah nak *go through next,* ya yang ini.

■1600

Okey, saya nak bertanya tentang— kita dah nak *go to next* dah ini. Saya nak bertanya tentang, yang telah disentuh oleh Datuk Chia tadi, tentang berkenaan dengan pelaburan.

Sepatutnya ada Jawatankuasa Pelaburan, kan? *Committee* pelaburan. Tetapi, saya nak tanya bagaimanakah jawatankuasa itu berfungsi dan apakah— saya nampak di sini, ada kertas *on* laporan *on the PSMB Investment Report.* Boleh tak terangkan secara, maksudnya secara kasar sahaja, tentang pelaburan yang telah dilakukan oleh pihak HRD Corp yang melibatkan dari segi pelaburan kewangan ataupun pelaburan dalam pembelian aset?

Siapa boleh ini? TKSU ataupun— siapa yang boleh terangkan secara ini? *Any* ini? Datuk Chia?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Yang Berhormat Datuk Wira, *I will answer to this first. Then, maybe Datuk Rosli will give more information.*

Sepanjang empat tahun ini, *like what I mentioned*— saya punya pengalaman ialah memang *corporate in Fortune 500 companies. So, we are very— all the Fortune 500 companies, because we care about shareholders, so, we carry and follow through all the good governance.*

So, when I joined this board, I found it very interesting. Why is the board of directors not given the authority to look at what they have invested. But, every time when I ask the past four years, when I asked, "When can I actually have the

investment information?", in 2020, early 2020, masa Dato' Noor Faridah, *I still get some information. Then, after that subsequently, could be due to COVID, then there is no information.*

But my question is, kalau kita baca akta ataupun *constitution, board member* yang dilantikkan di *Board Investment Committee* sepatutnya mesti ada pengalaman dalam *investment.* Saya punya *observation* ialah dalam akta ataupun *constitution,* dia ada ceritakan *board member* mesti ada *rep* dari MOF dengan Bank Negara. Tetapi, sampai hari ini, saya ada banyak kali tanya siapa ialah *rep* dari Bank Negara masa itu, *the answer given from the CoSec is no one wants to send the rep from Bank Negara. That was the answer.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa yang jawab itu?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *CoSec*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *CoSec* yang menjawab.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *Yes.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Yeah, very powerful CoSec.*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *So— but my question is, and I still remember, when they want to purchase* Menara Ikhlas— *because of dimension that the property is actually investment. But my question is, if property* ini ialah untuk kegunaan sendiri, kenapa ia di bawah *investment? That was my question.* Kenapa tak *go through board*? *And* kenapa *board* tidak dibenarkan baca dia punya SPA?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk Chia, saya nak terus menjurus sebab Datuk Chia dah sebut *on the* Menara Ikhlas. Saya dimaklumkan ada pembelian aset, *I believe that is* Menara Ikhlaslah. Harganya bukan kecil anak tapi agak besar— RM202 juta. Betul ataupun tidak?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Saya tidak pasti sebab kebanyakan *when we asked for it,* baru dia tunjuk. Tunjuk *maybe five minutes.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, adakah— sebarang ya. Saya tanya soalan ini *very general* sama ada pada TKSU, pada Datuk Rosli ataupun pada Datuk Chia.

Adakah dalam pengetahuan anda semua bahawa untuk pembelian aset tersebut, niat untuk membeli aset tersebut telah pun diberikan— kalau orang nak beli rumah dan sebagainya, selalu *10 percent* deposit, tapi saya dimaklumkan bahawa deposit telah pun diberikan sebanyak 50 peratus. Adakah dalam pengetahuan atau tidak?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih, Yang Berhormat, atas soalan itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Minta maaf, sebab saya memang *go straight,* sebab masa...

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, yang pertama, saya ingin *declare.* Pada ketika itu, saya belum berada dalam *board* iaitu pembelian pada 24 Februari 2021. Ini *agreement*-nya. *[Sambil menunjukkan senaskah dokumen].*

Keduanya ialah *agreement* ini nampaknya begitu luar biasa. Jumlah— sekejap, YB ya. *[Sambil menyemak dokumen]* Jumlah harga pembelian ialah RM202,500,000. Dia punya *purchase price* ya, RM202,500,000. Dia punya deposit ialah RM120 juta. Maknanya depositnya ialah melebihi 50 peratus. Sesuatu yang diluar biasa. Sepatutnya deposit ialah *10 percent.* Itu satu yang saya nak *mention* tentang *agreement* ini. Saya tidak ada dalam *board* tetapi saya nak *mention* tentang *agreement* ini.

Kedua, dalam perjanjian ini ialah perjanjian *sale and purchase agreement.* Tapi, *content* kepada *agreement* ini ialah *lease to purchase.* Jadi, saya tak tahu mana satu yang betul, mana satu yang tidak. Akhirnya, saya dimaklumkan projek ini tidak jadi beli tetapi setelah beberapa tahun, wang ini berada dalam pihak penjual. Kalau kita andaikan *three percent interest* kepada RM100 juta, kalau setahun ada RM3 juta. Saya tak tahu duit ini ke mana. Saya tak pasti.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Yang Berhormat, saya nak tambahkan. *On the special board 12th of April this year, BARMAC Chairman, Dato' Palani,* dia ada tanya Farizul, *Chief Financial Officer of HRD Corp,* kenapa *RM120 million* itu *in-and-out HRD Corp* punya bank. Tapi, sampai hari ini kita tak dapat jawapan lagi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh minta Datuk Chia nyatakan apa maknanya *in-and-out?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Masa Dato' Palani— *I think later on Datuk Rosli can also* tambahkan. *Dato' Palani questioned the Chief Financial Officer,* Encik Farizul, kenapa duit bangunan ini pulang balik dan lepas itu keluar *again. I am not aware* apa maksudnya. *So, I was also curious. That was how we wanted to have more information in the following board, but no more board since then. I think Datuk Rosli can answer.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sebelum itu, saya juga nak minta tanya, iaitu akhirnya adakah HRD Corp berjaya membelikan bangunan tersebut atau tidak? Tak jadi?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya tidak ada *information* tapi saya dimaklumkan tak jadi. Tapi, saya tak ada *clear information.* Tak ada. Sebab, dia tak pernah bawa ke *board* ini, YB. *Never present to the board.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh sahkan bahawa RM120 juta itu…

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 102 atau 120?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: RM120 juta, kan? Yang telah dibayar? Betul?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ya, *RM120 million*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *RM120 million* yang telah dibayar itu sudah dipulangkan ke belum? Atau sekarang berada di mana?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya tak pasti.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, adakah RM120 juta itu termasuk dengan bayaran *lease* tiap-tiap bulan yang dah dibayar selama 2021, 2022, 2023? Dua tahun.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya tak pasti, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Boleh maklumkan kepada pihak PAC, berapakah *lease* sebulan? RM berapa, jumlah ini? Sebab, Ahli PAC, saya nak ingatkan ya, mereka dah bayar RM120 juta. *On top of that,* dia bayar *lease* tiap-tiap bulan dan itu yang sekejap lagi saya nak tanya komen, respons daripada AGC untuk perjanjian yang telah pun telah ditandatangani.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, saya hanya boleh berkongsi tentang *sale and purchase agreement* yang ada pada saya *copy* ini. Yang saya katakan tadi, *purchase price* RM202 juta tadi. Deposit, RM120 juta. *Installment* sebulan— saya tak pasti sebulan ataupun berapa ini. 1, 2, 3 ini. *[Merujuk kepada dokumen]* Tak ada kata bulan pun. Sebanyak RM687,500 sehingga 81 kali. 81 kali kalau kita bahagi 12, tahulah berapa tahun. Sampai 81 kali.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh...

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ini kalau kita andaikan sebulanlah. Maaf, YB, ada lagi belakang ini. Panjang lagi rupanya. *[Merujuk kepada dokumen]* 120 kali.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 120 kali, bukan 81 kali ya?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Bukan, bukan. 120 kali.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 120 kali, maksudnya 10 tahun? Wow, okey. *All right,* maksudnya 10 tahun itu jumlahnya RM600 ribu lebihlah?

■1610

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Sekali, RM687,500, sekali.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Satu kali RM600,000.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Sekali darab 120 kali.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *So*, maksudnya *total* itu berapa kalau dijangkakan itu?

Seorang Ahli:*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] RM82 million*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ha? *RM82 million*. Okey, boleh AGC *comment on this?*

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Ini beli kah? Sewa kah? Dua-dua sekali ini? Macam mana ini?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Kalau ikut ini YB, dia beli, *sales and purchase agreement.*

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Habis, lepas itu dia bayar balik itu?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Itu yang saya kata tadi, *agreement* ini luar biasa sekali.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sebab itu saya hendak minta *comment* daripada AGC. *Comment*.

Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]: YB Datuk Pengerusi...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Pernah jumpakah macam ini?

Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]: Saya pun tidak pasti, saya pun tidak tengok *content of the agreement*. Kalau tengok itu mungkin dia tidak boleh hendak *purchase* dan pembayaran yang berbaki daripada yang *first deposit booked— the first* yang *more than 50 percent* itu. Yang *the remaining* itu memang *total up* akan jadi *total* harga RM202 juta kah Datuk?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya tidak pasti.

Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]: Tidak pasti. *So* maknanya, mungkin maksud dia *lease* itu dia tidak boleh nak ada *outright– sorry,* dia tidak boleh ada apa nama— *ownership* yang itu terhadap itu selagi mana dia tidak bayar *for full payment. So, ownership* itu tidak boleh hendak *transfer* lagi sehingga *payment* selesai. Saya rasa macam itulah sebab saya pun tidak ada maklumat tentang dokumen itu.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk, *sales and purchase agreement* itu boleh bagi tak...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita ada.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dah ada ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita ada.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dah dalam, dah masuk dalam?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Nanti kita masukkan. Okey, saya hendak tanya pada Datuk-datuk sekalian, ada tidak– ini baru satu aset. Ada tak lagi pembelian ataupun pelaburan aset yang dibuat dalam pengetahuan Datuk Chia, Datuk TKSU ataupun Datuk Rosli? Datuk Rosli, saya tidak habis tanya lagi dah tekan *mic*. Macam ada– okey, teruskan.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak *refer* kepada surat ini. Ini ialah surat pertama saya sebagai di dalam *Board*. Yang Berhormat, saya kena cerita latar belakang kenapa saya kena keluarkan surat. Apabila wakil MOF mengeluarkan pandangan di dalam *Board,* yang wakil MOF sendiri melihat bahawa kalau perkara itu dilulus, saya lihat macam tak betul. Jadi, itu saya akan keluarkan surat. Itu proses surat yang saya keluarkan di dalam *Board*.

Ada dua surat yang saya keluarkan di dalam *Board*. Surat pertama ialah ini, bertarikh 23 November 2022. Ini ialah Yang Berhormat, berkaitan dengan pembelian satu hartanah Blok A, Sutera Avenue di Kota Kinabalu, Sabah. Ya, saya *explain* dahulu.

Ceritanya ialah apabila CoSec meminta semua *Board* untuk menandatangani satu dokumen yang bernama *Statement of Amr's Length Transaction* ya. Okey, saya *argue* di dalam surat saya ini ialah kenapa? Apabila dia minta saya tandatangan, kita *Board* tandatangan, tidak ada dinyatakan lokasi, pihak penjual, pihak pembeli, keluasan hartanah dan harga yang dibeli, tidak ada. Jadi, saya *argue*, kenapa tidak diberi?

Kemudian, CoSec menyatakan kepada saya bahawa *property* ini telah dibeli. Telah dibeli, *property* ini telah dibeli. Saya kata, kalau dah beli, bila masuk ke dalam *Board*? Dia kata, *"Tak, ini tidak perlu masuk dalam Board. Ini hanya melalui panel*

pelaburan." Okey YB, *this is very interesting point* yang saya hendak sebutkan ya. Okey, saya ingat saya baca, nanti saya *explain*. *"Saya telah dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat bahawa semua maklumat penting tersebut tidak perlu dibentangkan bagi kelulusan Ahli Lembaga Pengarah HRDC. Sebaliknya, memadai dibentang dengan mendapat kelulusan panel pelaburan sahaja."*

So, saya kata, "Jika demikian tafsiran oleh Setiausaha Syarikat, maka adalah wajar dokumen *Statement of Amr's Length Transaction* tersebut ataupun 'pengisytiharan tidak ada kepentingan' di dalam proses pembelian hartanah ditandatangani oleh ahli panel pelaburan sahaja." *Argument* saya, kalau dia tidak bentang kepada *Board*, ya. Memandangkan proses pertimbangan dan keputusan telah dibuat oleh ahli-ahli panel pelaburan, maka ahli *Board* tidak wajar beri persetujuan.

Kemudian saya kata, namun, ianya tidak menepati Akta Syarikat 2016 iaitu Akta 77 kerana *Board* mempunyai *fiduciary duty. Board* mempunyai *fiduciary duty*, ya. Okey. Apa maksud *fiduciary duty* itu, saya jelaskan dalam itu seksyen 216(1). Walau apa pun *delegate power* kepada bawah-bawah, dia tidak melepaskan kepada *Board* terhadap *fiduciary duty*. Maknanya, apa-apa yang dijalankan kuasa oleh panel pelaburan tidak melepaskan *Board* dalam Akta Syarikat. Itu saya jelaskan dalam surat saya.

Jadi, seterusnya saya katakan HRD Corp merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan sebagai *company limited by guarantee* di bawah Akta Syarikat 2016. Selain tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, HRD Corp juga tertakluk kepada Akta Tubuh dan Perlembagaan Syarikat. Ha, ini dia. Seksyen 27 akta ini, akta ini YB, seksyen 27 ya, menyatakan kuasa panel pelaburan boleh menggunakan mana-mana bahagian wang untuk tujuan pelaburan di dalam instrumen. Ada dua sahaja YB, dia boleh buat pelaburan iaitu debentur dan syer, bukan hartanah. Debentur dan syer, ya. Instrumen debentur dan syer telah ditafsirkan di bawah seksyen 27(5) akta. Perlembagaan syarikat juga membenarkan perkara yang sama iaitu pelaburan di dalam debentur dan syer, tidak ada hartanah.

Jadi, namun di bawah seksyen 27(4) di bawah akta membenarkan *Board* meminta panel pelaburan membentangkan segala pelaburan yang telah dilaksanakan. Berkali-kali Datuk Pengerusi, *Board* meminta dibentangkan apakah pelaburan yang telah dibuat, tidak pernah dibentangkan kepada *Board. Never*, tidak pernah dibentangkan kepada *Board*. Termasuklah *property* yang dia minta kita tandatangan ini. Yang Berhormat, ini ialah garis panduan yang dikeluarkan oleh SSM. Mengikut seksyen 45(4), pembelian haruslah diluluskan oleh *Board*, bukan oleh panel pelaburan. Panel pelaburan ialah *subcede* di bawah *Board*. Ya, walaupun

dia ada kuasa tertentu di dalam akta tetapi ini *property. Property* bukan di bawah *jurisdiction of* panel pelaburan. Itu di bawah *Board* ya. Ia selari dengan SSM.

Tetapi YB, pembelian hartanah tidak pernah dibawa kepada *Board*. Saya cakap sekali lagi *register* dalam ini, tidak pernah dibawa kepada *Board, never.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, ada aset lain selain daripada Menara Ikhlas, termasuk hartanah di Sabah juga berdepan dengan situasi macam ini.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya rasa banyak YB, dekat negeri-negeri, banyak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Banyak lagi?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Banyak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, okey.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Merujuk kepada satu dokumen yang telah dibentangkan dalam prosiding yang pertama, portfolio *investment* berjumlah RM4.4 bilion. Daripada RM4.4 bilion ini, 40 peratus *fixed deposit*, 20 peratus *fixed income* dan *40 percent others. 40 percents others* ini bersamaan dengan RM1.76 bilion yang kita pun tidak berapa tahu dekat mana *investment* itu.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: YB, boleh tambah sikit lagi? YB, saya tambah sikit lagi boleh?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh, boleh, silakan.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey YB, saya dimaklumkan HRD Corp juga ada melabur dalam *private company*. Okey, apa kata akta? Apa kata akta ya. 27(1)(b), akta cakap hanya boleh melabur dalam syer dan debentur di dalam mana-mana syarikat awam yang harga bagi syer dan debentur itu disebut di Bursa Malaysia, bursa saham. Maknanya, dia hanya boleh melabur dalam bursa. Dia tidak boleh melabur dalam *private company*. Tetapi saya dimaklumkan ada dilaburkan dalam *private company*, pelaburan HRD Corp.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk, saya hendak tanya Datuk. Datuk, ya. Sebab apa, tadi Datuk ada kata ada banyak hartanah yang telah dibeli di seluruh negara ya. Tujuan pembelian hartanah ini, adakah ianya untuk *investment* ataupun untuk *other purpose*, nak guna sebagai pejabat ke, apa ke? Nak guna sewa ke apa? Apa tujuan dia?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, Yang Berhormat. Banyak *property* yang dibeli, berapa banyak saya tidak pasti sebab tidak

pernah dibentang kepada *Board*. Tujuannya pun tidak pernah dibentangkan kepada *Board*. Tetapi saya mendapat maklumat bahawa sebahagian *property* itu untuk pejabat, sebahagian *property* itu untuk disewa.

■1620

Macam contoh, mustahil dua *tower of* Menara Ikhlas, Menara Tulus Ikhlas itu, dua *tower* itu boleh dibuat pejabat. *For sure* dia akan sewa. Jadi, saya tak fikir untuk buat pejabatlah.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Yang Berhormat, saya nak tambahkan. Seperti apa yang Datuk Rosli sebutkan, kita memang— *because* dalam *limit of authority, Board Committee Investment Panel can make the approval. And* kalau *board, board is actually "I"— information. So* dalam akta, seperti yang di akta dan termasuk *constitution,* dia kata, kalau *board ask for the information, then the investment committee will present. That was what is written there.*

But, on the minit mesyuarat *on the May 31st 2022,* saya didapati tahu dia ada minta *board* untuk *propose approval* buat *renovation.* Masa itu baru kita nampak ada beberapa *property.* Sebab, bagi *renovation, renovation* bukan *investment panel* punya *authority*. *So,* masa dia beli *property,* biasanya dia tak *go through board of directors. Unless* kalau *board of director* diperlukan untuk *sign Amr's Length,* baru kita diberitahu *property* itu perlu beli, lepas itu kita *asked to sign Amr's Length.*

Then, on 31st May, minit mesyuarat *number* 3*/2022*, *on 31st May 2022,* saya ada nampak *there is a proposal to the board for renovation approval. So,* masa itu, saya nampak ada Sabah dengan *Penang* punya *office,* ada Melaka punya *office, and then* lepas itu Tapah punya *office.* Tapah, Perak. *So,* masa itu, baru kita tahu oh, ada *renovation* dekat tempat itu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh tahu kos untuk buat renovasi itu berapa ya mereka bentangkan?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Kalau tak silap, *I remember the renovation they asked early on was 1.8, then subsequently they asked for more.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *1.8 million?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *I remember it was 1.8 million but you can actually ask HRD Corp to* bentangkan *the documents. Because, I did questions* kenapa *two units of* pejabat *need 1.8 million.* Lepas itu, minta tambah lagi. *So, I was told, Tapah office* ini ialah *smart office.*

Beberapa Ahli: Oh!

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *But* macam mana *or how much that they really spent, so far, they never give the details to us. You may check with the chief financial officer or BARMAC.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Terima kasih, Datuk Chia. Sebab dalam prosiding yang lepas, PAC hanya dimaklumkan pelaburan hanya dari segi FD sahaja. Jadi apabila hari ini bila Datuk sekalian membentangkan pada PAC bahawa terdapat sebenarnya bukan satu, bukan dua, sebenarnya lebih pembelian aset yang dilakukan oleh pihak HRD Corp, dia amat memeranjatkan kebanyakan daripada Ahli-ahli PAC lah pada hari ini. Ramai juga yang geleng kepala.

Ada apa soalan? Ya, Naib.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Jadi saya minta tanya pada Datuk Rosli, kerana tadi ada sentuh isu iaitu pelaporan dalam *share market.* Jadi, ada apa profil yang signifikan tak yang HRD Corp memang menggunakan dana yang ada untuk melabur dalam *share market* ini? Profil mana satu yang signifikan?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, YB. Yang pertama, saya nak maklumkan sekali lagi bahawa tidak pernah dibentangkan kepada *Board.* Secara *detail*, saya tidak pasti. Tapi kalau saya lihat Penyata Kewangan Tahunan, dia tidak menyatakan kepada *company* mana. Tapi lebih kepada *call option, put option.* Maknanya arahan membeli, arahan menjual. Tetapi, kedua-dua ini saya tengok ada kurungan. Maknanya rugi, negatif. Dan negatif jumlah yang banyak, YB. Ada satu saya tengok dalam— saya terlupa *either 2021 or 2022 annual report...*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *2022.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: *2022.* RM37 juta, saya rasa, dia punya kurungan itu. Pemahaman saya, rugilah. *[Ketawa]*

Tapi, saya ingat, YB, saya cadangkan spesifik panggil tentang ke mana wang ini dilaburkan dan apa punca kuasa dia. Saya ingat perlu. Ini untuk *good governance* HRD Corp pada masa akan datanglah.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Yang Berhormat YB, saya nak tambahkan. *On the special board on the 12 of April,* masa itu audit HRD Corp, dia ada datang dalam *special board* ini. *Special board* itu, *it was called for the* pembentangan *financial* untuk AGM. *So,* pada masa itu, saya ternampak *investment* punya detil masa *chief financial officer* dia bentangkan dengan dia punya slaid. Tapi, yang detil punya, saya tak dapat. *So, one glance,* saya nampak ada *big amount* dalam Berjaya. Berjaya punya *shares, listed company.* Tetapi, saya *also* nampak ada *private equity. Private equity* yang itu ialah Widad Food Industries Sdn. Bhd. Tetapi, dalam akta, *we can only invest in the listed shares.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maksudnya boleh spesifik, *Berjaya shares* itu *shares* apa?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Saya tak nampak *the actual number* tetapi mungkin PAC *need to call for BARMAC to have a special understanding for this, because BARMAC* akan nampak semua detil. Tetapi, *I* dapat tangkap ialah satu *company* punya nama ialah Widad Food Industries Sdn. Bhd. Yang itu ialah *unlisted company private shares.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ulang balik.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: Widad Food Industries Sdn. Bhd. W-I-D-A-D F-O-O-D Industries Sdn. Bhd.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *This company* baru *incorporated July 20th 2022. [Disampuk] I have no information. So,* masa dia— *during the presentation, I* ternampak ini, *that is why I manage to write down. So, during that time, immediately I asked a question, why is— how can investment invest into private company? So,* saya tak dapat jawapan.

Second thing is, saya pun ternampak *investment* dalam opsyen. Dia punya model guna ialah sangat *high risk* punya model. *Black-Scholes Model call and put option. Because, that is the reason why I* tanya, *"Kenapa you tak ada rep from Bank Negara?". Because, options, you have to have the Governor from Bank Negara. Because, under investment, even though in Malaysia, any of the individuals who want to invest in options, the person must be a high value segment. All right. Because, it is classified as high risk. So,* macam mana *investment panel* yang HRD Corp ada ini *is relevant or* ada *knowledge* dalam *investment in options?*

Then, selepas itu, saya nampak dia punya *revenue, recorded revenue* ialah untung. Tetapi, dalam *annual report 2022, you can actually find under the expenses,* dia ada *record losses from the option.* Lepas itu, saya tanya, *"Kenapa ada losses? Why is your recording is not genuine?". And I questioned the auditor. The auditor answer, "This has been the way HRD Corp report". That was my question on the last board on 12 of April. Thank you.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Ada apa soalan daripada Ahli lain?

Saya nak tanya pada— ada sebelum— yalah, selepas kita panggil HRD Corp, tiba-tiba ada surat khabar yang menyatakan, maksudnya ada laporan, ada surat layang dan sebagainya berkenaan HRD Corp ini. *I think* yang menyentuh tentang surat Datuk kepada *board.* Datuk Roslilah. Boleh Datuk terangkan? Dan ada juga pihak yang menyatakan bahawa ia telah pun di— maksudnya, perkara itu

sebenarnya Datuk yang mendedahkan perkara tersebut kepada pihak umum ataupun kepada pihak media. Boleh Datuk jelaskan pada PAC?

■1630

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. Saya yakin surat itu ialah menjurus kepada surat saya kepada *Chairman* HRD Corp dan juga Datuk Shahul selaku CEO dan saya *cc*-kan kepada semua Lembaga Pengarah tentang isu ketidakaturan perolehan Projek *Skills Passport* di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Surat ini bertarikh 10 April 2023.

Pertama, saya ingin menjawab sama ada saya berjumpa media ataupun tidak. Saya tidak pernah berjumpa media. Saya tidak pernah berjumpa media dalam kes surat saya ini. *Never. Never and ever*. Tak pernah berjumpa media. Semasa dia diterbitkan dalam media, pada masa itu saya di Sheffield, London. Ada *meeting*. *Meeting* sehingga 2 hingga 10 Mei tapi saya *continue* cuti sampai 14 Mei. Saya dimaklumkan surat ini telah tersebar. Isunya telah tersebar dalam media pada 7 Mei. Pada masa itu, saya di luar negara.

Saya hanya mengetahui apabila Datuk Shahul telefon saya. Dia mendapatkan kepastian saya, betulkah dia kata, *you aware* dia kata, yang surat *you* bagi pada *Board* itu telah keluar dalam media. Bukan surat ini keluar. Tapi isu mengenai surat ini keluar. Saya kata, *I am not aware*. Sebab dia *call* itu, dua hari selepas dalam media keluar. Masa itu, saya di UK. Dua hari selepas dia keluar dan mana mungkin saya di luar negara berjumpa dengan media. Itu satu *alibi* yang saya boleh bagilah. Tidak mungkin langsung. Saya hanya mengetahui dua hari selepas diterbitkan. Itu pun dihubungi oleh Datuk Shahul. Saya menafikan dan beliau pun mengiyakan, "*oh yes, yes bro. You* di luar negara." Dia pun habis begitu sahaja. Saya tidak dapat memastikan bagaimana isu ini tersebar kerana saya mengeluarkan surat ini kepada Datuk Rajasekharan, *Chairman* dan juga Datuk Shahul, CEO, *cc* kepada semua *Board* dalam bentuk *hardcopy*. Jadi, saya tak pasti bagaimana ia tersebar. Okey.

Kedua YB, kenapa saya keluarkan surat ini? Seperti mana yang mula-mula saya katakan tadi, apabila saya melihat ketidakaturan dalam *Board*. Datuk Shahul mengatakan bahawa beliau telah membentangkan permohonan untuk Projek *Skills Passport* di bawah Pembangunan Sumber Manusia ini pada 6 Oktober 2022. Beliau katakan telah bentang. Tetapi sebenarnya, saya dapati tidak dibentangkan. Satu *paper* mengenai Projek *Skills Passport*. Tapi *next meeting* pada 28 Mac 2023, saya lihat ada dinyatakan minit dalam itu bahawa ia telah dibentang dan diluluskan oleh

Board. Walhal, saya tidak terlintas *paper* ini dibentangkan di dalam *Board*. Saya ada *detail*-nya, YB. Kalau izinkan, saya cerita bagaimana berlaku. Okey.

Okey, Yang Berhormat. Pada 6 Oktober 2022, minit mesyuarat *Board* ini dikeluarkan pada 28 Mac. Saya menulis di dalam surat saya mengesahkan bahawa saya tidak bersetuju kepada minit yang dikeluarkan itu. Berkaitan dengan Agenda 7, *to receive report from Chief Executive*. Dalam para 10 minit tersebut, iaitu bermula pada para 10.1 hingga 10.6, adalah jelas bahawa minit di para 10 yang melaporkan Agenda 7. Agenda 7 ini sebenarnya CEO *update* sahaja. Bukannya mohon kelulusan, tidak. CEO *update* sahaja. Hanyalah Laporan Ketua Eksekutif iaitu sebagai makluman status semasa yang berlaku di PSMB. Sebenarnya, dia *reporting* kepada *Board*. CEO *update*. Tapi dia selitkan dalam itu, dalam CEO *update* dia selitkan *last* sekali, slaid yang mengatakan bahawa dia *proposed* untuk Projek *Skills Passport*. Walhal, saya tak terlintas adanya *paper* ini. Memang tidak ada. Tak tahulah kalau saya pergi *toilet* kah apa, tak ada.

Saya jelaskan bahawa saya tak boleh bersetuju dengan minit berkaitan kelulusan *Skills Passport* ini. Saya tidak bersetuju dengan Projek *Skills Passport*. Saya jelaskan dalam mesyuarat dan saya jelaskan melalui surat ini kepada *Board*. Okey, dalam slaid itu dia katakan bahawa *Board* telah *approved to partner with* NeoMindz Sdn. Bhd. *on the implementation of Skills Passport*. Saya katakan bahawa tiada sebarang kertas kerja yang telah dibentangkan bagi meminta kelulusan *Board* pada ketika itu. Oleh yang demikian, saya tidak pernah bersetuju dengan perkara yang ditulis di dalam minit mesyuarat di para 10.6 yang mengatakan bahawa projek ini telah diluluskan.

Saya ingin buktikan, YB. Cuba tengok surat itu di para 5. Saya buktikan ya. Saya buktikan kenapa saya kata projek ini sebenarnya tidak diluluskan oleh *Board*. Adalah didapati pelaksanaan proses perolehan Projek *Skills Passport* oleh PSMB tidak teratur. Proses yang tidak teratur tersebut bermula sebelum, semasa dan selepas mesyuarat *Board* PSMB bertarikh 6 Oktober.

Pertama, apa itu Agenda 7? Agenda 7 ialah menceritakan *to receive Chief Executive Report.* Sebenarnya, CEO bentangkan. Pencapaian daripada mesyuarat lepas kepada mesyuarat ini, apakah pencapaiannya. Itu sahaja. Saya katakan semua *Board* PSMB telah menerima jemputan mesyuarat bertarikh 6 Oktober, melalui e-mel bertarikh 4 Oktober, Isnin jam 1518 petang. Maknanya, pukul tiga. Maknanya, mesyuarat itu 6 hari bulan, dua hari sebelum itu dia ada bagi e-mel. Dalam e-mel itu ada 12 kertas pembentangan yang dilampirkan. Di-*attached* dalam e-mel tersebut. Itu saya nyatakan. Pertama, *notice of agenda.* Kedua ialah *minutes of the second special Board.*

Kedua, *to discuss matters arising*. Ketiga, *to confirm the latest circular resolution*. Keempat, *declaration of conflict of interest by the Board members*. Kelima-tak ada dalam ini, agenda ini menceritakan tentang *paper Skills Passport*. Tidak ada. Lalu saya terima lagi e-mel yang kedua. E-mel kedua telah dihantar pada semua *Board* pada 5 Oktober 2022, Rabu jam 9.39 malam. Esok nak *meeting*, malam ini terima e-mel lagi. E-mel yang kedua. Dua agenda dibagikan. Dua *paper* dibagi iaitu *proposal to approve misconduct and disciplinary management policy,* Agenda 11*.* Agenda 14*, any other matters.* Tak ada *Skills Passport* kan? Dalam itu tak ada *Skills Passport*. Lalu, esoknya *meeting,* pagi. Kemudian saya dapati tidak dikemukakan kepada *Board,* esok *meeting* pagi. *Paper* itu tak ada. Tidak ada *paper*. Paper yang dibentangkan oleh CEO *update* juga tak diedarkan. Dia edarkan selepas *meeting*. Dalam itu ada slaid *Skills Passport*. Selepas *meeting* pada 6 hari bulan. Dalam itu baru ada *Skills Passport*.

Saya bagi dia punya kronologi. Semasa *Board meeting* berlangsung pada jam 10 pagi, 6 Oktober sehingga selesai jam 1.45 petang. Sehingga selesai mesyuarat tersebut, tidak ada sebarang kertas kerja tambahan diedarkan kepada *Board* sama ada kertas Agenda 7 yang dia bentang itu pun tak ada. Kertas *proposal to approve Skills Passport* pun tak ada dalam *meeting* hari itu. Kemudian di dalam notis agenda pun tak ada. Dia ada bagi agenda pun tak ada *paper* itu.

Seterusnya, pada hari yang sama, jam 3 petang. Hari mesyuarat itu, jam 3 petang selepas mesyuarat. Beberapa jam selepas mesyuarat tamat, saya telah menerima e-mel berbunyi. *"Following to this Board meeting, please find attached slide presentation on the committee's update and CEO Report."* Pada masa itu, barulah saya nampak adanya slaid empat muka surat. Slaid empat muka surat tentang *Skills Passport*. Saya tak nampak dalam *Board meeting*. Saya nampak selepas itu.

Kemudian, saya mengesahkan bahawa tidak ada *paper* tentang *Skills Passport* dibentangkan. Apa yang berlaku sebenarnya dalam kes *Skills Passport*?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, memang tidak ada sebarang pemakluman atau medium hebahan diberikan pada *Board* berkenaan dengan *Skills Passport* itu?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Tidak ada. Memang tidak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk Chia, ada kah masa itu sebagai *Board*? Masih ada tak?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Datuk Rajasekharan.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Saya tidak ada sebab hari itu saya *absent*.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Datuk Rajasekharan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dia wakil daripada pihak KSM.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dalam itu Datuk Razman, saya ingat pada ketika itu. YB, ini satu contoh. Saya dah bagi pada YB itu. Ini contoh *paper Board approval*. Dia ada tulis sini *approval*.

■1640

Kemudian, belakangnya ada *recommendation*. Belakang *paper* ini ada tulis *recommendation,* siapa yang buat *paper* ini. Itu proses *good governance* yang ada dalam HRD Corp, tetapi slaid ini tak ada. Slaid saja empat muka surat. Okey.

Semasa mesyuarat *board* pada 28 Mac, apabila ditanya oleh ahli-ahli *board* mengenai proses perolehan projek *Skills Passport*, Ketua Eksekutif memaklumkan bahawa perjanjian kontrak antara PSMB dan Neomindz Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 17 Februari setelah mendapat kelulusan daripada Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Anuar, TKSU Operasi Kementerian Sumber Manusia pada 16 Februari.

Okey, Yang Berhormat, saya tunjukkan begini ya. Okey. *Board meeting*...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap. Saya nak tanya pada TKSU. Datuk Muhd Khair Razman ini masih ada lagi ke?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Datuk Khair Razman masih ada. Beliau kini di JPA, ditempatkan di jawatan berkumpulan. JPA. Beliau yang duduk dalam *board* sebelum inilah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Bila dia *pool*, ya?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Bila ya? Saya pun tak ingat, Yang Berhormat. Bukan isu ini. Dia ada kaitan dengan isu pekerja asing ketika itu. Sebelum saya sampailah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Teruskan, Datuk Rosli.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey. Jadi, semasa *board meeting* 28 Mac 2023, *board* bertanya kepada Ketua Eksekutif memaklumkan bahawa perjanjian kontrak antara PSMB dan Neomindz telah ditandatangani. Saya tunjukkan kronologi ya.

6 Oktober 2022, surat Datuk Shahul kepada TKSU— eh, *sorry.*

Board meeting 6 Oktober 2022. Dalam *board meeting* itu, dia mengatakan, dia bentang *Skills Passport*, *which is* tak ada.

Kemudian, Datuk Shahul bagi surat permohonan kelulusan kepada TKSU untuk melaksanakan projek *Skills Passport* pada 15 Februari. TKSU memberi kelulusan 16 Februari. Pada 17 Februari, kontrak *Skills Passport* ditandatangani. *[Riuh]* 15, mohon kepada TKSU. 16, TKSU lulus. 17, tandatangan kontrak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Laju ya? Sangat efisien.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sekejap. Sebelum itu, kontrak itu adakah dia dibawa ke perhatian AGC atau penasihat undang-undang?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya fikir tidak melalui proses itu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh AGC sahkan?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya ingat bukan AGC ini. Paling kurang pun ialah di peringkat PUU KSM ataupun *board*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: PUU KSM lah. Ada PUU KSM tak dekat sini?

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: Ada, ada. Tak pernah di-*refer*-lah kepada kami untuk kontrak itu.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Memang tak ada langsung minit, nota ataupun dokumentasi kepada PUU untuk...

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: Tak ada. Saya dah semak. Memang tak ada dirujuk kepada pejabat PUU lah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Secara kelazimannya, Datuk Rosli dan juga TKSU mungkin boleh ini, sepatutnya dalam apa juga ini, mesti ada, maksudnya nak minta, maksudnya ulasan daripada pihak PUU bagaimana sebelum nak menandatangani. Setuju ataupun tidak?

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: Cuma, saya nak maklumkan, Datuk. Bagi HRD Corp ini, biasanya kalau syarikat CLBG ini, dia tak melalui kitalah *because* dia ada *legal* dia sendiri untuk *advise* dialah.

Dan kita juga ada arahan Peguam Negara sebenarnya. Kalau misal kata diminta untuk tengok benda itu, kebiasaannya kami tak akan memberi pandangan kecuali kalau ia ada melibatkan kepentingan kerajaan. Pihak HRD Corp juga tidak akan terikat dengan pandangan yang kami berikan memandangkan dia ada *legal* dia sendiri. Biasanya, kebanyakannya macam itulah. Arahan Peguam Negara berkenaan dengan syarikat CLBG ini adalah sedemikian.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih PUU.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira, boleh minta Datuk Rosli mungkin maklum kepada PAC, Syarikat Neomindz ini latar belakang apa? Kalau tahulah, ada makluman.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey. Saya telah *query* kepada Datuk Shahul kenapa beliau menandatangani kontrak tanpa kelulusan *board* dan kenapa latar belakang syarikat tidak dimaklumkan kepada *board*. Saya katakan kepada Datuk Shahul, *"You tahu ke syarikat ini ialah dimiliki separuhnya oleh foreigner daripada India?" So,* jawapan dia kepada saya, *"So, kenapa? Tak boleh ke syarikat luar negara dapat kontrak di Malaysia?"* Saya kata dekat dia, *"Itu bukan isu. Isunya ialah apabila semua profil pekerja di Malaysia ini pergi kepada syarikat yang bukan Malaysia punya."* Itu isu yang saya katakan pada dia.

Okey. Latar belakang syarikat ini ialah syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang sangat lemah, iaitu jumlah modal hanya RM300,000, rizab tunai berbaki RM36,000 dan liabilitinya sebanyak RM144,400. Yang kedua, saya katakan tidak mempunyai pengalaman kerana baru ditubuhkan pada 5 Disember 2019.

Yang ketiga, saya kata, amat membimbangkan apabila 50 peratus pegangan saham modal RM150,001 yang juga salah seorang pengarah syarikat adalah merupakan warganegara asing dari negara India bernama Jayamohan Parameswaran Madhusoodhenen Nair. Nombor pasport pun ada ini. Saya katakan, ini adalah risiko kepada PSMB kerana mendedahkan data maklumat pekerja, profil pekerja rakyat Malaysia kepada warga asing. Saya jelaskan kepada beliau.

Itu latar belakang syarikat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Apa maklum balas daripada dia? Respons dia macam mana?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dia kata kepada saya, *"So what?"* Dia kata, *"Tak boleh ke?"* Saya kata, *"Bukan isu tak boleh. Isu pertama, you tak bawa kepada board",* saya kata. Yang keduanya, *"You boleh ke terima yang profil pekerja kita dikongsi dengan international foreign company?"* Saya tanya pada dia. Dia kata, *"So what? Di mana yang tak boleh?"*

So, bila dia kata tak boleh itu, saya pun tak boleh jawablah di mana yang tak boleh itu. Tetapi, *does it make sense* kita berkongsi maklumat data pekerja dengan warga asing? *Does it make sense*? Mendedahkan profil pekerja.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *Sorry.* Dia ini merujuk kepada siapa? Dia, *you said.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dia, merujuk kepada Datuk Shahul Hameed, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, saya melihat surat Datuk ini *dated* 10 April ini, sangat serius. *So,* banyak berlaku pelanggaran yang cukup jelas. Adakah *reply* daripada pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad iaitu Datuk Rajasekharan dan juga Datuk Shahul selaku CEO kepada Datuk? *He reply to whatever that* Datuk telah nyatakan di sini secara bertulis?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Sehingga sekarang, tidak pernah dikemukakan secara bertulis kepada saya selaku wakil Kementerian Kewangan di dalam HRD Corp. Tak pernah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dan bersetuju tak, saya mencadangkan kepada Datuk, perkara ini tidak pun dibawa bincang sebab tidak adapun mesyuarat *board* yang berlaku? Maka, perkara itu tidak langsung dibincangkan dalam *a proper medium* mesyuarat secara, maksudnya secara baik dan juga sejelasnya dibincangkan, sampailah ke hari ini. Setuju ataupun tidak?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Setuju dengan Datuk. Sehingga sekarang, tidak ada mesyuarat diadakan. Jadi, perkara ini tidak dapat ditanya berkali-kali kepada *board.* Tetapi, mesyuarat pada 12 April, iaitu mesyuarat *special board*— bukan mesyuarat *board* biasa. Mesyuarat *special board* untuk meluluskan penyata kewangan. Di situ, dia ditanya bertalu-talu oleh *board.*

Okey, saya berkongsi apa perkara yang ditanya. Antaranya, saya bertanya juga dan yang lain...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum Datuk pergi *further.* 12 April itu siapa yang hadir dalam mesyuarat itu? Boleh terangkan *attendance* yang hadir pada *board* dan juga yang hadir pada ketika itu? Datuk Chia ada?

Datuk Chia Hui Yuen [HRD CORP]: Yang Berhormat, perkara ini dibangkit dalam *main board 28 March* dengan *12 April special board*. Kedua-dua *board* ini, saya ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa lagi, selain daripada Datuk Chia? Boleh— kuorum ini.

Datuk Chia Hui Yuen [HRD CORP]: Masa itu, *on the 28th*— sebab, perkara ini dibangkitkan *on 28 March.* Masa itu, ada banyak perbincangan mengenai *Skills Passport*. *And then,* selepas itu, surat ini dikemukakan oleh Datuk Rosli *on 12 April. So,* dua-dua *board* ini, siapa yang ada ialah Datuk Palani, *representative FMM;* Encik

Syukri, *representing MEF;* Datuk Raiha, *independent*; Dato' Seri Chan— Dato' Seri Chan *independent,* kan?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: *Independent.*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD CORP]: *Independent.* Joseph, saya rasa dia *independent* juga. Sama ada *independent or representing ACCIM, Ipoh.*

■1650

Then, lepas itu ada Datuk Raja sebagai *Chairman.* Masa itu *we were told,* dia adalah *Chairman for* sementara tetapi *no official information to us. Then,* Datuk Shahul. Masa itu ada Dr. Zainah wakil dari *Ministry of Youth and Sports.* Dato' Latif masih ada, masa itu Dato' Latif *representative MPC (MITI).* Selepas itu Datuk Kadir, *representing* persatuan *from* Sabah, dia *dial-in,* dia guna *dial-in. Then...*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Syukri.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Encik Syukri *representing MEF, second largest employer in* Malaysia. *Then,* masa itu saya rasa Datuk Haji Azri masih ada *here in 28th March. On the 12th April,* saya rasa sudah tak ada kan? Lepas itu, TKSU masih ada *on the 28th March.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, *thank you* Datuk Chia. Maksudnya, ramai juga yang hadir pada ketika itu, 12 hari bulan, betul?

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Memang cukup kuorum.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, pada ketika itu sampai— boleh dapat tak minit mesyuarat selepas habis— sebelum saya nak tanya kepada Datuk Rosli, *what happened* pada 12 hari bulan itu? Ada tak minit mesyuarat?

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Minit mesyuarat *on 28th March* saya ada. Minit mesyuarat *on the 12th April,* saya sudah minta berkali-kali, tidak diberikan. Alasan dari CoSec ialah tidak ada *Chairman.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak apa. Itu— nanti kita panggil— nanti kita akan tanya. Okey Datuk Rosli, boleh Datuk Rosli terangkan apa yang berlaku pada 12 hari bulan tersebut.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, pada 12 hari bulan tersebut, saya menjelaskan kenapa saya tidak bersetuju dengan *Skills Passport.* Okey, yang pertamanya, surat kepada Datuk Razman dia bagi 15. Datuk Razman setuju 16 Februari— 15 Februari, 16 Februari, 17 Februari *agreement* ditandatangani. Soalan saya yang pertama kepada Datuk Shahul, apakah di dalam

akta ini, klausa manakah TKSU punya kuasa? Saya tanya, sebenarnya saya tahu. Tidak ada dalam klausa yang memerlukan kelulusan TKSU, KSU, *never.*

So, soalan saya yang kedua, kenapa *you* minta kelulusan kepada TKSU walaupun dia tidak ada *power?* Soalan saya. Kemudian, saya menghubungi Datuk Razman. Saya hubungi dia, kenapa Datuk tandatangani? Dia kata saya didesak oleh Shahul, *[Ketawa]* Datuk Razman-lah. Dia kata— *so*, sebenarnya tak ada surat ini. Surat ini saya tak ada, surat yang kepada Datuk Razman, saya tak ada. Kemudian, boleh saya dapatkan surat itu? Saya tanya Datuk Razman, boleh saya dapatkan surat yang Datuk Shahul kepada *you?* Dia bagi kepada saya.

Okey, apa kata dalam surat itu? Pada *meeting* 12 April, *Board* bertanya dan saya juga bertanya, RM12 yang dibayar oleh pekerja ini, siapa yang bayar sebenarnya? Setiap kali *profile update* ini RM12, siapa yang bayar?

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Sekejap Datuk Rosli, saya nak tanya AGC. Betulkah KSU dan TKSU tak ada kuasa…

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dalam akta.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Dalam akta.

Puan Norilawati binti Ismail [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]: Semua perjalanan HRD Corp…

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap, yang lain *off*-kan *mic.* Tekan *mic* Sandakan. Parit Sulong, *off* dulu.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *Sorry.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Jawab pakai *mic.*

Puan Norilawati binti Ismail [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]: Betul Yang Berhormat, perjalanan HRD Corp dan juga pengurusan *fund* itu hanya terletak kepada *Board of Directors*-lah kecuali TKSU, ketika itu dia juga ahli *Board* tapi bukan atas kapasiti itulah. Tak bolehlah atas seorang dia sebagai ahli *Board* untuk dapat kelulusan dia seorang-kan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk, saya nak tanya tentang...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sekejap Bangi, sebelum kita pergi *further.* Datuk Rosli, dah habis?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Belum lagi, belum.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ataupun kalau ada yang relevan, *you want to* ini atau...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Boleh saya habiskan dulu? Cerita ini menarik YB, macam novel. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sangat menyeramkan.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Menyeramkan. Memang menyeramkan penggunaan duit kerajaan ini. Okey, dalam *meeting* pada bulan April 12 hari bulan...

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: Masa itu kita tanya sama ada kos itu ialah...

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Berapa?

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: *28th March.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Pada 28 Mac, mesyuarat *Board* 28 Mac, kita bertanya RM12 ini sumber daripada mana? Apa dia jawab? Menarik ini dia jawab. KE menjelaskan kepada *Board* bahawa tiada sebarang implikasi kewangan kepada PSMB dan sepatutnya tidak perlu pun dibentangkan kertas kerja projek tersebut kepada mesyuarat *Board* kerana *zero cost.* Dia kata. Dan tidak ada sebarang kesan kepada PSMB, dia kata. Rujuk minit mesyuarat No.1/2023, ada dalam minit itu di lampiran enam.

Setelah saya laksanakan semakan dan didapati pelaksanaan Projek *Skills Passport* tidak mematuhi prinsip ketelusan dan akauntabiliti bila mana dia memohon kepada Datuk Razman, dalam itu RM12 hendaklah dibayar oleh HRD Corp.

Dalam surat kepada Datuk Razman, dia kata RM12 itu hendaklah dibayar oleh HRD Corp, RM12 darab seorang pekerja, HRD Corp bayar. Dia membohongi *Board,* dia kata *no cost.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Untuk rekod...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh minta Datuk Rosli bagi salinan surat dari CEO kepada Datuk Razman kepada PAC?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ada dalam itu— saya ingat ada.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ada.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Boleh tunjukkan? Sekejap Yang Berhormat ya, tunjukkan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Juga untuk rekod, masa CEO datang pun dia kata, dia bagi tahu kita yang tak ada *financial implication.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, lagi Azfa, lagi, atas. *[Merujuk kepada slaid].* Lagi sikit. Ini— lagi-lagi.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Cuba tengok jadual, bawah lagi. Okey, lagi, lagi, bawah. *[Merujuk kepada slaid].* Okey YB, itu fi perkhidmatan. Apabila *Skills Passport application* berjaya dilaksanakan *go live,* PSMB dikehendaki membayar kepada Neomindz RM12 untuk setiap penggunaan, tidak termasuk SST sebulan, darab bilangan pekerja, darab berapa kali *use.* Ini bukti yang Datuk Razman tandatangan— yang dia bagi kepada Datuk Razman-lah. *So,* dalam *Board* dia kata tak ada kos, dalam sini pun tak ada kos. Maknanya, dia tak faham apa yang dia buatlah.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Setiap bulan RM12?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: YB, setiap kali guna.

Seorang Ahli: Setiap penggunaan.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Kalau sebulan empat, lima kali.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ah, betullah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ia bukan sebulan— *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ini setiap kali masuk *apps* itu.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: *Yes.* YB, ini *business* bagus punya, setiap kali masuk *update your profile,* RM12 kena.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *For charge login* laman web.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: 10 kali masuk, RM120 kena bayar.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: RM120 darab dengan 1.4 juta pekerja.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Senang berniaga.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Payment every month.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ini bermaksud kalau Neomindz dia *employ* 10 orang. Hari-hari dia masuk sahaja, PSMB kena bayar.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Yang masukkan YB, pekerja.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Oh, pekerja.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Pekerja akan *update* dia punya *profile* dalam sistem ini. Tujuannya ialah maknanya, PSMB ada maklumat pekerja tentang yang *updated* punya *profile.* Jadi, pekerja akan *update* untuk memasarkan dirinya dalam sektor industri yang mana sesuai dan sebagainya. Setiap kali dia *update,* RM12. *Update,* RM12. *Update,* RM12. Sepatah pun RM12.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Kalau satu hari dua kali dia tertinggal dia punya *degree-ke,* apa-ke, pun kena juga.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi,

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Wangsa Maju, sila.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya cadang kita tengok dalam itu ada tulis, sila rujuk klausa sembilan dan jadual tiga perjanjian perkhidmatan.

■1700

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, YB, klausa 9 perjanjian tidak pernah dibentangkan kepada *board*. Dia hanya bentangkan empat muka surat yang awal dulu sahaja— slaid. Tidak pernah dibentangkan. Ini ialah, yang bagi pada saya, Datuk Razman. Dia tidak pernah bentangkan. Dia tidak pernah bagi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Sebab, kita difahamkan pada hari itu, tidak ada pembayaran daripada PSMB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Financial implication*. Jadi, berdasarkan daripada itu, boleh tidak Datuk tunjukkan yang mana, minit yang mana dibentangkan kepada *board* mengatakan bahawa tiada *financial implication* kepada PSMB?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Minit bertarikh 28 Mac 2023 dan minit bertarikh 12 Mac 2023, dua-dua ada. Ada.

Seorang Ahli: 12 April.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Boleh tunjukkan mungkin dalam...

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Itu yang tanda hijau itu. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Lagi bawah, bawah. Itu, Yang Berhormat. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Lagi. Ada lagi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *"No financial impact to PSMB."*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ha.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *"No financial impact to PSMB"* dekat situ ya.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Dan dia kata tidak perlu *approval* pun, dia cakap.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sebab *no financial impact*?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Sebab *no financial impact.* Sebenarnya tidak betul. Kalau begitu, kalau dia buat apa-apa pun, *board*

kena dimaklumkan, *board* kena *approved*. Dia tidak boleh begitu. Kalau tidak, dia boleh guna sesuka hati, apa data yang ada dalam PSMB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So*, boleh saya tanya, adakah *my passport* ini sudah *go live* ke belum?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya tidak pasti, YB, sebab tidak pernah dibentangkan selepas itu.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: TKSU? Datuk TKSU, boleh saya tanya, *my passport* ini sudah *go live* ke belum?

Seorang Ahli: *Skills Passport.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *My Skills Passport* ini sudah *go live* ke belum?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Saya kurang pasti tentang perkara itu, Yang Berhormat. Setakat— saya hanya mengetahui tentang *Skills Passport* ini berdasarkan laporan audit yang ditinggalkan kepada saya oleh mantan-mantan KSU dan TKSU yang terdahulu. Sebagaimana yang saya maklumkan, bahawa saya tidak pernah berada di dalam *board* HRD inilah.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: YB, boleh sambung sikit lagi?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan, Datuk.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya mengatakan bahawa kontrak antara HRD Corp dengan Neomindz tidak boleh ditandatangani oleh CEO. Tidak boleh. Sebab, CEO tidak pernah dapat *approval* daripada *board*. Tidak boleh ya.

Dalam *limit of authority*, kuasa untuk meluluskan perolehan melebihi RM1 juta hendaklah dibentang dan diluluskan oleh *board* setelah mendapat perakuan. Ada empat *level* perakuan. R1— R1 ini *recommendation one,* iaitu daripada *head of department*. R2, *recommendation two* iaitu daripada *C level* ataupun *head of division*. R3 daripada COO iaitu Datuk Ariff, *Chief Operating Officer.* R4 ialah *recommendation four* adalah daripada Ketua Eksekutif.

Datuk Wira, dalam proses *procurement* ini, tidak diikuti. Tidak ada *recommendation one*, tidak ada *recommendation two*, tidak ada *recommendation three*, tidak ada *recommendation four*, tidak ada kelulusan *board*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Datuk Pengerusi, saya hendak minta *AG Chambers*. Kalau yang terang-terang langgar keputusan seperti yang telah dibentangkan tadi, adakah ini *consider criminal breach of trust? Is it? Can action be taken to the CEO?*

Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]: *Based on*— tertakluk kepada penyiasatan dan *evidence*-lah. *So*, saya tidak boleh hendak cakap di sinilah. Sebab, kita tidak ada akses kepada *all the documents.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, hendak tahu, Neomindz ini, *the* syarikat ini, adakah kita dia punya *particulars*? *Who does it belongs to*, siapa dia punya *owner and all that, registered under what?*

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Ada rujukan di SSM, Yang Berhormat. Ada dibawa bersama.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: YB, ada. Ada maklumat itu. Yang saya katakan tadi, ia dimiliki 50 *percent* oleh warga asing, warga India dan 50 *percent* oleh *local represented.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Well established* ke baru lahir?

Seorang Ahli: *2019.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *2019? Oh, just born*-lah.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Belum ada pengalaman, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Baru *baby. Baby*. Belum boleh berlari lagi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *2019 together with the* CEO masuk HRD Corp...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Datuk Wira Pengerusi, boleh saya tanya ya?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh minta tolong bacakan siapa *shareholder* dengan *board of directors for that company, please?*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Neomindz.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ya, Neomindz.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, Neomindz Sdn. Bhd., *business address* dia di K-3A-3A Blok K, Solaris Mont Kiara, Jalan Solaris. Kemudian, *director* dia ialah Jayamohan Parameswaran Madhusoodhenen, warga India, Chennai. Kemudian, seorang lagi ialah Gobi a/l Ramasamy, Persiaran Buntong Jaya 16, Taman Buntong Jaya, Ipoh. *Director*. Itu sahaja dua orang, YB. Mereka memiliki 50-50 *percent*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Datuk Wira Pengerusi, saya ingin tanya kepada pihak KSM, kementerian. TKSU, boleh sahkan sama ada, berkenaan isu ini, kementerian pernah menjalankan audit dalaman?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Pernah, Yang Berhormat. Laporan audit dalaman ada saya bawa bersama sebagaimana yang telah diarahkan oleh mantan KSU sebelum ini supaya Unit Audit Dalam melaksanakan siasatan terhadap program *Skills Passport* inilah. Jadinya, pada masa itu, mungkin kerana timbul isu-isu inilah di media sosial dan sebagainya, jadi sebab itu mantan KSU mengambil tindakan untuk melaksanakan, mengarahkan Unit Audit Dalam melakukan siasatan. Ada laporannya pada saya dan mungkin telah diberikan kepada Jawatankuasa.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi]: Boleh minta bagi salinan dan juga boleh tidak di sini beritahu semua Ahli-ahli PAC, apa rumusan, *findings* dalam laporan audit dalaman?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Ya, berdasarkan, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat Dato' semua, berdasarkan pembacaan sayalah kerana saya pun belum sampai lagi di KSM ketika itu. Berdasarkan pembacaan saya, Unit Audit Dalam mengatakan bahawa tidak ada salah laku dan tidak ada penyelewengan yang berlaku di situ. Jadi, itu menimbulkan kemusykilan, agak musykillah. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, memerlukan penelitian yang lebih lanjutlah, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Laporannya ada bersama sayalah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Audit ini, Datuk, dijalankan oleh siapa?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Unit Audit Dalam. Kita di setiap kementerian memang ada ditempatkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit yang ditempatkan di setiap kementerian.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Dia diletak di bawah TKSU mana satu?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Dia tidak diletak— dia *direct* di bawah KSU.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia ada *external* audit tak?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Dia *direct* di bawah KSU, bukan di bawah TKSU.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Siapa KSU waktu itu?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: KSU, Datuk Seri Zaini Ujang. Sekarang ini KSU Kementerian Kesihatan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia orang buat *internal* audit ini ada, kan?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Ya, *internal* audit.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *External* audit ada tak?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: *External,* setakat yang saya tahu, tidak ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *External* audit kena audit *internal* audit. *[Ketawa]* Audit *the auditor*. Kalau tidak, mana boleh.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Itu mungkinlah, Yang Berhormat, di bawah pentadbiran saya yang baru ini, mungkin saya arahkanlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kita minta Jabatan Audit Negara untuk audit *internal* audit itu. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada apa lagi? Saya hendak buka soalan. *Yes*, Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tadi, Datuk pun ada sebut— saya ingat lagi, cuma saya tidak sempat tanya— berkenaan dengan *training providers* ini. *Training providers* yang mana Datuk kata ada *training providers* yang tidak ada kena mengena dengan akta. Tadi Datuk ada kata. Maksudnya yang *trainers* itu. Melainkan saya silap dengarlah. Tetapi, Datuk ada kata. Boleh jelaskan sikit tak tentang perkara ini? Apa yang Datuk maksudkan itu?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Mungkin pemahamannya berbeza *kot*. Mungkin saya tidak katakan dia tiada kaitan dengan akta, tidak ada. Cumanya, *training provider* ini, dia ada satu *pool,* saya anggap begitulah, *pool* di HRD Corp. Dia ada *pool of training provider* ini. Pemilihan *training provider* ini tidak pernah dibawa kepada *Board,* walhal itu merupakan satu perolehan apabila ingin buat perlantikan.

■1710

Bila kita pilih— bila mereka nak lantik *training provider, trainer* ini, dia tak bawa kepada *Board.* Saya tak tahu di peringkat mana mereka pilih. Padahal dia melibatkan jumlah dana yang besar.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dia melibatkan jumlah dana sebab HRD Corp akan kena bayar *training providers* ini, betul?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Betul. Betul.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya nak maklumkan– saya nak tambahkan maklumat, maksudnya ialah *training provider* setakat ini, dia ada *HRD Corp claimable programmes. So,* kalau *HRD Corp claimable*

programmes, kita akan tahu dia siapa *trainer* sebab dia akan *apply through* dia punya *apps. So,* dalam *apps* itu, kita akan nampak siapa itu *training providers* lah. *And* bagi HRD Corp, kalau nak jadi *HRD Corp claimable programmes, trainer* itu mesti TTT, melalui TTT, *certified* lah. Tetapi ada satu golongan *training provider* yang Datuk Rosli *mentioned,* dia sebut ialah, *training provider* yang di bawah PENJANA. Sebab PENJANA bukan *HRD Corp claimable.* Dia ialah di mana guna mungkin *unutilised fund* untuk tolong B40 tapi dia bukan tolong *employers* lah. Dia tolong orang lain. Di mana dia bukan tolong– bukan *reskill and upskill member of HRD Corp* yang bayar levi itu.

So, sekarang katakan saya ialah sebuah syarikat, saya bayar levi. *So,* saya boleh *claim* saya punya levi untuk *reskill* dan *upskill* saya punya *worker.* Tetapi, tadi kan kita ada *mentioned untilised funds? So, unutilised funds* itu ialah dia keluarkan daripada levi ini untuk *national agenda.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: CSR lah. Dia buat CSR lah.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Dia bukan– dia ada bentang, *recently* kan Parlimen pun ada bentang yang...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: COVID lah, COVID.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Mungkin untuk COVID ataupun *recently* ada bentang untuk macam *train up, reskill and upskill* orang yang tak kerja *ke*, remaja *ke*, *that one. So, they are* tidak kena mengena dengan levi. *So,* dia akan guna duit ini *hire training providers, train up* orang untuk *national agenda.* Yang itu, *trainer* kita tak tahu.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Okey, setahu saya, Program PENJANA itu, itu masa COVID. *During that time I was with the Ministry of Higher Education.* PENJANA itu *an allocation given by MOF, a special allocation given by the government to do a* PENJANA program macam KPT-CAP, kita ada program *150 million given* to KPT untuk buat Program PENJANA KPT-CAP. *We name it KPT-CAP.* Sama juga *announcement being made,* PENJANA dekat HRDF. Tapi *allocation* itu *being given by the government.* Itu bukan guna duit dalaman pun.

Seorang Ahli PAC: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: *One to one. I think* kalau nampak ada yang ya lah kalau tak silap, 2020 atau 2021 ada PENJANA yang *one to one,* di mana MOF bayar *let say RM50 milion,* HRD Corp akan keluarkan RM50 million. Ada *one to one. But, I think what Datuk Rosli mentioned,* sebut ialah, siapa *trainer and then,* kepada siapa. *Who is the receiver? And who is the person who train? Are these trainers qualified?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Datuk Chia. Saya ada satu soalan berkenaan isu ini. Saya saja nak sahkan amaun itu kerana setakat ini apa yang kita tahu, pada tahun 2020, *there was a programme* di bawah nama PENJANA *is one to one. That means,* satu Ringgit datang dari MOF, satu Ringgit datang dari HRD Corp untuk program ini. Jadi, adakah jumlah itu yang disediakan oleh HRD Corp adalah RM250 juta atau Datuk Rosli atau TKSU boleh sahkan?

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya tidak pasti, saya tidak pasti.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya juga tidak pasti jumlah amaun tersebut.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, berbalik kepada *trainers* untuk PENJANA...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sekejap, boleh? Dalam laporan oleh HRD Corp, ada menyebutkan satu jumlah yang agak besar pada tahun 2020 iaitu geran padanan sebanyak RM237 juta dalam laporan dia. Jadi, ini kita nak tahu lah apa dia punya detil dia. Adakah dia di bawah pengetahuan LP ataupun tidak? Maknanya, kalau tak ada, kita kena tanya balik lah kepada mereka.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh Datuk Chia *confirm* kan juga *Board of Directors,* ahli Lembaga tidak tahu berapa jumlah sudah dibelanjakan.

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tidak pasti.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya juga tidak pasti YB tapi saya tahu ada perbelanjaan tapi saya tidak pasti berapa jumlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, berbalik kepada soalan saya tadi kepada AGC, *which I think to be fair, we have to look at investigation, report* dan sebagainya, *but Datuk Chia, from your experience* ya, kalau CEO buat benda macam ini, tidak *report* kepada *Board,* tak dapat *approval of the Board, do you think this is amounting to criminal breach of trust?*

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Saya rasa Yang Berhormat telah tanya soalan yang sama kepada PUU sebentar tadi.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya nak lanjutkan soalan itu je. Maknanya, bukan kita rujuk kepada kes ini lah. Tapi kalau ada ikut fail...

Tuan Pengerusi [Pengerusi PAC]: Sekejap. Datuk Chia tadi jawab– biar kejap. Datuk Chia tadi jawab tak buka *mic.* Boleh ini...

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tidak pasti.

Tuan Pengerusi [Pengerusi PAC]: Tidak pasti ya, jawapannya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Berlandaskan kepada– kita bukan rujuk kepada kes ini tetapi dalam senario lain, satu *company,* yang seperti mana macam HRD Corp, yang CEO buat seperti mana yang diceritakan tadi, apa tindakan yang boleh diambil? Bukan HRD Corp lah, satu kes lain, sebiji macam apa yang dia buat...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Peruntukan apa yang tindakan boleh diambil?

Puan Norilawati binti Ismail [Jabatan Peguam Negara]: Saya tak boleh nak *confirm* kan di sini lah YB, sebab benda ini memerlukan kalau ada *any allegations of CBT,* kena ada buat *police report,* kertas siasatan akan dibuka, ada *investigation. So,* saya *reserve* lah *on that* sebab bukan saya punya bidang kuasa lah *on that.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, ada lagi?

Tuan Pengerusi [Pengerusi PAC]: Hah, kejap. Ada soalan...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Oh, mungkin SPRM boleh bantu dari segi ini.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: YB, boleh saya jawab pertanyaan YB Bayan Baru tapi saya nak jawab dalam konteks akta ya. Akta Syarikat, seksyen 218, dia menyatakan *"Seseorang pengarah atau pegawai syarikat tidak boleh tanpa persetujuan ataupun ratifikasi sesuatu mesyuarat agung –*

(a) menggunakan harta syarikat;

(b) menggunakan apa-apa maklumat syarikat;

(c) menggunakan kedudukannya sebagai pengarah atau pegawai syarikat;

(d) menggunakan apa-apa peluang syarikat yang dia ketahui; dan

(e) terlibat dalam perniagaan bersaing dengan syarikat."

Ini dalam akta *very clear* lah. Saya ingat dia kena faham, adakah apa yang dia buat itu ada berhubung kait dengan dirinya sebagai pengarah dan juga CEO.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sebelum itu tadi, saya nak bertanya soalan tadi, berkenaan dengan *trainers* ini. Maknanya, untuk satu kategori *trainers* iaitu bawah PENJANA ini, memang Lembaga Pengarah memang tak ada maklumat untuk siapa *training* ini dibuat, siapa *trainers,* berapa jumlah dibayar dan sebagainya, memang tak ada maklumat tersebut?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat, maklumat ini tidak pernah dibentangkan ke dalam *Board* dan saya yakin maklumat

ada. Maklumat ini tidak pernah dibentangkan kepada *Board,* tidak pernah mendapat kelulusan *Board. Never.*

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya nak maklumkan, bagi sepanjang ini, kan kita ada COO, Datuk Ariff. Program sepatutnya latihan ialah di bawah dia. Tetapi saya rasa kalau tak silap, masa tahun 2020 dengan 2021, dia ada pernah masuk *Board* untuk bentangkan PENJANA. Sebab saya baru *refer* satu minit yang dia ada bentang masa November 5th 2020. Itu saja. *Then* selepas itu, memang tak ada informasi.

Then, bagi *question* YB sama ada kalau CEO seperti ada salah guna kuasa, apa pendapat saya? Saya nak jawab dalam konteks *corporate.* Sebab saya memang *the top–before that, I was the country manager for international banks.* Selagi *any potential* kesalahan di *corporate, immediately 24 hours 'garden leave'* dan lepas itu, kita akan buat siasatan *immediately without prejudice.*

■1720

So, sebab memang ada banyak perlakuan, *I mean issues* ini dalam korporat, tapi setakat saya tahu, *immediately investigate,* tak boleh sentuh *anymore documents* supaya *no one can actually* tukar dokumen. Yang itu ialah pengalaman saya *27 years in the international corporate companies. Thank you.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya hendak tanya. Datuk Wira Pengerusi, saya hendak tanya *especially* Datuk Rosli lah. Saya pun tak tahu sama ada lepas ini Datuk Rosli hendak datang lagi atau tidak. Selepas kita dengar semua ini, Datuk Rosli, *poor governance*, *non-compliances,* macam-macam ini, apa *recommendation* Datuk Rosli sebagai wakil Kementerian Kewangan? *What's next?* Apa yang kita perlu lakukan?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih, YB. Saya sebenarnya memang *planning* benda ini untuk saya bercakap dalam PAC. Memang *well-planned*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk ada sembilan minit untuk Datuk terangkan itu.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey. Okey, YB. Ini berasaskan kepada...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tambah *time* pun ya.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih. Berasaskan pengalaman saya dalam *board* beberapa syarikat dan juga dalam syarikat HRD Corp.

Okey, YB. Pertama, HRD Corp hendaklah ditukar daripada syarikat CLBG kepada sebuah badan berkanun persekutuan. Itu cadangan saya. Kerana HRD Corp merupakan pentadbir kumpulan wang pekerja-pekerja di Malaysia. Jumlah caruman semakin membesar. Daripada menguruskan wang sebanyak RM55 juta dalam tahun 1993 kepada lebih RM5 bilion pada tahun 2025 nanti. Wang-wang tersebut perlulah ditadbir oleh mereka yang profesional. Sebagai penerima wang caruman, fungsinya hampir sama dengan KWSP, KWAP, LTAT dan Tabung Haji. Lembaga yang saya sebutkan ini ialah badan berkanun. Badan berkanun, tadbir urus dia lebih baik, jauh lebih baik.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kerajaan boleh kawal.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Boleh kawal. *Instead of CLBG company. Company CLBG* ini kecil sahaja sebenarnya menguruskan RM5 bilion dana. Saya rasa tak boleh. Kena pinda akta.

Kedua, mengasingkan fungsi CEO sebagai *board* dan juga mengasingkan fungsi CEO *board* dan Pengerusi. CEO tidak boleh berada di dalam *board*. Itu cadangan saya. Hendaklah masuk dalam akta. Pengerusi tidak boleh menjadi Pengerusi kepada jawatankuasa lembaga— bawah. Tak boleh. Memang tak *good governance*. Dalam PGG kita yang kita terbitkan oleh MOF, tidak boleh ada begitu. Untuk *good governance*. Ini juga kena buat pindaan akta. Dan juga, panel pelaburan hendaklah betul-betul profesional, bukan dipilih daripada mereka-mereka yang tidak ada kelayakan pelaburan.

Ketiga, saya cadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia melantik juruaudit swasta *the Big Four* untuk melaksanakan pengauditan ke atas pelaburan HRD Corp untuk melihat *good governance*, pengurusan kumpulan wang, struktur organisasi, proses kontrak dan perolehan dan pembelian hartanah. Perlu ada juruaudit luar masuk. Tapi, bukan *report to HRD Corp. Report to ministry*.

Keempat, pelantikan Ketua Eksekutif hendaklah melalui proses yang profesional dengan melantik mereka yang mempunyai latar belakang pengurus dana dan latar belakang industri. Dia kena dua-dua ada kaitan, sebab duit ini duit daripada industri. Proses pemilihan perlulah teratur. Tempoh pelantikan, terma pelantikan hendaklah ditentukan oleh *board*, bukan oleh pihak yang lain.

Kelima, pemilihan *training provider* perlu melalui proses profesional. Ini pernah saya cadangkan dalam *Board*. Dicadangkan *training provider* perlu memiliki

sijil MQA. Akreditasi. Kita ada satu agensi di Malaysia iaitu di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, MQA. Saya cadangkan gunakan satu sahaja... *[Disampuk]* Untuk memastikan bahawa kursus yang diberi itu ialah yang *very professional* dan telah diakreditasi. Hanya perlu melalui proses satu MQA sahaja, iaitu agensi yang sedia ada. Ini bagi memastikan latihan yang diberikan kepada pekerja-pekerja di Malaysia mencapai tahap mutu yang tertentu mengikut bidang industri. Kalau dia *finance, on finance.* Ini masalahnya, dia bagi latihan yang begitu *general*. Latihan yang tidak ada kaitan dengan fungsi kerja mereka. *[Disampuk]* Ya, membazir duit. Membazir wang betul.

Keenam, HRD Corp hendaklah memantapkan proses perolehan. Tindakan undang-undang hendaklah diambil kepada pegawai yang cenderung kepada salah laku perolehan.

Ketujuh, *CoSec* perlu diasingkan daripada Ketua Undang-undang. Asing. YB, saya ada dalam beberapa *companies*, antaranya ialah yang saya baru masuk dalam BNS. BNS, dia punya *CoSec* dengan undang-undang berbeza. *CoSec,* kita ambil daripada luar atau *outsource.* Undang-undang dalam itu. Dalam SPNB, misalnya *CoSec* dan ketua undang-undang berbeza. Saya pelik, mengeluarkan dana berapa bilion ini, *CoSec* dan jabatan undang-undang adalah orang yang sama. Lepas itu, YB, *knowledge* dia tak ada. Tak ada *knowledge*. Memberi nasihat benda yang salah kepada *Minister*. Saya tak faham kenapa.

Kelapan, meminda akta untuk guna wang lebihan. Ini YB, YB banyak bangkitkan. Wang lebihan ini sebenarnya *grey area* dalam akta. Wang lebihan. Akta ini perlu dipinda untuk membolehkan wang lebihan ini digunakan untuk apa. Saya cadangkan, YB, wang lebihan ini digunakan untuk melatih pelajar-pelajar universiti untuk *match* dengan *industry needs*, yang pernah Datuk Noraini buat di KPT... *[Disampuk]* Ha, yang *matching* dengan *industry needs*.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Sebab, bekas TKSU saya. *[Ketawa]*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ini, YB, kita lihat wang ini digunakan, kita tak tahu untuk apa. Tapi kena pinda aktalah. Maknanya dibenarkan oleh *members*, oleh industri. Kerana, mereka ini juga akan kembali kepada industri. Kita latih mereka, *match*-kan dengan industri punya keperluan supaya mereka boleh masuk pasaran. Tak banyak pun, kita ambil *15 or five percent, ten percent*. Ini untuk negara kita, YB, untuk kita punya ekonomi. Saya cadangkan begitu.

Itu sahaja YB Kubang Pasu. Terima kasih banyaklah kerana bertanya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Kita juga nak dengar daripada Datuk Chia juga. *What is your recommendation after sitting for two terms in the board? Four years. What is your recommendation?*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *YB, my recommendation is very similar to Datuk Rosli. First of all, CoSec has to be really qualified. Because, a lot of time when I questioned CoSec, she will tell me that, "I am a trained lawyer. So, I know exactly how it works." But, I think I have been long enough in the financial industry, I know how to read constitution,* akta*. That was a reason why I keep on questioning. But, so far, a lot of questions that I* tanya, tak dapat jawapan*. So, first of all, qualification of CoSec has to be properly checked through.*

Second is actually legal and CoSec cannot be together. Because, it is conflict of interest. Especially, how can a CoSec also involved in drafting legal agreements? And then, CEO cannot sit in the board. Because, just like in any of the listed companies, CEO is not a board member. Because, it is conflict of interest.

And then, a good governance must have a check and balance. If possible, CoSec should be external. Third party. Because in any of the listed company, you will see the CoSec, many of the CoSec, they— let's say they are internal. They will report directly to the board. So that they will not influence the management. But now, the CoSec reports to the board, but also reports to the CEO.

And then, I would like to suggest board of directors has to be relevant. Because, many of the board of directors that in my past four years, I have to be very— I believe that my conversation is recorded. But, however, it should be kept as P&C.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *You turn off your mic*-lah*,*

Datuk Chia Hui Yuen [HRD Corp]: *I turn off my mic* ya*.*

[Pembesar suara dimatikan]

■1730

[Off record]

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat, *Skills Passport* ini kecil saja, ibarat saya cuba menuang segelas air yang jernih ke dalam telaga yang dah keruh. *[Ketawa]*

[Off record]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Okay, you can turn on the mic now.*

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: *The trainer qualification, because I give you example. I attended some of the– because, during the period, I questioned about the qualifications of some of the trainers. So, I registered myself to attend TTT. I wanted to see how they train me. But, somehow rather they receive the information that one of the Board of Directors will come and*

attend. So, no one actually knew that I will attend. I come very early to listen to what they say and I realised that, we need very qualified trainers. Otherwise, you will be a 'blind lead the blind,'.

And I give you another example. How can a non-financial people go and train financial people? [Ketawa] Because, I was from a financial industry especially investment. Investment is very technical. How can a person, who says that, I am Master or PhD in what, and go and train the person in the financial industry? They are not qualified. So, hence, I agree with the recommendations of Datuk Rosli. Thanks.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Datuk Wira, *I'm worried about what they are just saying about the tip of the iceberg, Skills Passport. So, what is the big thing? If this is just small, what is the big thing? Yes, what is the bottom?*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey, boleh saya jawab... *[Pembesar suara dimatikan]*

[Off record]

Datuk Chia Hui Yuen [Mantan Lembaga Pengarah HRD CORP]: *On the last Board meeting, the Special Board on the 12 April, I asked the Chief Financial Officer a question. I asked, why didn't you explain to us the RM120 million in and out? They should report first. Second thing is, I was told, until today, they are using same account to record expenses and levy. So, how do we know that whether they overused the levy, which is the trust fund? Because, in the financial report, levy or unutilised levy is under liability. Means, it does not belongs to HRD Corp. So, how can the levy and the unutilised levy money sits with the money together with HRD Corp money?*

So, in what way that we are— how can we actually control the money, the employer money is not being misused? And I also don't see the budget of investment budget where because, under the akta *it clearly mentioned that, we can– HRD Corp can only invest based on the— not immediate money. Hence, meaning to say that, the budget becomes very critical, to make sure that they can actually keep some of the money for investment. Especially, many of the investments that they used, is actually very high risk investment and maybe long term as well. So, hence, for that one, I actually questioned it during the last Board— the Special Board on the 12 April. Thanks.*

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Ada nak... *[Pembesar suara dimatikan]*

[Off record]

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kita pun nak tanya juga sebab hari itu ada dibincang dan ditanyakan soalan itu. Boleh Datuk terangkan kenapa?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Ini tak apa. Saya pakai *mic.* Selepas *meeting Special Board* 12 April dan selepas *meeting Board* 28 Mac*,* apabila saya bertanya tentang Projek *Skills Passport*, CEO beranggapan perkara ini direka-reka dan ini adalah satu benda yang palsu. Dia anggap wakil MOF lapor benda yang tak betul? Dia anggap kita pula tak betul, padahal dia yang tak betul. Dia kata, kita fitnah dan sebagainya dan saya merasakan dia telah memberi nasihat yang tidak betul kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, saya dicalonkan oleh Menteri Kewangan, oleh MOF.

Dalam akta, memang mengatakan bahawa calon MOF ialah MOF yang kemukakan, kan? Jadi, saya merasa pelik, apa nasihat yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri KSM sehingga ingin menamatkan saya? Adakah dia nak mengekalkan— soalan dia, adakah dia nak mengekalkan mereka yang tidak faham tentang pengurusan, *good governance* di dalam *company* dan yang faham, dikeluarkan? Adakah itu tujuan dia? Jadi, saya nak rekod dalam ini. Biar *Minister* pun tahu dan juga CEO pun tahulah, apa tujuan? Saya pun nak tahu apa tujuan? Dalam surat itu *very simple.* Dia mengatakan begini, Yang Berhormat. Saya bacakan ya. Memang macam tak masuk akal sikitlah surat ini. *[Ketawa]* Okey.

[Merujuk kepada peranti] Dia mengatakan bahawa dia nak struktur— nak menstrukturkan semula Lembaga Pengarah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* CEO?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Tak. Dalam surat *Minister* kepada MOF, ya. Saya rasa perkataan ini daripada CEO. Tak pernah orang buat menstrukturkan Lembaga Pengarah. Selalunya, orang menstrukturkan organisasi, *management.* Apa yang dia nak, ke arah mana dia nak. Mungkin sesuai kalau perubahan *government* dan sebagainya melantik dan— menamat dan melantik Lembaga Pengarah yang lain tetapi bukan wakil kerajaanlah. Saya fikir sebab wakil kerajaan dicalonkan oleh kementerian. Itu pandangan sayalah. Saya rasa mungkin mereka memberi nasihat yang kurang tepat.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk, sebab dibangkitkan oleh CEO dalam prosiding yang lepas dan saya rasa adil juga kalau ditanya kepada Datuk sendiri. Dia kata, antara sebab kenapa Datuk dibantah dan sebagainya adalah disebabkan kononnya, Datuk telah pergi kepada media dan bercakap kepada media tentang isu ini. Tak silap saya, dia pun ada cakap, mendedahkan surat-surat yang

Datuk dah tunjuk itu kepada media dan sebagainya. Jadi, mungkin Datuk boleh bagi komen tentang apa yang dikatakan ini.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk dah komen dah tadi. Ya, dah komen dah tadi.

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak komen sekali lagi. Nak sahkan bahawa saya tidak pernah berjumpa media. Saya berada di luar negara pada ketika itu, 2 hingga 14 Mei 2023, saya balik ke Malaysia. Diterbit dalam media, tak silap saya 7 hari bulan, *which is* saya pun tak sedar sehingga Datuk Shahul *call.* Saya tak pernah berurusan, bercakap, berjumpa, ada niat nak jumpa, ada niat nak bercakap, tidak ada dan saya tahu. Saya sebagai penjawat awam, ada tata kelola yang patut saya patuhi. Saya tak wajar berjumpa dengan media. Itu bukan *channel. Channel* saya, saya keluarkan surat ini adalah berkaitan *corporate matters of the company. Not for media.*

This is corporate matters. Pengurusan syarikat. Itu sebab saya keluarkan surat ini. Bukan tujuan saya untuk memaklumkan pada media, wakil MOF keluarkan surat. Tidak. Tidak itu maksudnya. Saya tak pernah berurusan dengan media. Saya hanya berurusan dengan HRD Corp. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk TKSU tadi, saya nampak Datuk nak cakap tadi. Ada apa nak tambah sebelum isu yang dibangkitkan oleh Bayan Baru?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya ingat esok, sekali lagi saya akan menghadiri PAC ini pada jam 4 petang bersama dengan Yang Berhormat Menteri lah. Jadi, saya pun tak tahulah. Saya pun begitu popular, tiga kali dipanggil. Sedangkan, saya tak berada dalam *Board*. Jadi walau bagaimanapun, untuk makluman, mungkin telah dimaklumkan lebih awal bahawa ini *prerogative of the Minister*-lah, satu. Kuasa untuk melantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah, sama ada nak diterima atau tidak. Yang itu mungkin bolehlah Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi nanti bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri lah, apakah alasan-alasannya dan sebagainyalah. Adakah beliau meminta pandangan daripada CEO atau sebagainyalah.

■1740

Tapi di peringkat saya, saya tidak ada menerima surat daripada MOF itu. Tak adalah sampai kepada saya. Mungkin dia hantar *direct* ke pejabat Menteri ataupun sebagainya. Saya tak pastilah tentang perkara itu. Tapi, kalau dia hantar kepada saya, prosedur sebagaimana yang biasa, saya akan *prepare* memo, dokumen-dokumen dan sebagainya dan hantar ke pejabat Menteri untuk persetujuan Yang

Berhormat Menteri— sokong, tidak sokong. Itu sahajalah di peringkat saya. Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *All right.* Saya rasa kita PAC jelas dengan apa juga penerangan dan juga penjelasan yang telah diberikan oleh Dato' TKSU, Datuk Rosli dan juga Datuk Chia. Kita nak merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan di atas kehadiran pada petang ini.

Oh, ACG ada nak komen?

Puan Norilawati binti Ismail [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]: Tadi yang tergantung fasal pindaan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, yang tadi.

Puan Norilawati binti Ismail [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]: Okey, pindaan— bukan pindaan akta tetapi pindaan kepada jadual yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2021 melalui perintah, yang mana pindaan meminda kelas majikan yang hendaklah berdaftar di bawah akta ini dan industri-industri yang perlu berdaftar. *So,* maknanya dia dah *expand the industry and category of employees to be registered. That's why* mungkin *in line* dengan *projection* kutipan levi tadilah, YB.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih banyak atas maklumat tersebut. Jadi, saya ucapkan sekali...

Encik Khairul Nurrahim Ashadi [Ex-officio, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah]: Datuk Wira Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: SPRM.

Encik Khairul Nurrahim Ashadi [Ex-officio, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah]: Berkaitan dengan isu yang dibincangkan pada petang ini, saya ingin menjemput Datuk Rosli dan Datuk Chia untuk tampil ke pejabat SPRM untuk membuat aduan. Kami akan hubungi datuk-datuk.

Untuk makluman mesyuarat juga, dalam pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2018 di bawah seksyen 17A, adalah berkewajipan kepada organisasi komersial iaitu syarikat-syarikat untuk meletakkan *adequate measures,* langkah-langkah yang berpatutan untuk mencegah rasuah. Kegagalan pegawai-pegawai syarikat, boleh didakwalah.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih, pihak SPRM. Harap Datuk Chia dan juga Datuk Rosli beri komitmen dan kerjasama yang baik. Saya yakin dan percaya akan dilakukan, *insya-Allah.*
Jadi, kita tangguhkan mesyuarat kita pada jam— Datuk nak cakap apa-apa ke?

Datuk Rosli bin Yaakub [Kementerian Kewangan]: Saya nak rakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat, juga Yang Berhormat Ahli-ahli PAC kerana menjemput saya dan juga Datuk Chia untuk hadir memberi penjelasan kepada Yang Berhormat. Kita berharap penjelasan yang kita kongsikan ini akan memberi faedah kepada negara. Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih banyak. Jadi, kita tangguh pada pukul 5.43 petang pada hari ini dan kita sambung esok pukul 4.00 petang, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi, saya nak minta untuk Ahli PAC tunggu sebentar untuk kita bincang seterusnya. Terima kasih. Terima kasih semua.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.43 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 2 November 2023

Bil. 6 (c) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Dana Latihan dan
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

Kementerian Sumber Manusia

(i) YB Tuan V. Sivakumar,
Menteri Sumber Manusia

(ii) YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar dan Antarabangsa)

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Kewangan (MOF)

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Kementerian Ekonomi
Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Timbalan Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]
Puan Sofiah binti Ab Hamid [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Peguam Negara
Puan Norilawati binti Ismail [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

Jabatan Audit Negara
Puan Suraya binti Adnan [Ketua Penolong Pengarah Audit (Sektor Audit Pengurusan Syarikat)]
Encik Mohd Fairus bin Jaafar [Juruaudit]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM)]
Encik P.Gunalan Perumal [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Ng Seh Fern [Penolong Pesuruhjaya]

SAKSI

Kementerian Sumber Manusia
YB Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa)]
Encik S. Siva Kumar [Setiausaha Bahagian]
Encik Shah Wira bin Abdul Halim [Peguam Kanan Persekutuan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
***mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera serta selamat datang saya ucapkan pada Naib Pengerusi, Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi; Ahli-ahli Yang Berhormat PAC Parlimen Ke-15 serta ahli-ahli *ex-officio* yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, ada? Jabatan Perkhidmatan Awam? Kementerian Kewangan? Jabatan Audit Negara? SPRM? Kementerian Ekonomi? Jabatan Akauntan Negara? Terima kasih kerana turut hadir dalam Mesyuarat pada petang ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan menyambung prosiding berkenaan dengan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp. Ini adalah merupakan prosiding yang ketiga membabitkan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp.

Dalam prosiding yang pertama yang telah kita adakan pada 23 Oktober, PAC telah pun mendengar keterangan dan penjelasan Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa selaku pegawai pengawal Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Manakala, prosiding kedua telah pun diadakan semalam pada 1 November yang dihadiri oleh pegawai pengawal KSM. Jadi, Jawatankuasa ini telah pun mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakob, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp. merangkap TKSU, Timbalan Setiausaha Bahagian Sektor Tadbir Urus dan Korporat Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) Kementerian Kewangan dan Yang Berbahagia Datuk Chia Hui Yen, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp.

Jadi, lanjutan daripada prosiding berkenaan, PAC ingin mendapatkan beberapa maklumat lanjut berhubung dengan HRD Corp. dan hadir di hadapan PAC pada hari ini untuk memberikan penjelasan adalah Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia. Terima kasih PAC ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir dalam prosiding PAC pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini bukan kali pertama Yang Berhormat Menteri hadir untuk memberikan penjelasan tetapi sudah beberapa kali ya Menteri hadir, bukan dalam sidang ini saja tetapi maksudnya, sebelum-sebelum ini telah pun memberikan kerjasama dan juga menjadi saksi dalam prosiding PAC dalam– maksudnya, dalam perkara-perkara yang lain PAC sebelum ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia untuk memulakan pembentangan. Yang Berhormat Menteri ada pembentangan kah? Tidak ada. *So*, kalau macam itu saya mulakan dululah. Saya minta Yang Berhormat perkenalkan diri dan juga ceritakan sikit latar belakang secara ringkas. Maksudnya, maklumat tentang latar belakang Yang Berhormat turut terlibat dalam Kementerian Sumber Manusia ini daripada tahun bila dan bila dan sebagainya. Saya persilakan kepada Yang Berhormat untuk mulakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nama saya Sivakumar, merupakan Menteri Sumber Manusia dan saya adalah juga Ahli Parlimen untuk kawasan Batu Gajah. Saya pernah menjadi Ahli Parlimen sejak tahun 2013. Ini adalah penggal ketiga saya menjadi Ahli Parlimen dan sebelum itu untuk dari tahun 2008 hingga 2013, saya juga merupakan wakil rakyat di kawasan DUN di DUN Tronoh, Batu Gajah juga.

Saya telah mula berkhidmat sebagai Menteri Sumber Manusia mulai Disember 2022. Saya berasal daripada Ipoh dan pendidikan awal saya semua daripada Ipoh dan saya melanjutkan pelajaran saya ke Universiti Malaya dalam bidang ekonomi. Itu adalah sedikit sebanyak berkaitan dengan latar belakang mengenai diri saya. Terima kasih Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Bagaimana dengan pengalaman dan juga latar belakang Yang Berhormat dalam Kementerian Sumber Manusia?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Pengalaman saya seperti mana yang saya sebut, saya memulakan jawatan saya pada bulan Disember tahun lalu dan saya agak aktif dalam semua agensi-agensi, termasuk juga dengan HRD Corp. Jadi, saya sebenarnya tidak tahu sebenarnya apa niat sebenar PAC untuk memanggil saya untuk memberi keterangan. Sebab itu saya tidak menyediakan apa-

apa pembentangan sebab pembentangan umum berkaitan dengan proses ataupun keberkesanan latihan HRD Corp. itu mungkin *it's not really relevant to this. So*, saya rasa saya hendak dapatkan– saya hendak dapat tahu sedikit sebanyak apa sebenarnya prosiding— apa sebenarnya yang PAC hendak dapatkan daripada saya, Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Boleh tidak saya cadangkan macam ini? Yang Berhormat juga pernah menjadi Menteri di KSM pada tahun 2018 hingga awal– bukan?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tidak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang Berhormat Kula. Oh, okey.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Sebab itu saya tidak– baru.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Maksudnya, Yang Berhormat baru saja sesi ini saja ya.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Pengalaman saya hanya bermula daripada tahun lepas.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, saya bukakan kepada Ahli Yang Berhormat lain untuk bertanyakan soalan.

Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi]: Pengerusi. Okey, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Boleh tidak saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan atau memberi sikit keteranganlah ataupun pandangan kepada PAC berkenaan laporan media baru-baru ini berkaitan dengan *Skills Passport*? Pandangan.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Pandangan saya.

Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi]: Ya.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Perkara ini berkaitan dengan *Skills Passport* ini telah dibawa kepada perhatian saya pada awal tahun ini. Saya tidak dapat pastikan bila sebenarnya tetapi saya difahamkan bahawa ini adalah satu projek yang telah pun diluluskan oleh *Board* HRD Corp. sebelum ini. Satu pembentangan ringkas telah dibuat kepada saya dan saya melihat ini sebagai satu projek yang baik oleh sebab ia telah pun mendapatkan kelulusan daripada *Board* yang sebelum ini.

Saya juga merasakan bahawa ini akan memberi satu peluang kepada pekerja-pekerja untuk mereka merekodkan semua jenis latihan-latihan yang mereka jalani sebelum ini. Ia sebenarnya dapat membantu pekerja-pekerja dan saya tidak melihat apa-apa unsur negatif daripada *Skills Passport* ini. Saya juga pastikan

bahawa *Skills Passport* ini bukan sesuatu yang mandatori iaitu diwajibkan kepada semua pekerja-pekerja untuk mendaftar di bawah *Skills Passport* ini.

Oleh kerana ia tidak mandatori, ia menjadi pilihan kepada pekerja. Maka, saya tidak nampak apa-apa yang boleh menjadi satu perkara yang sensitif berkaitan dengan *Skills Passport*. Satu bayaran dikenakan, saya dimaklumkan bahawa bayaran sebanyak RM12 akan dikenakan kepada setiap transaksi kepada *Skills Passport* ini. Saya nampak jumlah yang dikenakan itu bukan rendah, jumlahnya agak tinggi dan pilihan kepada pekerja sama ada mereka hendak ataupun tidak mahu mereka mendaftar dan mengadakan apa-apa transaksi di bawah *Skills Passport* ini.

Sebab untuk makluman Pengerusi dan seluruh Jawatankuasa, walaupun sesuatu projek ataupun suatu produk yang ada di pasaran, tidak semestinya pekerja-pekerja itu berminat untuk mendaftar dan menggunakan aplikasi tersebut. Sebagai contoh Pengerusi, saya lihat satu program yang cukup baik di bawah PERKESO iaitu Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah, di mana skim ini adalah satu skim yang cukup baik kepada pencarum dengan hanya membayar RM10 sebulan mereka mendapat satu perlindungan ataupun manfaat yang cukup baik. Tetapi walaupun ia merupakan satu produk yang cukup baik tetapi sambutannya terlalu rendah, terlalu rendah.

Dalam tahun 2023, kita hendak dapatkan lebih kurang 10 hingga 20,000 orang untuk mencarum secara persendirian pun adalah begitu susah sekali. Jadi, saya melihat ini adalah pilihan kepada pekerja sama ada mereka mahu ataupun tidak mahu untuk mendaftar di bawah *Skills Passport*. Itu adalah pandangan saya yang pertama.

■1610

Yang kedua, saya lihat bahawa— pertama, dia bukan mandatori; yang kedua, dia tidak memberi apa-apa hak eksklusif. *Exclusivity* itu tak ada kepada syarikat yang menawarkan projek tersebut. Maksudnya, kalau ada persaingan, kalau ada satu lagi syarikat yang juga mahukan benda yang sama, *Skills Passport* yang sama, boleh dipertimbangkan. Dia tak bagi apa-apa hak kepada satu syarikat. *"Ini adalah hak eksklusif untuk syarikat ini, hanya syarikat ini sahaja yang mendapat hak tersebut".* Tak ada seperti itu.

Jadi, saya lihat tak ada apa-apa masalah. Saya telah— walaupun saya tidak meluluskan perkara ini tapi saya melihat tidak ada apa-apa masalah untuk *Skills Passport* ini diteruskan. Terima kasih Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat kita bagi pada ini, saya cuma nak tahu, dalam ini hanya ada wakil daripada kementerian sahaja ya? Tidak ada wakil daripada HRD Corp ya?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tak ada, tak ada.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, hanya daripada kementerian. Okey. Kalau macam itu, saya serahkan— ada satu soalan tambahan daripada YB Kluang, kemudian Kubang Pasu dan Parit Sulong.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Jadi, saya minta YB Menteri menjelaskan info atau maklumat berkenaan *Skills Passport* yang disebut tadi datang dari mana? Siapa yang maklumkan ataupun buat pembentangan, keterangan kepada Yang Berhormat Menteri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: CEO HRD Corp sendiri bersama dengan beberapa orang pegawai datang berjumpa dengan saya dan— sebab, saya ada minta untuk semua program-program yang hendak dilaksanakan untuk sepanjang tahun ini. Antaranya macam *National Training Index*, *one of it.* Ada banyak program-program yang mereka cadangkan. Jadi, saya minta supaya mereka bentangkan kepada saya semua program-program yang akan dilaksanakan sepanjang tahun ini dan satu daripadanya ialah *Skills Passport.*

Jadi, saya nak dapatkan maklumat tambahan, saya nak tahu apa *Skills Passport* ini, sebab sebelum itu saya tak pernah dengar berkaitan dengan *Skills Passport.* Jadi, bila dimaklumkan kepada saya, saya nak dapatkan lebih terperinci tentang bagaimanakah *Skills Passport* ini dilaksanakan, dan mereka telah memberi penjelasan kepada saya berkaitan dengan *Skills Passport* ini. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Adakah maklumat itu termasuk bayaran RM12 itu akan dibayar oleh pekerja-pekerja?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: CEO yang maklumkan Yang Berhormat Menteri bahawa bayaran RM12 itu akan dibuat oleh pekerja?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya, pekerja. Betul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh saya tahu, bila pembentangan itu dilakukan?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya tak begitu— sebab, kita selalu berjumpa, Pengerusi. Bukan sekali hanya untuk satu isu sahaja. Bila saya panggil mereka datang, mereka akan bawa beberapa perkara untuk bincang dengan saya dan satu daripadanya ialah perkara ini. *So,* melalui HRD Corp, saya dapat maklumat bahawa *Skills Passport* ini adalah satu daripada agenda mereka untuk tahun ini, agenda HRD Corp untuk tahun ini. Saya dimaklumkan bahawa— ketika itu, saya dimaklumkan bahawa bayaran yang dikenakan itu adalah RM12 dan ia akan dibayar oleh pekerja.

Satu lagi. Mereka tidak akan menggunakan wang daripada kutipan levi yang mereka terima. Jadi, itu yang menyebabkan saya rasa bahawa ini adalah satu program yang tidak akan ditentang oleh pihak majikan. Terima kasih Pengerusi.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Boleh? Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas penjelasan tadi.

Cuma, saya nak minta Yang Berhormat Menteri memperjelaskan kepada PAC, apakah kuasa-kuasa menteri di dalam HRD Corp? Kita mendapat makluman mengenai *detail shareholder Skills Passport* itu. Jadinya, apakah perasaan Menteri apabila syarikat yang dilantik untuk mengendali *Skills Passport* itu, *shareholder* dia bukan warganegara?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Pada pandangan saya, itu yang saya jelaskan tadi bahawa saya tidak melihatkan kepada syarikat itu secara spesifik sebab ianya telah pun diluluskan oleh *board.* Jadi, untuk saya untuk memutuskan sama ada saya luluskan ataupun tidak, itu adalah saya rasa *irrelevant* sebab perkara ini telah pun dibawa dan...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Kejap. Sekejap, Menteri. Saya nak cuba tanya sebab tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa telah dimaklumkan yang telah diluluskan oleh *board.*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Siapa itu yang telah memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: CEO.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: CEO sendiri yang memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri yang *Skills Passport* ini telah diluluskan di dalam *board?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: CEO memaklumkan kepada saya perkara ini telah diluluskan dalam *board.* Betul.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Jadinya, susulan daripada itu, adakah Yang Berhormat Menteri ada *check,* ada membuat siasatan ya? *Verify? [Ketawa]*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *No.* Saya tidak buat.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Tidak buat. Okey.

Tuan V.Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya tidak buat semakan perkara itu sebab saya percaya bahawa apabila CEO datang berjumpa dengan saya dan memaklumkan kepada saya bahawa perkara ini telah pun diluluskan dalam

board, perkara ini hanya dibawa kepada perhatian saya untuk makluman sahaja, bukan untuk kelulusan. Sebab, saya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. *So,* maksudnya— saya nak pengesahan kat sini. Maksudnya, Yang Berhormat Menteri, berdasarkan apa *presentation given by* CEO, Yang Berhormat Menteri percaya dan juga yakin apa juga yang dinyatakan oleh beliau itu adalah benar termasuklah ianya mendapatkan kelulusan *board* ya? Betul ya?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya. Betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Untuk rekod ya, siapakah nama CEO yang disebut oleh YB Menteri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Datuk Wira Shahul Dawood.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, ini bukan *interrogation.* Nak minta pencerahan Yang Berhormat Menteri. Kita ini, kita hormat seorang Menteri.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sekian lama Pengerusi HRD Corp tidak dilantik. Begitu juga pelantikan wakil MOF kepada Lembaga Pengarah HRD Corp. Soalan saya, kenapa dia mengambil masa begitu lama? Sebab, pelantikan Pengerusi amat penting dan juga wakil MOF juga amat penting. Kita perhatikan bahawa tahun ini baru sekali sahaja lembaga pengarah bersidang.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Dua kali.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dua kali ya? Bila kita tanya kenapa, mula-mula jawapan daripada CEO ialah Pengerusi tak ada. Jadi, saya katakan sebenarnya kalau Pengerusi tak ada pun kita boleh lantik di kalangan lembaga pengarah untuk mempengerusikan mesyuarat pada hari itu. Jadi, boleh Yang Berhormat Menteri beri pencerahan sedikit, kenapa ia mengambil masa yang lama Pengerusi tidak dilantik dan wakil MOF juga tidak dilantik?

Sebab, banyak juga yang digunakan nama Yang Berhormat Menteri. Bila kita tanya, *"Oh, ini lembaga pengarah tak putus, tak bersidang tak apa, kita dapatkan*

kelulusan daripada Menteri". Itu yang kita dengar. Mungkin Yang Berhormat Menteri beri pencerahan sedikit kepada kita. Terima kasih.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, saya nak rujuk balik pada pertanyaan oleh Parit Sulong berkenaan degan kuasa Menteri yang ada di dalam HRD Corp. Boleh Datuk Seri jawab yang itu?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Jawab yang kuasa Menteri itu. Okey, kuasa Menteri memang tercatat dalam Akta PMSB iaitu seksyen 7 iaitu berkaitan dengan *board,* seksyen 8 iaitu *the Minister's power to appoint the alternate members to attend board meeting on corporation*; seksyen 26 – *the Minister has the power to appoint the Chairman of the Board and also Chief Excutive, Representative of the Ministry of Finance and two other persons with business and financial experience,* dan seksyen 27 – *power to invest.* Okey. *"The Minister may, at any time, direct the vacation in part or in whole, or prohibit investment"*. Seksyen 48 – *Regulations.* Seksyen 49 – *Power to amend First Schedule* dan yang ke-50, *"Power of Minister to give directions".*

Itulah antara kuasa-kuasa yang ada pada Menteri yang diberikan melalui akta, Pengerusi.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadinya, Yang Berhormat Menteri, kuasa pelantikan Pengerusi adalah Menteri ya?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kenapa tidak dilantik begitu lama, Yang Berhormat Menteri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Untuk makluman PAC, memang benar tidak ada pelantikan dalam bulan Januari dan Februari. Tetapi, saya ada membuat pelantikan pada bulan Mac, Dato' Rajasegaran iaitu daripada 20 Mac hingga 30 Jun.

■1620

Ini disebabkan oleh saya masih belum mendapat menentukan siapakah yang layak untuk menjadi *Chairman* untuk *Board* ini dan dalam proses untuk mencari *candidate* yang paling sesuai untuk menjadi *Chairman* untuk HRD Corp. *So*, dalam tempoh itu oleh sebab kita mempunyai masalah untuk membuat kelulusan— mendapatkan kelulusan dan sebagainya, saya mencadangkan supaya seorang *Board member* yang sedia ada dilantik secara sementara untuk mengambil tugas sebagai *Chairman* iaitu daripada 20 Mac hingga 30 Jun. Dan ya...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh saya minta respons daripada AGC berkenaan dengan kuasa-kuasa Menteri yang telah pun Yang Berhormat nyatakan tadi. Maksudnya, kuasa beliau di dalam HRD Corp. Saya nak tahu respons daripada AGC.

Puan Norilawati binti Ismail [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]: Betul. YB Datuk Wira, berdasarkan seksyen 7, Akta 612 memang adalah kuasa Menteri untuk melantik ahli-ahli Lembaga, termasuk Pengerusi iaitu Pengerusi di kalangan dalam sepuluh wakil *employers*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, ya, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Silakan Menteri, ada tambahan?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Jadi, selepas bulan Jun, Pengerusi yang saya lantik secara sementara itu telah tamat dan kami masih menghadapi masalah untuk membuat pemilihan. Kita ada beberapa orang *candidate* yang untuk dilantik sebagai Pengerusi tetapi saya kemudiannya, telah pun melantik seorang yang pada hemat saya, boleh menjalankan atau melaksanakan tugas sebagai Pengerusi. Tetapi atas kekangan-kekangan tertentu maka, saya tidak dapat meneruskan dengan cadangan tersebut dan saya terpaksa tamatkan pelantikan tersebut dan dalam proses untuk mendapatkan seorang *Chairman* yang baharu. Saya pun telah mengenal pasti *Chairman* baharu tetapi saya perlu mendapatkan pengiktirafan daripada PM.

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi Tuan Pengerusi, saya...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: ...walaupun itu adalah kuasa saya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: ...fasal susah sangat Menteri nak lantik Pengerusi ini. Apakah kriteria-kriteria seseorang itu layak untuk jadi Pengerusi HRDF? Apa kriteria?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Sebab saya nak pastikan bahawa sesiapa yang mengetuai HRD Corp. ini— ini adalah satu agensi yang cukup besar, yang mempunyai dana yang dikutip daripada majikan dan saya nak seorang yang betul-betul pakar dalam menguruskan dana tersebut dan mempunyai pengalaman yang luas dalam menguruskan dana dan juga seorang yang boleh diterima oleh semua. Bukan saja oleh saya tetapi juga oleh pihak industri itu sendiri.

Jadi, itu merupakan satu daripada kekangan yang saya hadapi untuk memastikan siapa yang benar-benar layak untuk dilantik sebagai *Chairman*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, boleh tak saya nak tanya pada Yang Berhormat Menteri. Adakah pertimbangan untuk Yang Berhormat Menteri untuk melantik Pengerusi yang baharu ini ada mendapat pandangan ataupun maksudnya, ada buah fikiran daripada mana-mana *Board* ataupun CEO itu sendiri...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tidak.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...sebelum ini? Maksudnya, Yang Berhormat Menteri hanya berdasarkan pada hemat...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...dan juga kapasiti Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya tidak mendapatkan pandangan daripada CEO ataupun mana-mana ahli daripada *Board.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Pelantikan yang saya buat terhadap Raja Segaran pun adalah atas keputusan saya sendiri. Okay.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi. Terima kasih Menteri kerana datang untuk berjumpa dengan PAC. Saya nak tanya tentang Menteri bahawa adakah Menteri menolak cadangan calon daripada MOF, Datuk Rosli sebagai *Board of Member— Board of Directors*?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya, okay. *So*, saya beralih kepada soalan yang seterusnya, soalan yang kedua yang dibangkitkan berkaitan dengan cadangan yang dibawa oleh MOF. Okay, cadangan calon. Okay, ini adalah satu keputusan yang saya buat kerana pada pandangan saya, apa-apa yang dibincangkan dalam mesyuarat *Board of Directors* ini adalah perkara-perkara yang sulit dan tidak boleh dibongkarkan di luar. Mekanismenya ialah kalau adapun perkara-perkara yang mungkin tidak diterima atau tidak puas hati oleh mana-mana ahli dalam *Board* itu, maka perkara itu seharusnya dirunding secara dalaman dan bukannya ia dibawa kepada perhatian pihak di luar. Saya rasa itu adalah tanggungjawab kepada semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Saya tak mengatakan bahawa mereka tidak boleh menyuarakan kalau berlaku apa-apa kesalahan ataupun ada apa-apa isu tertentu. Mereka boleh satu, menyelesaikan masalah itu secara dalaman. Kalau tidak, sekurang-kurangnya bawa perkara itu kepada perhatian saya dan beritahu saya ini adalah isu, ini adalah perkara

yang sedang berlaku dalam organisasi ini dan minta kepada saya untuk melihat dan kalau boleh membantu menyelesaikan masalah tersebut. Tetapi saya— *I was in the dark*, saya tidak tahu tentang apa yang menjadi satu isu. Tiba-tiba pada satu hari saya lihat ada isu berkaitan dengan HRD Corp. keluar dalam media yang mengatakan bahawa ada seolah-olah macam ada satu penyelewangan yang berlaku dalam HRD Corp. *So*, saya rasa terperanjat bagaimana perkara ini boleh berlaku? Siapa yang menyatakan perkara ini dan saya melihat bahawa ini adalah berkaitan dengan Saudara Rosli— Datuk Rosli yang membawa perkara ini kepada media dan beliau merupakan seorang anggota Lembaga Pengarah dan beliau telah membawa perkara ini ke media. Saya rasa...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, kejap saya nak *stop* kat situ. Siapa yang maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri tentang perkara tersebut? Adakah Yang Berhormat Menteri tahu daripada *social media direct* ataupun ada sesiapa...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya baca *social media direct*...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ataupun mendapat ada pertambahan maklumat.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Selepas itu ramai yang telefon saya nak menanyakan kepada saya tentang perkara ini. *I was in the dark* sebab sehingga ketika itu saya merasakan tidak ada apa-apa isu berkaitan dengan *Skills Passport*. Lagipun projek ini belum dilaksanakan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya dapat tahu bagaimana Yang Berhormat Menteri mengenal pasti orang yang bocorkan ataupun dedahkan maklumat *Skills Passport* kepada media adalah Datuk Rosli? Bagaimana, dari mana Yang Berhormat kenal pastikan?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Sebab saya baca di sini The Vibes ya. Dia nyatakan di sini, *Datuk Rosli Yaakub said, he wrote the letter dated April 10 and stood by its contents,* okay? *Yes, I wrote the letter and confirm the contents.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Menteri, tadi semua maklumat ini adalah diberitahu oleh CEO lah, betul? Kepada...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Yang mana? Yang ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Yang tentang apa tu, yang perkembangan tentang yang *Skills Passport* dan juga...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *No, Skills Passport,* isu ini saya baca sendiri dalam surat khabar. *So, I was...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: CEO tak *brief? Ada brief?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I asked him. After that, I called him, what's happening. Then he told me, there's nothing wrong on the Skills Passport, I don't know why suddenly there's an issue. Why they bring this matter to the media? Then I asked, who brought the matter to the media? He said, I am not very sure. But somehow, media is saying that you know,* macam berlakunya satu skandal, satu penyelewangan yang besar *and all that*. *So, then I also don't know who, when and said that this matter was discussed— never discussed in the Board,* okay. *So, then I said,* tunggu perkembangan. *Then, I saw this issue that he himself confirmed that he brought it to the media. But, whether it is true or not, then you have to confirm...*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Menteri, adakah *you* panggil Datuk Rosli sendiri untuk tanya sendiri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tak, saya tak panggil.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tak tanya? Kenapa?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Sebab sepatutnya dalam hal ini apabila ada suatu isu berkaitan dengan katakanlah kononnya dia kata ada penyelewengan dan sebagainya. Sepatutnya dia yang datang berjumpa dengan saya dan beritahu kepada saya apa ada masalah dalam HRD Corp. Tapi, *he didn't use that avenue.* Dia tidak gunakan peluang itu.

■1630

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Menteri.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya tak pernah tolak permintaan dia untuk datang berjumpa dengan saya*. I never did that. But he didn't come to me but he took it to the media. Then, when I saw him in the media, I think there is something wrong. Now, I felt there is something wrong. And he is very clearly quoted, "Yes, I wrote the letter and can confirm the contents". So, for me, it is a fiduciary duty of that board member not to reveal anything to the public just like that. This should have been discussed inside internally or brought to my attention which he didn't do that. All right.*

So— but for me, I got nothing personal against him, okay. I got nothing personal against him. But when I saw this, I said, "This is wrong". All right. It is wrong and— but I need to confirm. I am not very sure at that time. Apa yang dikatakan oleh itu, walaupun dia telah bawa perkara ini ke media, *whether what he said is true or not, I'm not very sure at that time. Alright.*

Okay. So, for me, untuk saya, saya rasakan bahawa— sebab, perkara pertama, ia tidak sepatutnya dibawa ke media. Yang kedua, saya tidak tahu sama

ada apa yang dia cakap itu benar ataupun tidak. Okey? *So, there are two issues there. So, I wanted to see whether, you know*— saya perlukan sedikit masa untuk tentukan sama ada apa yang dicakapkan itu betul ataupun tidak. *That is one thing.*

Then, I saw the internal audit report. Okey. Sebab, bila perkara ini timbul dalam media, *it becomes a big issue. I also didn't expect that it will become a big issue,* sebab *for me, I thought for all the while,* saya merasakan bahawa tidak ada apa-apa yang *negative about Skills Passport. That's what I believe. There is nothing wrong with Skills Passport.* Sebab, *when you said* ada penyelewengan, *when the project also not take off,* belum dilaksanakan lagi, *you know, then, how do you say that* ada penyelewengan? *That's what I see*. Projek belum di— hanya diluluskan oleh *board*. Projek telah dibawa kepada perhatian saya, belum dilaksanakan, belum dikutip satu sen pun daripada siapa-siapa, *then how can* berlaku satu penyelewengan daripada *Skills Passport* ini?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Ya, Menteri.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *So, what the media was reporting as though something very big had happened in HRD Corp. So— then, I want to know more on that. My KSU at that time, Datuk Seri Zaini Ujang, he told me that, you know, he wants to do an internal audit on this. So, I said, "Okay. Go ahead". That's good for him to do an internal audit. So that we know, if at all, there is anything wrong.*

But, I still I don't understand, walaupun saya bersetuju untuk membuat *internal audit* tetapi saya masih tidak faham bagaimanakah satu salah laku boleh berlaku pada satu program di mana ia masih belum dilaksanakan lagi. *Approved on the board*, itu saja, *but* belum dilaksanakan lagi. *Then, internal audit* daripada Kementerian Sumber Manusia telah pun menjalankan tugas mereka. *They went, they did the audit and everything.*

But at the same time, external audit juga telah dilantik oleh pihak HRD Corp untuk memastikan bahawa tidak ada apa-apa salah laku berlaku. *So, external audit* pun dah dibuat. Saya dimaklumkan oleh CEO HRD Corp bahawa mereka telah— sebab, *I want to know what's wrong. So, the CEO HRD Corp brought me the internal audit report, he showed me. "All right, this is the internal audit report. You read". I read. So,* bila saya baca, saya rasa okey, tak ada masalah.

Sebelum itu, Pengerusi, saya juga telah minta untuk memastikan bahawa sama ada kelulusan yang diberikan *board* itu sebelum itu adalah betul ataupun tidak. *So, I asked them to bring all the evidence*, minit mesyuarat, *slide presentation* yang mereka buat, minit mesyuarat, *voice recording*, semua ditunjukkan kepada saya dan saya yakin bahawa …

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa yang tunjukkan itu?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya?

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Siapa yang tunjukkan pada Yang Berhormat Menteri?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: CEO.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: CEO lah. *CEO prepared all the documents and everything*?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I don't know. That's from the board.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Saya nak bagi sekejap kepada Kapar dengan Shah Alam. Boleh?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *So*…

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kapar dulu, *then* pada Shah Alam.

Yang kita faham daripada taklimat-taklimat ialah BOC ini dia buat keputusan tanpa perlu pergi kepada *board* untuk *finalise* atau bagi kelulusan. Ertinya, BOC dia buat keputusan sendiri. Kalau nak belanja berapa juta pun sendiri tanpa pergi kepada *board.* Bagi saya, siapa juga yang pernah— ramai orang yang pernah *dok* dalam *board of directors, many organisation even public listed company.* BOC ini ataupun jawatankuasa ini ataupun pelaburan termasuk, dia hanya mencadangkan, mengesyorkan dan yang terakhir yang buat keputusan lulus atau tidak ialah *board of directors.* Ini yang kami faham, Yang Berhormat Menteri.

Mungkin kita minta Yang Berhormat Menteri tolong tengoklah perkara ini sebab *this is a very— I think we are talking about bad governance and non compliance*-lah. Terima kasih.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Terima kasih. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Terima kasih*. I* hendak *your understanding.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Menteri. Terima kasih, Pengerusi. Menteri, selepas Menteri jadi Menteri dan HRDC ini memang adalah agensi yang besar, sudah pasti Menteri dapat pelbagai *feedback* daripada kalangan *even Member of Parliament* atau rakyat dan sebagainya atau *industry player. So, are you satisfied with the training programme of HRDC?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Kalau saya nak kata berkaitan dengan *training programme* yang dilaksanakan oleh HRD Corp, memang banyak program yang dilaksanakan di bawah HRD Corp. Tetapi, memang saya mengakui bahawa *there is a lot of room for improvement.*

■1720

Tetapi dari segi pengoperasian HRD Corp. kalau kita bandingkan dengan– *that's why I gave you the slides just now*. Kalau kita lihat kepada evolusi kepada HRD Corp., *even just for the past three years, you'll see a lot of improvements were taking place*. Kalau tidak– kalau HRD Corp. *is not performing well, then I am very sure* pihak majikan pun tidak akan membayar levi. Walaupun, *you know*– ya, *it's subject to the law. Yes, true. But, but there will be a lot of protests out there. But, I see* tidak ada apa-apa, *you know*.

Even yesterday, the day before yesterday, when HRD Corp. organised the conference, an international conference, lebih 4,000 orang peserta daripada majikan telah mengambil bahagian. *So, I can see that the* majikan *also not against* HRD Corp. *and* kutipan levi *is also increasing and* pendapatan dari segi pelaburan pun meningkat.

But, I agree with you Yang Berhormat, memang saya juga bercadang untuk *to look at the whole training programmes, what are they conducting.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *What are the instructions that you give to* CEO? Apakah teguran kah, cadangan kepada CEO kah HRD Corp.?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Berkaitan dengan...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Training programmes*.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Training programmes*. Banyak. Banyak perkara-perkara yang saya minta supaya kita lihat dan perbaiki. Sebagai contoh, kita– saya mahu supaya program-program yang mempunyai permintaan daripada luar, *industry-driven programmes.* Bukan sekadar kita hanya bagi program-program yang tidak ada permintaan atau sekadar kita hendak melaksanakan latihan saja. Sebagai contoh, hari itu pun saya ada beritahu kepada dia bahawa hari ini mempunyai pasaran yang tinggi kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dari segi *cyber security* dan sebagainya. Dalam pasaran memerlukan lebih kurang 10,000 orang pekerja yang mempunyai pengetahuan berkaitan dengan *cyber security*. Tetapi kita tidak memberi apa-apa kursus yang relevan, walau ada pun mungkin sedikit saja. *So,* saya minta supaya program seperti ini diberi perhatian untuk sama ada ia dijadikan sebagai satu program untuk *reskilling* ataupun *upskilling*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri belum menjawab lagi saya tanya tadi. Bila agaknya Pengerusi baru akan dilantik?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Sebenarnya, Pengerusi baru saya dah lantik. *All right*. Tetapi saya- *as I have mentioned earlier all right, I have*– ada sedikit *things for me to settle, all right. Technical things that I have got to settle for that. Hopefully* tidak ada apa-apa, mungkin dalam minggu ini saya sudah ada Pengerusi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini bukannya badan berkanun. Ini adalah merupakan CLBG, betul?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Betul.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Yang Berhormat Menteri sedar tidak pada HRD Corp. bermula pada 19– awal ya– daripada sejarah awalnya, kutipan levi untuk sebagainya pada 1993 bermula dengan 55 juta saja kutipan tetapi sampai apabila ada pindaan akta pada tahun 2021 yang telah memberikan satu peningkatan yang cukup luar biasa dan *projection* pada tahun 2025 menjangkau kepada 5 bilion. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak *projection up to* 5 bilion pada tahun 2025?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya, sedar. Ya, betul. Sedar.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sedar ya? Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey. Susulan soalan Pengerusi, adakah Menteri tahu bahawa CLBG ini dia sebenarnya *a bit loose and weak in governance* dan adakah Menteri bercadang untuk meningkatkannya supaya dia jadi satu badan berkanun *which is a stronger governance that you can have more check and balance and also transparency in there?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya, ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Do you plan to upgrade from* CLBG *to* badan berkanun?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya. Tidak menjadi masalah kalau kita hendak *upgrade* kepada badan berkanun. Mungkin perkara ini boleh dilihat semula *and I know we can consider that. No problem*. Kalau ini boleh memberi satu *governance* yang lebih baik kepada organisasi ini, *why not.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Datuk Wira Pengerusi. Satu soalan daripada saya lagi. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat

Menteri. Kalau *Skills Passport* akan dibayar oleh pekerja setiap kali mereka mengguna dan bukan mandatori, jadi kenapa ada keperluan ditandatangani kontrak antara HRD Corp. dengan syarikat tersebut?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I don't understand the question*. Kenapa...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kerana kita tidak perlu paksa ataupun kita tidak akan paksakan pekerja menggunakan platform itu. Jadi, itu akan jadi satu platform kalau hendak guna, gunalah. Tidak perlu guna, tidak apa. Pembayaran juga bukan melalui kita, akan dibayar oleh pekerja. Sesiapa hendak guna, guna. Jadi, kenapa ada keperluan HRD Corp. tandatangan dengan syarikat tersebut? Apa yang kita terikat?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Tidak ada...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri. Mungkin sebab *related* juga. Saya juga hendak pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa nombor satu, perjanjian di antara HRD Corp. dengan Neomindz ini telah ditandatangani dan kedua, kalau telah ditandatangani, bila ditandatangani?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Saya tahu ia telah ditandatangani tetapi *I am not very sure when was the exact date they signed that*.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: SUB dah bagi tahu akan *provide with the* perjanjian.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Is it before your time or is it after you– after your appointment?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I am not sure on that. Because, the decision was made earlier. So, I don't know whether they have already signed the contract much earlier or not.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Yang Berhormat Betong, *then* Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat Sik. Soalan Kluang.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Oh Kluang, *I said I* lupa soalan lah. *What was the question?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Soalan saya adalah, bukan mandatori, kita tidak boleh– HRD Corp. dan juga KSM tidak boleh paksakan mana-mana pihak untuk menggunakan platform ini.

Tuan V .Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey, okey. Betul, betul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Juga, setiap kali digunakan, pembayaran akan dibuat oleh pengguna. Maksudnya, sistem ini terbuka untuk sesiapa hendak guna.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *All right, all right.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Apabila hendak guna, buat pembayaran. Jadi, kenapa ada keperluan untuk HRD Corp. masuk satu kontrak dengan syarikat tersebut.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kerana HRD Corp. pun tidak akan laksanakan atau paksa mana-mana pihak untuk guna.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Memang HRD Corp. tidak akan memaksa mana-mana pihak sebab dalam kontrak itu saya ada lihat dengan jelas bahawa ia tidak mandatori tetapi saya melihat tentang *Skills Passport* ini, walaupun ini bukan– *it's not my brainchild all right,* ini adalah dihasilkan sebelum ini.

Tetapi saya melihatkan bahawa ini— *Skills Passport* ini akan memberi satu manfaat kepada pekerja kalau mereka mendaftar di bawah *Skills Passport* ini. Sebab ia melibatkan tentang latihan-latihan yang telah dijalankan oleh pekerja-pekerja. *So, what is Skills Passport actually?* Dalam *Skills Passport* ini, apabila seorang pekerja itu menjalani satu latihan tertentu, ia akan direkodkan dalam *Skills Passport* dan ia boleh dijadikan sebagai rujukan. Kalau pekerja itu telah berpindah daripada syarikat ini pergi ke syarikat lain, dan mungkin dalam syarikat itu dia tidak perlu menjalani latihan yang sama sebab dia pernah pun menjalani latihan itu di syarikat yang lain.

So, that's a record that we kept there. So that, it will be helping the industry– the whole industry not to send the same person for the same training all the time. So, that's the reason why sebagai badan yang menjalankan latihan ini, mereka menyimpan rekod tersebut. *That is the reason why. That is the...*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *But, do you mean that it is going to be mandatory for everyone who go through HRD Corp. training to use the system?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *No, no. It's not mandatory. It's not mandatory in the contract, you know. If you like the thing, then you pay for it, all right. If you see the benefit of it, all right.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Because*, sekarang hari ini Pengerusi, *what ever training that I go through there's no record. Only I know. But, there's no record-keeping in proper. So, this is actually one kind of a record-keeping.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Betong, *then* Sandakan, lepas itu Wangsa Maju.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Setelah mendengar dua prosiding terdahulu dan banyak perkara yang timbul dan saya melihat kepada Akta HRD Corp. ini dan juga terkait dengan komen Kubang Pasu tadi mengenai panel pelaburan, saya lihat ianya *stand alone* di luar *Board* HRDF. Apabila kita lihat ianya dalam akta itu, pelaburan itu adalah dalam bidang sekuriti yang dibenarkan, syer ataupun *debenture* dan juga apa-apa pelaburan atau sekuriti lain seperti yang telah diputuskan oleh panel tersebut. Jadi, didapati bahawa banyak jenis pelaburan yang telah diceburi oleh HRD Corp. seperti yang telah dibentangkan pada prosiding yang lepas dan kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri dimaklumkan dengan pelbagai jenis pelaburan yang di luar skop yang telah diluluskan oleh seperti yang dinyatakan dalam akta itu?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tidak.

■1730

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tidak ada? Memang tidak pernah di-*brief* kepada Menterilah?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Tak.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Sebab menurut salah seorang *Board members* semalam bahawa apa-apa keputusan daripada Panel Pelaburan, ianya kadang-kadang sahaja dibawa kepada *Board* untuk diluluskan oleh *Board* tapi apa-apa keputusan memang telah dibuat oleh Panel Pelaburan itu tadi yang saya nampak *stand alone.* Dia di luar *Board* ini tadi.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya akan melihat tentang perkara ini. Terima kasih.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ya. *Thank you.*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ada nak respons daripada Yang Berhormat Menteri? Tak ada?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I have to check on that.*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sandakan?

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Yang Berhormat Menteri, *I want to ask how much do you know about this company?* Yang syarikat ini yang akan— Neo?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Neomindz? *I don't know them.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: Ha?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I don't know them. Because, they came into the picture before me.*

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *So, you have no— never query the* latar belakang *of this— entirely up to the...*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *No, because everything— everything was decided already by the previous Board. So, I don't see the reason why I must meet them, all right, and I looked at the contract. Okay, when I see the contract, I don't see anything wrong with the contract. Okay, and from the contract I see there's no liability to HRD Corp. That's what I want to make sure whether there's any liability to the HRD Corp or not. When I see there's no liability to the HRD Corp, and I say it's okay*-lah, *can proceed. They also didn't bring it to me, for my approval, you know. All right. They just brought it to me— my attention, what are the programmes that they're going to do . Of course, if I see something that is not right, okay, then I can just stop it. No, cannot. Mandatory, cannot. But, I see everything is okay, it's a good programme, just go ahead.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Saya nak *pick up* daripada Sandakan tadi. *We have been informed* daripada prosiding sebelum ini *that this company pasal Smart Skills Passport* ini, *the company is 50 percent owned by foreigners. There is a concern of issues of data, that means leak out to the global level*-lah. *That is one big concern in terms of the data of the people, that is one area that we feel is of concern. Second one, okay, I've not seen the agreement* tapi *that RM12* yang *collected* itu, *okay, voluntary et cetera, et cetera. Of course, there's no liability as* YB Menteri sebut. *There's no liability to the HRD, but is there any benefit? That means out of RM12* itu, *in the agreement* ada tak *certain percentage of the RM12 goes back to HRD Corp?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I can't remember on that. Okay.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *That means, there's no liability, but in terms of benefit?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Benefit, I'm not very sure.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Not sure.*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Okey. Mungkin ada dalam perjanjian itu, saya kurang— Yang Berhormat.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *All right. Thank you* Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, sedikit soalan saya. Isu yang

berlegar ini Yang Berhormat Menteri sedia maklum ya. Di bicara di luar itu dalam pelbagai media ya, iaitu disebut— *So,* berkemungkinan ada tuduhan apa dan sebagainya itu perlu maknanya ada penjelasanlah ya...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: ...bahawa Yang Berhormat Menteri ada kepentingan dengan CEO HRD Corp. ini. Ketika mana surat 10 April itu yang ditulis oleh Datuk Rosli kepada Pengerusi HRD Corp. dan CEO HRD Corp. itu masih belum dijawab dengan jelas oleh kedua-dua pihak itu. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa kandungan surat tersebut telah memperincikan bagaimana proses perolehan untuk *Skills Passport* ini ada ketidakpatuhan dalam kewangan itu sendiri ya?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *That's why...*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Itu pertama. Yang kedua, soalan saya— nanti rangkum sekali ya.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Can I answer you first?*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey. Sila.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Takut nanti saya lupa pula. Okey. Ya. *On that, I did check, okay, I did check.* Sama ada wujud kepatuhan ataupun tidak, *because earlier when they did the briefing to me, I didn't know anything about this* ketidakpatuhan, ada apa-apa isu tidak mendapatkan kelulusan daripada *Board* dan sebagainya. *So, after that— then I went to check* ada ataupun tidak. Okey, bila saya nak dapatkan maklumat sama ada ia mendapat kelulusan daripada *Board* ataupun tidak, *I checked. Okay, I checked, I asked them to show me the proof. They brought the* minit mesyuarat kepada saya *with the slide presentation,* apa yang mereka tunjukkan dalam *slide presentation,* apa yang terkandung dalam minit mesyuarat. *They also showed me the voice recording* yang mengatakan bahawa diluluskan. *I checked with my representative,* Kementerian Sumber Manusia, *that was Dato' Razman, whether it was approved, he said "Yes, approved".*

Then, I checked with the CFO of the company whether the thing is all properly done, everything was properly done. Okay, then tiba-tiba dia kata dia tidak dapat kelulusan daripada *Board, that I don't understand how.* Apa yang kita boleh percaya adalah pada minit mesyuaratlah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Perkara besar yang ditimbulkan oleh Datuk Rosli ialah disebut dalam— sebab dia sebut daripada awal, dia kata tidak ada pembentangan kertas kerja yang sempurna dalam *Board* ya.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Okay, for that* Yang Berhormat, *I think I* cadangkan panggil *the former Chairman.* Saya cadangkan

panggil *former Chairman, ask him whether it was brought to the meeting, whether it was approved or not. I cannot answer this. What I can say is based on the* minit mesyuarat yang saya lihat dan dengan *voice recording* yang saya dengar. Daripada semakan yang saya buat daripada beberapa orang *Board of Directors,* bila saya minta dengan dia orang, dia kata semua— mereka kata diluluskan. Tetapi kalau ada seorang dua yang katakan bahawa ia tidak diluluskan, *I cannot confirm it, because I was not there.*

I think the right person who was there at the meeting is actually the Chairman and also maybe Datuk Razman on behalf of Kementerian Sumber Manusia. Maybe they should be able to tell you whether the matter was brought to the Board and it was discussed, and whether it was approved or not approved. Please, I can't confirm that. Thank you.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey. Sikit lagi. Tambahan ya. Selepas dia maklum bahawa dalam pembentangan awal oleh CEO, bahawa projek ini tidak ada komitmen apa-apa daripada HRD Corp. dan tidak ada obligasi kewangan sendiri pun. Tetapi selepas itu, ada lagi pernyataan mengatakan HRD Corp. kena bayar RM12 kepada Neomindz ini ya. Jadi, ketika itu adakah Yang Berhormat Menteri bertanya balik kepada pihak...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *I* dah *check. Because, that's why I said,* saya sudah lihat balik kontrak. *Whatever it is, it is based on the contract isn't it? Between* HRD Corp. dengan Neomindz. Semua tertera dalam kontrak. *So,* bila saya baca dalam kontrak itu, dia tak ada menunjukkan apa-apa obligasi kepada HRD Corp. untuk membayar kepada *the vendor* itu. Itu menjadi asas kepada saya bila perkara ini dibawa kepada perhatian saya pada awal-awal lagi apabila mereka hendak beritahu kepada semua projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Apabila *Skills Passport* ditunjukkan kepada saya, saya dimaklumkan ketika itu bahawa tidak ada apa-apa komitmen kepada HRD Corp. dan itulah menyebabkan saya tidak menghalang kepada *Skills Passport.* Kalau pada ketika itu saya dimaklumkan bahawa ia akan ditanggung oleh pekerja, ditanggung secara paksaan, secara mandatori ataupun dibayar oleh HRD Corp., saya akan halang projek itu. Saya akan kata, tak. Satu, kita tidak boleh sentuh kepada wang HRD sebab dia adalah wang yang dikutip daripada levi ataupun kalau kita nak jadikan mandatori, ia akan menjadi masalah.

I would have stop it, but when I was convinced dengan perkara ini, *so* saya rasa tak ada apa-apa masalah. Ia tidak akan melibatkan apa-apa liabiliti kepada HRD Corp. *You can look into the contract,* Yang Berhormat. *Yes?*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sik dah selesai. Saya bagi Bayan Baru, *then* Shah Alam. *I think that would be the last question* ya, sebab jam dah menunjukkan 4.30.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, terima kasih. Menteri, saya nak tanya, Menteri tahu bahawa HRD Corp. ada banyak tanah yang besar, ada levi-levi yang dikutip dan *something called unutilised levy?* Dia selepas beberapa tahun, dia akan dipindah daripada levi kepada *unutilised levy.* Adakah setiap kali pemindahan *unutilised levy* itu dimaklumkan kepada Menteri, *how much is it? How does it work? Do you know about all this information?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya baru jadi Menteri tahun ini, *so,* ini dah berlaku beberapa kali. *So, what I know is that whatever that is not utilised after two years, okay, that money will be kept under HRD Corp. and this is the money that they can use it for the investment and all the other things. Okay. In fact,* dalam Belanjawan tahun 2024 pun ada disebut tentang perkara ini, *all right,* di mana 15 peratus daripada *unutilised money* ini akan digunakan untuk membantu SME-SME yang lain dan sebagainya.

■1740

So, there is some capping-lah*. All right. It cannot be the- you cannot use 50 percent,* 50 peratus daripada dana tersebut *and the capping is at* RM50,000. *For per company, it cannot be less than* RM50,000. *So, you can use the balance of the money to help other* SMEs, golongan rentan *and all that. It was also mentioned in the budget.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *So, every time they changed this unutilised, they transfer from the levy to unutilised levy,* Menteri dimaklumkan tak? *Are you being informed or you…*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *No, I think this they brief annually right? For future revenue?*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *They brief you annually, is it?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Should be*-lah. *It should be annually. Then only we know how much unused money there will be…*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Because, we need to understand the changing of this unutilised levy or use it for certain purposes should be brought to the Board, right?*

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *Yes, definitely yes.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Patutnya ya lah, dibawa ke *Board*-lah? Tapi kami difahamkan bahawa *Board* tidak tahu tentang perkara ini. *They were not*

informed and they never got the approval from the Board. So, we want to ask whether they have got approval from the Minister. You didn't get any approval ya?

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] No, no.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] They need to get the previous...*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Shah Alam? *Last question* ya?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Exactly the same as* Bayan Baru. *Exactly the same*, cuma tambahan sahaja. Saya nak minta Yang Berhormat Menteri untuk *consider the* tempoh dua tahun itu sebab saya rasa itu terlalu pendek untuk *penalise the company* yang *contribute* itu sebab mungkin mereka ada halangan tertentu untuk menggunakan *fund* itu, yang pertama. Keduanya ialah *transfer* itu mestilah untuk tujuan latihan juga tetapi bukan untuk digunakan tujuan-tujuan yang lain. Saya harap pihak YB Menteri untuk dapat...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya bersetuju dengan cadangan itu. Mungkin kita boleh lihat semulalah kalau nak panjangkan tempoh tersebut. Satu cadangan yang baik. Kedua, berkaitan kelebihan itu digunakan untuk tujuan latihan. Memang seperti mana yang saya sebut tadi Yang Berhormat, untuk tahun hadapan 2024 dalam belanjawan memang disebut untuk tujuan latihan.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okay, *all right.* Saya rasa kita semua dah selesai ya bertanyakan soalan. Yang Berhormat Menteri, kali ini semua ambil bahagian bertanyakan soalan. Semua *excited. You are very lucky, [Ketawa] I guess.* Jadi, kita nak mengucapkan— PAC nak mengucapkan ribuan terima kasih ya...

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Terima kasih.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ...di atas kerjasama dan juga luangan masa yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar selaku Menteri Sumber Manusia yang hadir pada hari ini bersama Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad dan juga Setiausaha Bahagian KSM ke dalam prosiding PAC kali ini dan kita rasa sangat baiklah dengan apa yang dimaklumkan dan juga kerjasama yang diberikan dan harapan ia menjadi contoh untuk perkara-perkara yang mendatang.

Dengan itu, saya tangguh prosiding kita pada pukul 5:43 petang dan itu sahajalah. Terima kasih kepada semua sebab kita semua nak masuk ke dalam Dewan Rakyat selepas ini. Terima kasih.

Tuan V. Sivakumar [Menteri Sumber Manusia]: Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi, Naib Pengerusi dan pada semua Ahli-ahli PAC. *Thank you very much.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5:43 petang.]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 20 November 2023
Bil. 6 (d) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Dana Latihan dan
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar dan Antarabangsa)

HRD Corp
Ahli Lembaga Pengarah

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 20 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*
YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Perkhidmatan Awam
Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara
Encik Isam bin Ismail [Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Fairus bin Jaafar [Juruaudit]
Encik Hairul Anuar bin Mohd Noor [Penolong Audit]

Jabatan Akauntan Negara
Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Timbalan Pengarah WA54 (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan]
Encik Ng Seh Fern [Ketua Cawangan Bantuan Bersama Siasatan Luar Negara]

Kementerian Ekonomi
Encik Che Rahim bin Daud [Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

SAKSI

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]
Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Kewangan dan Sumber Manusia)]
Encik Azham bin Bachok @ Hj. Mohd Yassin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan Kewangan dan Sumber Manusia)]
Encik Shah bin Abdul Halim [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Undang-undang)]
Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Penasihat Undang-undang]

Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp
Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Ybrs. Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Ybrs. Dr. Zainah bin Shariff [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Datuk Haji Abdul Kadir bin M.E Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Datin Erni Dekritawati Yuliana binti Buhari [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]
Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Dato' Haji Asri bin AB Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]
Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEDUA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 20 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

*[Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Salam sejahtera dan selamat petang. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Pengerusi PAC, YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin yang tidak dapat hadir dalam mesyuarat hari ini kerana mempunyai urusan luar yang tidak dapat dielakkan. Sehubungan itu, YB Pengerusi PAC meminta saya untuk mempengerusikan mesyuarat pada petang ini.

Selamat datang kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli ex-officio PAC terdiri daripada agensi kerajaan seperti berikut, saya minta sahkan ya. Jabatan Peguam Negara ada? Okey terima kasih. Jabatan Perkhidmatan Awam?

Encik Ahmad Azhan bin Mohd Noh [Ex-officio, Jabatan Perkhidmatan Awam]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Kementerian Kewangan? Terima kasih. Jabatan Audit Negara? Terima kasih. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia? Terima kasih. Kementerian Ekonomi? Terima kasih. Serta, Jabatan Akauntan Negara? Terima kasih.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat petang ini. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen menyambung prosiding berkenaan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corporation. Ini adalah prosiding keempat membabitkan Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp selepas PAC memulakan prosiding pertama pada 23 Oktober 2023.

Dalam prosiding itu, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Dasar dan Antarabangsa selaku pegawai pengawal Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Manakala, prosiding kedua diadakan pada 1 November 2023 dengan mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakub, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp merangkap Timbalan Setiausaha Bahagian Sektor Tadbir Urus dan Korporat Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) Kementerian Kewangan dan Yang Berbahagia Datuk Chia Hui Yen mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp.

Prosiding ketiga diadakan pada 2 November 2023 dengan mendengar keterangan dan penjelasan daripada YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia. Lanjutan daripada prosiding-prosiding berkenaan, PAC berpandangan adalah penting untuk mendapatkan penjelasan dan keterangan daripada Ahli-ahli Lembaga Pengarah HRD Corp sesi tahun 2022 berhubung beberapa keputusan yang diambil.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hadir di hadapan PAC hari ini adalah Yang Berusaha Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan; Setiausaha Bahagian Pembangunan Kewangan dan Sumber Manusia, KSM yang mewakili TKSU Dasar dan Antarabangsa KSM, Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad serta barisan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp bagi sesi tahun 2022 iaitu– nanti saya akan menjemput satu ke satu untuk memperkenalkan diri sendiri tetapi saya menyatakan senarai nama dulu.

Yang Berhormat Datuk Seri Jamil bin Salleh. Terima kasih. Tak apa, jemput duduk. Duduk boleh. Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir, terima kasih. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, terima kasih. Dato' Haji Asri bin Ab Rahman? Terima kasih. Datuk Abdul Kadir bin M.E Sikkandar, terima kasih. Datin Erni Dekritawati Yuliana binti Buhari? Terima kasih. Dr. Zainah binti Shariff? Terima kasih. Dato' Kamalakannan a/l Kaliaperumal? Ada? Tak hadir? Okey, terima kasih. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman?

Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sini YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy? Terima kasih. Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari?

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Jadi, tanpa membuang masa– ada yang sesiapa yang saya tertinggal tak? Tak ada ya, okey. Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berusaha Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan; Setiausaha Bahagian Pembangunan Kewangan dan

Sumber Manusia KSM yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad; TKSU KSM untuk memulakan pembentangan. Silakan. Sekian, terima kasih.

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Kementerian Sumber Manusia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera YB Pengerusi. Untuk makluman seperti mana yang YB maklumkan tadi, Yang Berbahagia Dato' Amran tak dapat hadir pada petang ini. Walau bagaimanapun, sekiranya dia berkesempatan dia mungkin akan hadir kemudian lah. *So, most probably* kita akan tukar dari segi itu. Cumanya untuk itu saya tidak ada apa-apa nak dimaklumkan, saya serahkan semula pada YB Pengerusi. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Mungkin untuk mulakan prosiding hari ini saya menjemput wakil mantan Ahli Lembaga HRD Corp yang hadir pada hari ini memperkenalkan diri sendiri satu ke satu, khasnya latar belakang, bermula tarikh bila dilantik ke dalam– sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan pelantikan itu masih berkuat kuasa ataupun sudah tamat dan juga penglibatan dalam sektor *business* dan atau bidang lain lah. Okey, mungkin saya menjemput Datuk Jamil, ya.

Datuk Seri Jamil bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya Jamil Salleh, bekas Pengerusi, mantan Pengerusi HRD Corp. Sebelum itu namanya HRDF. Jadi, saya telah pun dilantik ya sejak daripada tahun 2020, bulan saya terlupa– 20 September ataupun bulan 10 lah. Pada 2020 dan berakhir pada hujung bulan Januari ya, bulan Januari *this year* lah. *[Disampuk] No, January. January this year.* Itu pun tarikh yang sebenar saya dah tak ingat lagi.

Jadi sekarang ini adalah saya bertugas lah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Dengkil. Jadi, itu sajalah daripada saya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Seri sebelum melibatkan diri dalam bidang politik dan juga HRD Corp, ada bidang profesional lain tak?

■1440

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, okey. Saya adalah bekas Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dan juga Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ini pelantikan ke?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ini pelantikan daripada Menteri.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk M. Saravanan. Datuk Seri M. Saravanan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Jadi, saya menjemput seterusnya Dato' Ruhaidini.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih YB. Saya Ruhaidini binti Abd Kadir. Saya dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp pada 2 Mei 2020 dan berakhir pada Januari 2023. Saya pernah bertugas sebagai Pengarah Media dan Strategik Komunikasi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Pelantikan saya sebagai ahli lembaga pengarah di HRD Corp adalah di bawah prerogatif Datuk Seri M. Saravanan, YBM KSM ketika itu. Terima kasih YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, Dato' Ruhaidini bidang profesional adalah dalam medialah?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tak ada dalam *business*?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak ada. Saya dalam media sahaja YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Saya menjemput Datuk Muhd Khair Razman.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Untuk makluman Yang Berhormat, saya adalah mantan Lembaga Pengarah HRDC (HRD Corp). Pada ketika itu, saya telah dilantik pada kali pertama– tidak ingat tarikh sebenarnya pada— tetapi saya rasakan pada tahun 2019 dilantik oleh mantan Menteri Sumber Manusia iaitu YB Kulasegaran dan kemudian dilantik semula oleh mantan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan. Lantikan saya adalah berdasarkan kapasiti saya sebagai mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia dan telah pun tamat tempoh sebagai ahli lembaga pengarah pada bulan Mei 2023 tahun ini. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Saya menjemput Dato' Haji Asri.

Dato' Haji Asri Ibn Abd Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, saya dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah HRDC atas kapasiti juga sebagai Ketua Pengarah Jabatan

Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Saya mula dilantik adalah pada 11 Januari 2021 dan telah tamat– dah jadi mantan pun, dah tamat pada 10 Januari 2023. Itu sahaja. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, adakah Dato' Haji Asri masih bertugas di...

Dato' Haji Asri Ibn Abd Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya sekarang bertugas di Jabatan DOSM. *[Disampuk]* Ya, Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Seterusnya, Datuk Abdul Kadir. Sila.

Datuk Hj. Abdul Kadir bin M.E. Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya Abdul Kadir bin M.E. Sikkandar. Saya dilantik sebagai ahli lembaga pada tahun 2018 oleh mantan Menteri Sumber Manusia, YB Kulasegaran. Lepas itu sambung balik lagi waktu mantan Menteri YB apa nama– ini apa. *[Disampuk]* Saravanan. *Sorry*, YB Saravanan. Sampai sekaranglah. Saya ahli perniagaan dari Kota Kinabalu. Saya Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Usahawan Melayu Sabah.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Perniagaan Datuk adalah dalam bidang apa ya?

Datuk Hj. Abdul Kadir bin M.E. Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Bidang makanan dan tekstil.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Hj. Abdul Kadir bin M.E. Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sama.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Seterusnya saya menjemput Datin Erni Dekritawati.

Datin Erni Dekritawati Yuliana binti Buhari [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya Erni Dekritawati Yuliana binti Buhari, dilantik pada April 2020, dilantik sebagai *Board of HRD Corp.* Sekarang menjadi mantan pada Januari 2023 dan saya adalah ahli perniagaan dalam bidang kosmetik dan juga dalam bidang fesyen.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Saya menjemput Dr. Zainah binti Shariff.

Dr. Zainah binti Shariff [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya mohon berdiri ya YB sebab tak nampak *[Ketawa].* Okey, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat petang. Saya Zainah Shariff, Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Pembangunan Belia) Jabatan Belia dan Sukan Negara. Saya dilantik Mei 2020, mewakili Kementerian Belia dan Sukan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sekarang masih ada dalam lembaga pengarah?

Dr. Zainah binti Shariff [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya saya, masih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Seterusnya Dato' Abdul Latif.

Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB Pengerusi, saya di sini.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, silakan. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya mantan ahli lembaga pengarah. Saya dilantik selama sepenggal, bertarikh 26 April 2021 sehingga 25 April tahun ini. Ini selari dengan persaraan sayalah pada bulan berikutnya. Saya mantan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), sebuah organisasi *closed department*-lah. *So,* saya *served since 1984* sampai saya bersara. *So,* buat sementara ini memang saya dalam persaraan dan tidak melakukan apa-apa. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Dato'. Datuk Rajasekharan

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB Pengerusi, *I am Rajasekharan Ramasamy and* saya dilantik di bulan Ogos 2021 *until today*-lah, sampai sekaranglah. *I am a lawyer by profession.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Yang *last,* saya menjemput Dr. Mohd Syukri.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat petang YB. Saya Mohd Syukri Ahmad Sudari. Saya adalah wakil majikan, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF). Saya adalah *vice president* di MEF. Saya telah dilantik pada bulan Disember 2020 oleh mantan Menteri Sumber Manusia sebelum ini dan masih lagi berkuat kuasa sehingga tahun depan. Terima kasih YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, saya sekarang membuka ruang untuk Ahli-ahli PAC bertanya soalan kepada saksi-saksi yang hadir dalam prosiding petang ini.

Okey. Jadi, saya ingin bertanya pada Datuk Muhd Khair Razman lebih dahulu berkenaan sepucuk surat yang Datuk menandatangani tahun– nanti ya. Untuk Projek *Skills Passport*. Boleh tak Datuk menjelaskan siapa ketika itu yang minta Datuk untuk tandatangan surat tersebut untuk meluluskan projek *Skills Passport?*

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Mungkin saya ambil kesempatan untuk perjelaskan bahawa kapasiti saya mengutus surat tersebut, bukan saya meluluskan sebab kan saya telah menerima permohonan daripada pihak HRD Corp. Ini adalah berdasarkan pada permohonan yang— ataupun persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri sedia ada, YB Sivakumar berkenaan bahawa projek tersebut telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah terlebih dahulu tetapi kenapa tidak dilaksanakan.

Jadi, permohonan ataupun yang diterima daripada pihak HRD Corp adalah untuk menandatangani perjanjian tersebut dengan pihak syarikat terbabit tetapi saya telah pun secara prinsipnya melihat bahawa keputusan telah pun diperolehi dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah. Maka saya tidaklah meluluskan projek tersebut tetapi lebih kepada untuk ditandatangani perjanjian ataupun bagi melaksanakan projek dengan syarikat tersebut. Sebabkan dalam surat yang saya terima daripada pihak HRD Corp telah pun dinyatakan ataupun diceritakan mengenai kronologi bagaimanakah projek ataupun Program *Skills Passport* itu telah pun mendapat kelulusan daripada lembaga pengarah.

■1450

Itu untuk makluman Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, memang bidang kuasa Datuk tak ada kuasa untuk meluluskan projek tersebut lah.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak ada kuasa untuk meluluskan dan kalau saya masih ingat lagi bahawa saya ada minitkan pada surat daripada pihak HRD Corp untuk dibentangkan semula ke mesyuarat lembaga pengarah bila ada *full quorum*. Sebab pada masa dan ketika itu tidak ada kuorum yang mencukupi di pihak HRD Corp bagi tujuan dilaksanakan mesyuarat lembaga pengarah.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya? Jadi, kenapa Datuk kalau tak ada kuasa itu kenapa Datuk tanda tangan?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tanda tangan? Surat itu memang tanda tangan sebabkan saya adalah TKSU Operasi merangkap menanggung tugas KSU. Maka, pada ketika itu kita lihat bahawa telah pun dinyatakan secara jelas dalam surat daripada HRD Corp bahawa kelulusan telah diperolehi di dalam mesyuarat lembaga pengarah.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Jadi, tanda tangan Datuk itu untuk diminitkan?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Untuk memaklumkan bahawa saya bersetuju lah untuk ditandatangan disebabkan telah pun adanya kelulusan daripada pihak lembaga pengarah terlebih dahulu. Bukan kelulusan saya.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Maknanya...

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Adalah ahli lembaga pengarah pada ketika itu.

Dr. Hajah Halimah binti Ali [Ahli PAC]: Maknanya Datuk minta di bawa semula ke lembaga atau *BOD meeting*.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya, *retable*. Ya, *yes, yes*. Minit itu ada pada surat tersebut. Saya nyatakan secara jelas dan minit juga tersebut telah pun diambil maklum oleh pihak Bahagian Unit Audit Dalam Kementerian Sumber Manusia.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Okey, Yang Berhormat Pengerusi saya hendak tanya pada Mantan Pengerusi HRD Yang Berhormat Datuk Seri Jamil. Boleh tak Yang Berhormat menyatakan apa sebenarnya fungsi *board* HRD? Berapa kali bermesyuarat? Adakah keputusan itu dibuat melalui mesyuarat tersebut ataupun melalui *circulation* sahaja? Boleh tak ceritakan *background* macam itu?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, mesyuarat HRD Corp ini saya tidak ingat lah berapa kali. Tetapi memang kita ada beberapa kali *meeting* dalam setahun itu, ya. *[Disampuk]* Saya tidak ingat jumlah dia lagi. Cuma untuk tujuan meluluskan kita punya pasport ini, sebenarnya adalah kelulusan bersama ahli-ahli lembaga. Saya sebagai pengerusi tak ada kuasa. Saya bukan pengerusi eksekutif, satu.

Keduanya, apabila mereka telah pun membuat penilaian tentang prosesnya dah cukup, bawa kepada lembaga, kita ahli-ahli lembaga yang membincangkannya. Sebelum itu pun, saya rasa memang pihak *management* telah pun membuat kajian lah sebelum membawanya ke lembaga, *Board Directors of* HRD Corp. Jadi, segala kelulusan adalah keputusan bersama, bukan keputusan pengerusi berseorangan. Saya setiap kali bermesyuarat saya pastikan keputusan yang hendak dibuat itu selepas mendapat persetujuan keseluruhan. Kalau ada yang tak bersetuju pun kita akan bawa balik untuk kajian, ya. Tapi itu sahaja lah yang saya boleh maklumkan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Jadinya Datuk Seri, apabila sesuatu keputusan itu dibuat, bermaksud Datuk Seri akan tanya setiap seorang

daripada ahli *board* tersebut apa keputusan diakah ataupun keputusan itu– okey boleh tak kita lulus. Jadinya, semua lulus, semua lulus. Macam mana itu? Adakah setiap seorang itu ditanya?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya akan bertanya kepada setiap orang sekiranya mereka tak respons tetapi bersetuju– semuanya akan ditanya satu persatu yang akhirnya selepas mereka semua bersetuju barulah kita membuat keputusan untuk *proceed* dengan program ini.

Saya juga lihat dalam program yang kita luluskan ini ianya tidak melibatkan duit kerajaan. Itu kalau salah satu lah yang kita lihat dan apa ini. *[Disampuk]* Jadi, itu antara perkara yang kita lihat dan tidak memberi kesan apa-apa lah sama ada dilaksanakan ataupun tidak, saya tak tahu lagi lah lepas itu. Sebab saya setakat 6 Oktober 2022 mesyuarat itu. Selepas itu apa yang berlaku selepas itu saya tak tahu.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Datuk selaku pengerusi dan juga ahli-ahli *board* adakah ahli-ahli *board* semua *aware* yang *board* telah men-*delegate authority* mengikut LOA dan kenapa buat demikian? Kenapa kita *delegate* tersebut?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Delegate?*

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *Delegate* kuasa. Kuasa *board* kepada *management*.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Soalan, *delegate*? Sebab saya...

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Soalannya adalah adakah Datuk Seri selaku Pengerusi dan juga ahli-ahli *board aware* yang *board* telah men-*delegate authority* ataupun kuasa mengikut– sebab ada LOA ini yang telah dikongsikan bersama dengan kita, *authority* mengikut LOA. Maknanya *you* telah *delegate*-kan kuasa *you* kepada *management*.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Untuk– sebab kita ini cuma peringkat *level* kelulusan sahaja. Tetapi untuk urusan LOA dan sebagainya memang itu urusan *management*. Pengerusi, kita bukan Pengerusi Eksekutif. Saya tak ada kuasa apa-apa pun. Cuma, kita membincangkan tentang *proposal* tersebut, kita dapatkan pandangan daripada semua *board directors* dan kita telah pun buat– dia orang pun dah buat *due diligence* untuk projek ini. Selepas itu dibentangkan dan kita serahkan balik selepas proses berkenaan kepada pihak *management*.

Dr. Mohd Syukri Bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat saya mohon mencelah. Mengikut rekod saya pada tahun 2021 kita ada lapan *board meeting* dan pada 2022 ada tujuh *board meeting,* YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Baik, jadi Datuk ada simpan semua minit tersebut?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Minit itu ada dekat *management*.

Dr. Mohd Syukri Bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Minit ada di *management*.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kalau hendak *detail* dia boleh dapatkan daripada *management*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh tidak kita minta dengan KSM membekalkan kesemua minit mesyuarat...

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Boleh.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Untuk tahun 2020, 2021, 2022 dan juga 2023 kepada pihak PAC. Terima kasih.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kita akan panjangkan makluman ini kepada *management*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Yang Berhormat.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat *can I*?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yes*.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat *I want to give some clarification* kepada isu ini. *Skills Passport* dibentangkan pada 6 Oktober 2022 semasa mantan Yang Berhormat Datuk Seri Jamil mempengerusikan mesyuarat itu. Seperti biasa, soalan akan ditanya dan kelulusan diperoleh– KE yang terangkan bagi keterangan semua. Di sana dia dah bagi keterangan yang tak ada– beberapa perkara yang di bincang. Selepas itu, Datuk Seri Pengerusi memperolehi kelulusan dan tidak ada apa-apa bantahan.

Tetapi saya dapat tadi soalan yang Pengerusi tanya *why is it the limit authority. Actually, we don't have to go back to the ministry,* kementerian. Dalam *limit of authority* di muka surat 20, *all agreement affidavit* boleh ditandatangani oleh CE. *That means* ketua eksekutif *can sign*. *But* surat yang dihantar oleh setiausaha itu, *company secretary* itu *is for good governance because at that point of time we didn't have a board meeting. So, for good governance and for* makluman, *she sent a letter to* kementerian.

To go on further Yang Berhormat *if you want, I can give a* penjelasan. *There is no*– tiada sebarang implikasi kos yang akan ditanggung oleh PSMB kerana bayaran dibuat oleh pihak pengguna di atas perkhidmatan yang diberi. Tidak terdapat hak eksklusif ke atas Neomindz Sdn. Bhd. dan perjanjian boleh menamatkan– kita boleh menamatkan perjanjian tersebut dan projek ini masih belum dilaksanakan lagi, Yang Berhormat.

■1500

So, kesimpulan, *Skills Passport* itu diluluskan pada bulan Oktober 2022.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih. Saya nak tanya ya, Datuk Seri Jamil sebagai pengerusi pada ketika itu. Berbalik kepada minit mesyuarat pada 6 Oktober 2022 di mana *proposal* untuk *Skills Passport* ini telah diluluskan, ya.

Saya nak tanya, apabila *board* meluluskan *proposal* untuk *Skills Passport* ini, adakah terdapatnya satu *draft agreement* yang telah dibentangkan kepada *board* untuk *board* perhalusi, ataupun hanya ada kertas kerja atau *proposal* sahaja dan *board* telah membuat keputusan berdasarkan kertas kerja tersebut?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya pun dah tak ingat lagi apa yang berlaku masa itu tetapi selalunya kalau dalam apa-apa pembentangan, mereka akan menyediakan detil ya. Bukan apa itu tadi draf kontrak apa semua, itu bukan. Tetapi, *details* untuk *subject matter* berkenaan.

Selalunya, saya akan pastikan mereka menyediakan keseluruhan itu mengikutlah tata kelola. Kalau sekarang, kita kata peraturan-peraturan kewangan semasa. Itu kalau dalam kerajaan, kita peraturan kewangan semasa yang berkaitan dengan kontrak dan tender. Jadi, yang itu mesti mereka patuhilah sebab yang detil berkaitan dengan *subject matters* ini memang dia ada bentangkan. Ada bentangkan kepada pihak *board directors.* Jadi, *details* untuk dia punya kontrak, ha itu mungkin tak– belum dibuat lagi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So,* kelulusan ini adalah kira kelulusan...

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Approval* untuk mengadakan, apa itu...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Perbincangan lanjut?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Lanjut.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Jadi, bukanlah untuk...

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Jadi, kita bersetuju untuk membolehkan syarikat berkenaan menjalankan dia punya perkhidmatan bersama HRD Corp. Itu sahaja.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Jadi...

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Detil dia masih lagi perlu diproses. Itu sebab, proses itu sampai sekarang, saya difahamkan masih lagi belum berjalan, ya. Belum berjalan lagi.

Seorang Ahli: *Sign agreement?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Sign agreement* itu dah lepaslah sebab saya dah tak ada dah lepas itu, ya.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey, Datuk Seri. Jadi, saya cuba nak dapatkan pengesahan di sini. Masa itu, apa yang telah diluluskan adalah untuk perbincangan lanjutlah, untuk bersama dengan *[Disampuk]* Syarikat Neomindz ini – untuk buat Program *Skills Passport* ini. Tak ada *draft agreement* yang diperhalusi atau sebagainya, tak sampai tahap itu lagi.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Untuk peringkat saya, mungkin tak sampai tetapi di peringkat *management*, mereka ada maklumat-maklumat berkenaan, ya. Maklumat-maklumat berkenaan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan, adakah apabila dah berbincang dan kemudian ada *draft agreement* dan sebagainya, adakah *draft agreement* itu perlu dibawa semula kepada *board* untuk diluluskan? Kalau ikut biasanya.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Biasanya, *draft agreement* ini, kalau kita dah buat *tender process,* dah dapat kelulusan semasa saya kerja sebagai KSU pun dulu, draf itu selepas dia nak tandatangan sahaja yang kita diserahkan kepada pegawai pengawal ataupun macam– dalam hal ini, saya bukan pengerusi eksekutif. Jadi, benda itu tak dibawa kepada sayalah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, sekarang ini, biasanya untuk HRD Corp kalau nak masuk apa-apa *agreement* dengan mana-mana pihak, sebelum *draft agreement* itu ditandatangani oleh pihak-pihak, memang dia takkan bawa ke *board* semula untuk kelulusan *on the draft agreement or on the agreement finalized* itu?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey. Itu kita tengok kes dialah, ya. Ada kes-kes yang memerlukan– memang kita arahkan supaya dibawa semula kepada *board directors* untuk *study* balik

semulalah apa draf yang berkenaan. Kalau yang merugikan– yang boleh merugikan kerajaanlah.

Jadi, yang ini pasal masa itu, kita *[Disampuk]* Dia satu, *no cost.* Yang keduanya, kita lihat dia tidak memberi kesan besar kepada kerajaanlah. Disebabkan itu, kita minta *management* untuk pastikan *stakeholders* yang terlibat tidak kerugian jugalah. Jadi, itu sebab detil-detil berkenaan, kita pulangkan balik kepada *management* untuk berbincang secara lebih lanjut sebelum ditandatangani kontrak–perjanjian berkenaan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Sekejap, sikit lagi.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Yang membuat pembentangan tentang *proposal* untuk *partner* dengan Neomindz dan melaksanakan *Skills Passport* ini yang kemudian diluluskan itu, siapa yang membuat pembentangan tersebut, masa itu?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: CEO?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk Seri – KE, ya? Ha, CEO.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: CEO, siapa nama dia?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk Shahul Hamid– Datuk Wira Shahul Hamid.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, dia yang bentangkan dan dia juga yang maklumkan kepada *board*, ini takkan ada implikasi kewangan kepada HRDF – eh HRD Corp?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Betul.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Wangsa Maju.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya ada dua soalan, bergantung kepada jawapan soalan yang pertama. Boleh tak dapat pengesahan bahawa dalam proses apa-apa pelaburan, dalam HRD Corp, perlu melalui proses SOP, melalui jawatankuasa pelaburan dahulu dan jawatankuasa pelaburan *vetted through*, lepas itu bentang ke lembaga untuk dapat kelulusan? *That is the SOP,* betul?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ada dua jawatankuasa. Satu, *board directors* dan satu lagi, jawatankuasa

pelaburan yang dilantik oleh Menteri, ya. Jadi, saya juga jawatankuasa pelaburanlah. Setiap pelaburan yang hendak dibuat dalam HRD Corp, kita telah melalui proses *due diligence.*

Kita tak boleh sebarang– sembaranganlah dan mereka yang duduk di dalamnya diwakili oleh juga pihak *Treasury. Treasury* ada dalam itu. Jadi, isu *treasury– Treasury* patut tegur. Kita, *board directors* yang saya *chair* ini, kalau ada sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak– tak betullah. *So far, alhamdulillah,* tidak ada perkara yang tak betul.

Malah, kita dari segi *investment* yang dibuat, kita tidak pernah kerugian malah, peningkatan. Saya rasa, kita salah satu GLC yang mendapat keuntungan sehingga yang akhir ini, saya tak tahu berapa tetapi memang dia punya ada peningkatan kecuali semasa kita PKP dulu.

Selainnya, memang kita dapat satu unjuran pendapatan yang amat baik sebab kita– apa ini panggil– amat tiris. Ketirisan kita tinggi. Sebab saya bekas KSU, saya tahu. Kalau benda itu tak betul, saya tidak akan *approve*-kan dan tidak bersetuju, walaupun diberi– apa itu– cadangan oleh pihak *committee members.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, lantaran itu– terima kasih, Datuk Seri. Jadi, dalam kes *Skills Passport* ini, dia melalui proses itu juga ataupun tidak melalui proses itu, dalam membuat keputusan, dalam *Skills Passport* ini?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ini bukan pelaburan. *Skills Passport* bukan pelaburan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Jadi, oleh kerana dikira sebagai bukan pelaburan, *there's*– dimaklumkan tidak ada *cost implication* pada kerajaan.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak ada.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, dia tidak melalui proses itu. Dia terus kepada *board?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Dia buat dia punya *due diligence* melalui proses-proses yang– apa itu...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Oleh *management*-lah?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: ...*management* dan kemudian dibawa kepada *board.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Sudah. Kita dah *established* bahawa *Skills Passport* ini tidak melalui pelaburan oleh sebab tidak dikira sebagai pelaburan dan dimaklumkan kepada *board* oleh *management* bahawa tidak ada *cost implication* kepada kerajaan dan HRDC, okey.

Saya nak tanya satu soalan berikutnya yakni, sedar tak ahli-ahli lembaga bahawa implikasi-implikasi lain, selain daripada kos? Contohnya, adakah proses sekuriti ini terhadap syarikat itu sendiri, yang ada implikasi keselamatan? Contohnya, kerana kita difahamkan, syarikat ini, 50 peratus dipegang oleh *foreign equity* dan ini melibatkan data dan sebagainya.

Adakah lembaga menimbangkan hakikat bahawa *there could be a security risk?* Data dikongsikan dengan pihak luar negara.

■1510

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, berkaitan dengan ini saya pun dah tak ingat lagi lah. Tapi, cuma macam saya kata kita ada wakil. Wakil daripada *Treasury* sendiri di dalam kita punya *board directors* itu— eh, lembaga pelaburan ini tadi. Kita ada satu wakil daripada *Treasury* dan juga kita ada beberapa orang jugalah yang macam kita punya wakil Dato' Palani? Dato' apa? *No*— ada juga wakil yang tahu dan jelas berkaitan dengan syarikat-syarikat berkenaan.

Sebab pengesahan-pengesahan ini juga kita akan minta pihak yang membuat— bukan jawatankuasa— pegawai-pegawai yang terlibat dengan pelaburan ini, untuk memberikan kita ia punya maklumat-maklumat detil semasa pembentangan berkenan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Seri...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma soalan saya adakah *board* sedar implikasi itu, keputusan itu.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang ini saya tak dapat beri penjelasan sebab saya dah lupa dah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Adakah ahli lembaga yang lain mengingati apa yang berlaku sama ada perkiraan-perkiraan selain daripada kos terhadap kerajaan ataupun HRD Corp? Pertimbangan-pertimbangan faktor lainlah.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk Raja sini...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sila, sila.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Kalau Pengerusi lupa, yang lain takkan lupa juga?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *That why I'm putting my hand up to talk. Okay, thank you.* Bukan lupa, ini *because so many months already. The issue of* tadi yang Tuan, *I mean* Datuk *raised the issue of security reason.* Dalam perjanjian itu, memang kita ada klausa yang mengatakan

kalau jika data dikeluarkan *it's a breach, okay– and we can take action against him,* yang pertama.

Kedua, *this particular software* kah apa? Yang dia ada *intellectual property* ini *is in the foreign* punya *ownership. That is why* ia ada *50 percent shareholding.* Kalau tidak, dia tak akan ambil *40 percent shareholding. This is the reason and that is why we thought it was safe.*

Then, ini *user pay* bukan semua orang yang nak masukkan *to furnish their details. So, it's a matter of user pay and we thought it is safe.* Perkara ini dibincang di lembaga.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Cuma saya nak kepastian tadi. Sama ada ahli lembaga dengan penuh sedar selain daripada *no cost implication* pada HRDF dan *government,* ada juga implikasi-implikasi lain. Contohnya macam keselamatan yang telah dipertimbangkan oleh *board of directors.* Adakah itu *a safe statement to conclude?* Adakah ahli lembaga semua sedar dengan penuh sedar benda itu?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, isu ini tidak dibincang tapi *I'm just telling for the opinion that* kita dapat *is that we were aware* tapi *we are not serious in discussing this particular matter of data going out of the country. Because a lot of sofware is coming from foreign countries, we are using.*

So, kalau kita ikut macam itu, *we have so many other companies which we are importing from and this data is also in the hands of foreign company. We have big* Tata Group *here, another group which are working here under* IT.

So, it is import, intellectual property. There is a way of protecting it. The details of how it's protected, only IT *man would know. I'm not sure about it.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, sebelum saya menjemput wakil dari MOF. Saya ingin tanya kepada semua ahli lembaga pengarah atau mantan ahli lembaga sama ada anda semua sedar bahawa ada seseorang ahli lembaga iaitu wakil dari MOF Datuk Rosli tidak setuju dengan kelulusan projek *Skills Passport* ini?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB Pengerusi, *I just want to bring up this issue. When the*— perkara ini dibincangkan di bulan Oktober 2022, tidak ada apa-apa bantahan daripada sesiapa dan Yang Berbahagia Datuk Rosli, *I mean* dia nak *minutes of the meeting,* mesyuarat.

So, kita keluarkan. *I think* CoSec keluarkan *minutes* ini pada 14 hari bulan kalau tak salah, 2022. Sehingga 28 Mac yang kita ada *first meeting in 2023,* soal ini

tak timbul. *Minutes* ini *circulated to all the board of directors,* tidak sesiapa pun timbulkan apa-apa isu.

One night before the meeting, Datuk Rosli *wrote a letter,* dia tak berpuas hati. *And then, when I chaired the meeting at that time, he said* mustahil dia tak dengar— *I think* bukan menggunakan isu mustahil. Tidak ada apa bantahan. *So,* kita ulangkan semua *and brief him,* KE *brief him* dengan minit-minit, dengan semua *what we call, recording. I can give you the recording if you need. Recording clearly shows* tidak ada apa-apa bantahan daripada sesiapa pihak.

So, kita bagi keterangan dan di bulan– kelulusan diterima diperolehi di bulan Oktober. Di bulan Mac kita bagi keterangan sahaja dan di bulan Mac 2023– kita boleh bagi minit itu dan kita boleh bagi *recording* sekali. Bulan Mac 2023, Datuk Rosli sendiri minta maaf mengatakan *'mungkin saya silap'* dan dia akan bagi surat kepada dua-dua pihak iaitu Datuk Shahul dengan Datuk, *I mean* dengan CoSec.

Perkara itu sudah selesai. *Then,* di bulan April ia timbul lagi sekali. Itu yang kita semua pelik, kita pun tak faham. *So,* kelulusan diperolehi di bulan Oktober. Kenapa tunggu lima bulan nak timbulkan isu yang tak ada isu? Dia mengatakan ada isu kos. Tak ada isu kos. Kalau yang tadi yang Datuk cakap yang isu *on data,* mungkin kita boleh fikir. Kalau isu itu ditimbulkan pada masa itu, *maybe we could have discussed.* Tapi tak ada isu langsung untuk lima bulan, enam bulan. Lepas itu dia timbulkan. *Then* dia minta maaf. *Then* lepas itu dia timbulkan– kali keempat di bulan April dia timbulkan melalui surat Kementerian Kewangan.

So, this is something that we are not able to accept because tidak ada sesiapa dalam lembaga yang bantah *except* Datuk Rosli. Dia pun bantah selepas kelulusan diperolehi. *This is something that we are bit puzzled as to why. Any questions, please ask.*

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat kalau boleh saya nak menambah, minta maaf. Sewaktu kami dimaklumkan mengenai proses PAC hari ini, saya minta pihak HRDC untuk bagi detil dan maklumat sebab saya nak *refresh* balik apa yang berlaku dalam mesyuarat yang saya pernah hadiri pada 6 Oktober 2022.

Saya dibekalkan hari itu dengan rakaman mesyuarat pada 6 Oktober 2022. Dalam mesyuarat *board* yang berlangsung pada hari yang berkenaan, yang tidak hadir cuma tiga orang daripada *board,* daripada ahli lembaga pengarah. Kesemua yang hadir pada hari berkenaan selepas dibentangkan oleh CE mengenai *proposal* itu, tidak ada yang membantah.

Ini saya dengar balik semula rakaman sebab saya nak *refresh* rakaman itu kerana saya perlu hadir pada sesi pada hari ini Yang Berhormat dan tidak ada yang membantah dalam mesyuarat *board* pada 6 Oktober 2022.

Kemudian, saya tak tahu apa yang berlaku selepas itu iaitu pada Mac sebab saya ditamatkan pada Januari 2023. Tapi, *refresh* balik YB, mesyuarat pada 6 Oktober, rakaman itu saya dengar baru-baru ini tidak ada yang membantah kecuali yang tidak hadir tiga orang iaitu Dato' Raiha, Dato' Palani dan Datuk Chia pada hari yang berkenaan. Terima kasih, YB.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya mengesahkan lah sebagai pengerusi. Datuk Rosli pada 6 hari bulan hadir pada mesyuarat tersebut dan beliau– memang kita ada berbincang bersama-sama dengan semua *board of directors* dan dia tidak menyatakan yang dia tidak setuju pada masa tersebut.

Jadi, maknanya dia sendiri pun bersetuju. Jadi, saya pun pelik juga macam mana dia boleh ubah dia punya fikiran selepas enam bulan. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, Bangi. Selepas itu saya menjemput wakil MOF.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey, saya nak tanya ahli-ahli *board* yang ada di sini. Adakah tuan-tuan dan puan-puan mengetahui tentang satu surat yang bertarikh 15 Februari 2023 yang dihantar oleh CEO HRD Corp ini yang mana dalam surat tersebut dikatakan bahawa berkenaan dengan fi, *"apabila Skills Passport application berjaya dilaksanakan dan go live, PSMB dikehendaki membayar kepada Neomindz RM12 untuk setiap penggunaan tidak termasuk SST setiap bulan." Are you aware of this letter?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Can I clarify* dengan Pengerusi?

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *No, no, wait, wait.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sila tekan *mic* ya kalau nak cakap.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *First* yang tak ada. Boleh rekodkan bahawa mereka tak ada masa ketika itu. Maknanya, anda tak sedar atau tak *aware* dengan surat ini.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak berada di HRDC lagi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maksudnya tak *aware*-lah.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan, tuan. Kita telah ditamatkan...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sila tekan *mic.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tamat, tamat.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Sorry,* YB. Waktu surat itu dikeluarkan saya telah ditamatkan perkhidmatan pada Januari.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So,* Datuk tak *aware* dengan surat...

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak, sebab kami tamat— saya tamat pada Januari 2023.

■1520

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tamat dengan *aware* itu ada dua perkara berbeza. *[Disampuk]* Ha, tak tahulah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tidak tahu langsung.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tak tahu langsung sebab dah tamatlah. Okey, Datuk Seri?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya pun tak *aware*.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tak *aware*, okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh saya jemput yang sekarang masih bertugas sebagai Ahli Lembaga Pengarah?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya, YB Pengerusi. Surat ini kita— *what do you call* KE bagi kita semua, ahli-ahli yang berada di bulan Mac tahun ini. *Yes*, kita *questioned* apa *CoSec* kenapa surat ini bunyi macam ini? *"Perjanjian hanyalah ditandatangani oleh selepas mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah PSB...",* betul. Tetapi, *why was this letter sent?* Kenapa surat ini, *what is the purpose? She told us it's for good governance,* itu sahaja.

And to be aware tadi kos itu*, she just missed out one* ya. Kos itu— duit itu kita PSB akan terima *and then* kita akan bayar, keluarkan duit itu. Bukan kata HRDF yang bayar duit itu. *So*, memang surat ini kalau *you* baca keliru.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *I am sorry.* Benda ini— *we are lawyers, we know we only read documents within the far walls of the document. You cannot come here and say that, "Actually this should be the thing in the letter". It's not, it's not in the letter.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Okay, let me address you, counsel. Let me address you on this issue. If you see the agreement,* perjanjian, *have anyone of you are seen the* perjanjian? Perjanjian itu dalam perjanjian *very clear. So, why are you referring only to this letter to nullify?*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Thats why...*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Why are you not referring to the* perjanjian?

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *That is why we are asking why this letter is issued out.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Then, this letter...*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *If you don't know, if you don't know, you can just say you don't know because this isn't issued by you.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *No, you asked me for clarification, and I was the chair...*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *My question Sir was very simple. Are you aware of this letter? I didn't ask you to explain.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *I am totally aware of this letter. I am totally aware.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Thank you, thank you. That's all*.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, Datuk Rajasekharan, jadi tadi ada menjelaskan bahawa ada merujuk kepada seorang perempuan, *she. Who is the person that you refer to?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Company secretary Merle is the one who wrote this letter. But signed by the* Datuk Shahul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Jadi boleh saya menjemput wakil MOF?

Encik Azize bin Taib [Ex-officio, Kementerian Kewangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Puan Pengerusi. Okey, cuma saya nak dapatkan *clarification* daripada Datuk Seri Jamil. Kita dimaklumkan bahawa Projek *Skills Passport* ini tidak mendatangkan apa-apa kos kepada HRDC. Soalan pertama, mengapa dia dibawa ke Jawatankuasa Pelaburan?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Bawa ke tak?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Azize bin Taib [Ex-officio, Kementerian Kewangan]: Tidak. *So*, sekiranya dia tidak dibawa ke Jawatankuasa Pelaburan, jadi boleh tak kalau dibetulkan semula *statement* tadi bahawa wakil Kementerian Kewangan yang duduk dalam Jawatankuasa Pelaburan tidak menimbangkan Projek *Skills Passport* ini?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *No*. Saya beritahu tak masuk jawatankuasa. Kalau kata ada dibawa masuk tentulah Jawatankuasa Pelaburan yang diwakili oleh *Treasury* akan menegur. Jadi, maksud saya tadi macam itu.

Encik Azize bin Taib [Ex-officio, Kementerian Kewangan]: *So*, maksudnya kita betulkan semula *statement* bahawa wakil Kementerian Kewangan dalam Jawatankuasa Pelaburan tidak terlibat sama ada untuk menilai ataupun menasihatkan pihak HRDC bahawa Projek *Skills Passport* ini adalah teratur. Boleh Datuk Seri bersetuju?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya rasa tidak perlu. Fasal saya kata kalau ada apa-apa yang berkaitan pelaburan ini, barulah wakil *Treasury* akan terlibat. Untuk *Skills Passport* ini memang mereka— kita semua tak terlibat. Ini *board director* untuk HRD Corp, *main board.* Itu maksud saya. Nak betulkan apa?

Encik Azize bin Taib [Ex-officio, Kementerian Kewangan]: *Okay, alright.* Itu tak apa, okey. Yang kedua adalah soalan fundamental. Sekiranya Projek *Skills Passport* ini tidak melibatkan apa-apa implikasi kos kepada pihak HRDC, pertama. Yang kedua, bayaran dibuat sendiri oleh ahli kepada syarikat ini, maka mengapa HRDC kena menandatangani kontrak perjanjian dengan syarikat ini? Kerana sistem yang dibuat oleh syarikat ini ia bersifat luaran yang mana kalau HRDC tidak *come into contract* pun, kalau *company* ini nak *go live* sekali pun ia boleh *go live* kerana bebas kepada mana-mana pekerja sama ada hendak *sign up* ataupun tidak dengan projek ini ataupun sistem ini.

So, kita nak tahu, kenapa HRDC hendak tandatangani projek ini? Kalau HRDC *sign up* projek ini bermaksud akan ada sesuatu kebaikan ataupun *in-kind* balik kepada HRDC. *So*, sebab perkara itu tidak diterangkan kepada PAC dan juga ia akan *relate* juga kepada isu bayaran kepada syarikat tersebut. Apabila surat daripada *CoSec* tersebut dikeluarkan, ia seolah-olah menunjukkan bahawa HRDC menjadi agen pemungut kepada syarikat ini.

So, apabila HRDC jadi agen pemungut, kalau ikut peraturan kerajaan *by right* ada sesuatu ataupun sebahagian daripada kos tersebut akan datang kepada HRDC. *So*, perkara ini dia akan berpanjangan dan sekiranya tidak diterangkan, maka dia akan kaitkan dengan macam-macam isu. Terima kasih.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, saya serahkan kepada— sebab saya dah berhenti, saya dah tak ingat lagi apa benda yang detil dia ya. Minta ni, Encik Raja, Datuk Raja.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya, terima kasih. *There is a remuneration* ataupun ada hasil yang masuk kepada HRD Corp. Bermakna HRD Corp *may charge— I know what's the fee, RM15* kah, *RM12* yang kita kena bayar kepada Neomindz *and RM3 or RM4 to HRD Corp for the service rendered. That is why* kita masuk perjanjian dengan Neomindz. *Okay, that is a particular reason why there is a gain.* Kalau tak, kita tak akan masuk. Dalam perjanjian itu, memang *the terms are very clear. So, unless we refer to the agreement, we may not be able to say some more. That's a gain for HRD Corp.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, tak apa. Saya ingin tanya pada Datuk Seri Jamil kerana kita jelas bahawa *Skills Passport* ini bukan satu pelaburan. Jadi, adakah semua pelaburan yang dilakukan oleh HRD Corp akan dibuat keputusan lebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh Datuk Seri ketika sepanjang masa?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Betul.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh Datuk Seri mungkin boleh maklumkan kepada Ahli-ahli PAC di sini apa profil pelaburan yang signifikan yang boleh diumumkan sebagai pencapaian bagi HRD Corp sepanjang masa Datuk Seri menjawat jawatan sebagai Pengerusi?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Detil dia saya rasa saya tak boleh nak beri kat sini sebab saya tak mahu cakap apa— salah cakaplah. Kalau boleh minta saya punya *chief financial officer* untuk *explain, say for.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kita boleh *furnish*-kan dengan dia punya maklumat-maklumat berkenaan yang lebih teratur, detil dan tepat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sebab kalau saya bagi mungkin tak tepat sebab dah lepas.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Sorry*. Tadi, *about the letter you have mentioned Sir, that the company secretary* ada cakap bahawa ada kesilapan yang tak dimasukkan dan sebagainya. Soalan saya, adakah terdapatnya surat *follow up* untuk memperbetulkan kesilapan tersebut daripada CEO HRD Corp?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *She didn't say that there is a mistake. I discuss with the as to why this letter is not clear.* Patut *as a lawyer I look at it, you must say for good governance,* yang pertama. Yang kedua, kelulusan dah diperoleh di bulan Oktober, tak payah bagi kelulusan yang sekali. *And according to the limit authority* kuasa diberi kepada KE untuk sain semua dokumen, *so we are okey. In the absence of the board*, kita pergi, okey yang pertama.

Yang kedua *on the issue of money, it should made it clear* yang duit itu kita pungut bagi pihak dan kita pun dapat, HRDC pun dapat ada *service charges then this matter would have been clarified*, tetapi *this matter was discussed with the board. For your information Sir, this matter was discussed in the board for clarification purpose.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Okay. So, the question as I asked just now, was there a follow-up letter to perhaps make it more clear, what was meant by the provision in the letter itself after that?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *I am not sure where there is or not. Must ask Merle and see.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Kami akan merujuk kepada CFO dan juga *management* nanti juga tetapi di sini saya ingin tanya kepada semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah, mantan atau yang sekarang masih berada dalam Lembaga.

■1530

Apabila HRD Corp ambil keputusan membeli aset di Putrajaya iaitu Menara Ikhlas, adakah keputusan itu dibuat lebih dahulu dalam Jawatankuasa Pelaburan juga?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang ini biar saya jawab, ya. Selepas dapat *proposal* untuk pembelian berkenaan, semuanya dibawa kepada Jawatankuasa Pelaburan dan saya telah mengarahkan supaya yang pertamanya, tiada *conflict of interest.* Yang keduanya, pastikan mematuhi cara-cara pembelian yang betul, bangunan kerajaan. Mesti melalui proses-proses yang betul. Mereka telah mematuhi segala peraturan-peraturan berkenaan, barulah kita *proceed* dan bersetuju untuk proses berkenaan. Tetapi difahamkan benda ini tidak– telah pun dibatalkan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kenapa dibatalkan?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Mereka tidak memenuhi. Saya difahamkan tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Itu sahaja lah. Yang detil saya tak tahu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Siapa yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Syarikat yang menawarkan penjualan itu. Tak memenuhi lah, ya. Itu sahaja yang saya boleh maklumkan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia pulangkan dengan *interest?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Dia dah pulangkan balik duit dengan *interest* yang seperti mana perjanjian.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *For the record,* untuk rekod. Dia pulang balik...

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Keseluruhan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Keseluruhan dengan *interest* tu bila Datuk?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya dah tak ingat lah.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Shall we*– kita rekodkan.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Disember ya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Minta Datuk Seri tekan *mic.*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Financial officer.* Habis semua dengan *Chief Financial Officer.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh saya tanya juga bagaimana dengan pembelian aset pejabat ataupun *training centre* terletak di Tapah?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang ini lebih awal daripada saya jadi pengerusi ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Kenapa ya, belum memenuhi syarat ataupun perjanjian-perjanjian, kita bayar dulu? Saya tak pandai lah tapi *why* ya?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang ini lain. Yang Tapah ini proses yang lebih awal.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Menara Ikhlas, Menara Ikhlas tadi. Menara Ikhlas tadi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tempoh untuk tukar nama itu lambat.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tempoh untuk tukar nama lambat.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tempoh tukar nama ya. Saya dah tak ingat dia punya proses tu.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB kalau– YB, kalau saya boleh ini tapi saya pun takut tersilap. Menara Ikhlas itu kita nak beli dan kita bayar *some amount as a deposit* tapi saya takut nak bagi tahu sebab– maksud saya, saya tak ingat, takut salah fakta. Tapi proses untuk tukar nama itu, terlalu lama dia punya proses itu sebab ada beberapa isu dan saya antara yang menentang untuk meneruskan *agreement* dengan beli itu sebab *it takes more than a year* ke *two years. Two years* untuk selesai.

Jadi, saya antara orang yang menentang meneruskan pembelian itu dan mencadangkan supaya HRDC minta balik duit dan atas persetujuan semua, minta balik duit deposit bersama dengan *interest* sepanjang kita dah bayar kepada pihak yang beli berkenaan. Tapi saya rasa lebih *[Disampuk]* ya, melalui peguam. *Sorry.* Tapi lebih *better* kalau dijelaskan oleh pihak pengurusan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey. Deposit ke *whatever,* tetapi sebelum kita bayar deposit apa pun, perjanjian itu mesti dah ditandatangani lah. Betul? Adakah perjanjian itu dah ditandatangani?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kalau Dini tak silap, kalau saya tak silap YB, kita menggunakan syarikat guaman untuk membeli Menara Ikhlas di Putrajaya itu dan duit itu dibayar kepada melalui syarikat guaman.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Pengerusi, berapa jumlah wang tu, ingat tak Datuk Seri?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya dah tak ingat lah.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Seri tak ingat. Tanya CFO *what is the amount?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kalau nak yang betul-betul punya *figure* tu mungkin dengan *Chief Financial*

Officer boleh dapatkan dia punya pengesahan lah dari segi dia punya pembelian dan juga dia punya apa tu, pemberian pembalikan apa tu, deposit berkenaan.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Jadinya memang tak jadi lah beli bangunan tersebut ya? Tak jadi.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Jadi YB, duit pendahuluan melalui peguam itu dipulangkan balik dengan *interest.*

[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Oh, okey. Ada siapa-siapa ke tahu sama ada semua kewangan itu telah dipulangkan semula ke ataupun masih dekat *lawyer's office* itu?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, *can I answer the question?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yes.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *The fact is here. "18 June 2020, proposals to lease/own new building for* PSV*, head office* di Putrajaya *or* Cyberjaya. *3rd December 2020,* IP *investment board agreed to purchase the building in principal with terms and conditions to be reviewed*. 24 Disember 2020, *valuation report from* JPPH*.* 11 Januari 2021, *presented to the board. 19 January 2021,* IP *approved the execution of sales and purchase agreement.* 25 Februari 2021, *payment deposited to stakeholder. 16 November 2021,* IP *requested for the refund of the deposit from the stakeholder".*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Do you remember how much the amount?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *I am coming to that. "*IP *agreed and approved to request back the deposit sum of RM120 million to vendor".* 2 Februari 2023, *refund of the deposit received.* 2 hari bulan Februari tahun ini. 17 Februari 2023, *interest of RM1.9 million received from* Fong & Partners*. 24th February* 2023*, interest of RM1.3 million received from* Vas & Co*.* Dua deposit. Bermakna RM3.2 *million interest* dipulangkan.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dipulangkan *interest. What about* yang pokok, yang bagi?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Pokok, 5 September di...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dah bagi semua?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: 2 hb Februari 2023.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pokok dan *interest.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Ini sebut tadi hanya *interest.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: 2 Februari 2023, *refund of deposit received.*

Seorang Ahli: RM120 juta.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: RM120 juta.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ini adalah makluman daripada pihak *management?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: ...kita bagi, tak apa. Tak nak bagi. *Tapah, I don't know. [Bercakap kepada ahli lembaga pengarah yang lain]*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Tapah itu bukan masa saya.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tapah *I got, I got the details too.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kalau Datuk Rajasekharan boleh bantu, minta bagi makluman tentang pejabat di Tapah.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *This was before my time. [Bercakap kepada ahli lembaga pengarah yang lain] Before my time. Sorry,* Pengerusi. *This was before my time. [Disampuk] Now, it was before my time. Now if you want the details...*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Siapa yang ada dalam sini yang *before? Before, before.* Yang masa pembelian Tapah ini *[Ketawa].* Ada tak lembaga pengarah yang di sini ataupun *any of your* pegawai?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Anyone here at the time?*

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, dia beli ini, Ogos 2020. *So* rasa-rasanya semua ini, ramai yang belum masuk lagi termasuk saya.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya punya Oktober.

[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Dato' Asri tak ada jawapan?

Dato' Haji Asri bin AB Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Belum lah Dato'. Saya pun belum.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Belum lagi, ya?

Dato' Haji Asri bin AB Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Oh, *okay, Because I thought you are with* KSM *all the while*.

Dato' Haji Asri bin AB Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sebenarnya masa itu belum jadi Ketua Pengarah. Jadi Ketua Pengarah baru– terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *All right, thank you.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tapi, sungguh pun *you all*– YB Pengerusi, sungguh pun semua Datuk-Datuk sekalian belum menjadi lembaga pengarah ketika itu, tapi adakah *all of you aware of that purchase?* Pernah dengar *the purchase? Aware?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Aware.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *But you don't have the details* lah?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Mengangguk]*

■1540

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dato' Ruhaidini ketika itu sudah masuk ke belum ya?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tetapi Yang Berhormat, saya *aware* tentang bangunan Tapah, cuma saya tidak ada detil. Saya takut saya melakukan kesilapan dalam memberikan fakta.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Datuk.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Mungkin dari segi apa yang bangunan di Tapah itu disebabkan pada masa itu pengerusinya adalah mantan pengerusi adalah orang yang lain, Senator Dato' Nelson. Mungkin beliau boleh menjelaskan sebab dia adalah pengerusi pada masa dan ketika itu sebelum masuknya Datuk Seri Jamil, Dato' Nelson.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bukan Datuk Faridah?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Belum. Datuk Faridah, dah selepas. Maknanya masa itu belum lagi. Dato' Nelson.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat ada soalan lagi?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, dalam perbincangan dan mesyuarat-mesyuarat PAC sebelum ini mengenai HRD Corp ada maklumat yang diberitahu kepada kita bahawa pelaburan yang dicadangkan dan dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan tidak perlu dibawa kepada mesyuarat lembaga pengarah. Adakah itu benar? Dia berhenti dekat Jawatankuasa Pelaburan dan tidak bawa ke lembaga pengarah? Sebab selalunya Jawatankuasa Pelaburan ini hanya sebahagian daripada jawatankuasa. Peringkat yang akan beri kelulusan ialah lembaga pengarah sendiri. Adakah itu benar ataupun tidak?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Untuk pelaburan yang detil, nanti Datuk Raja akan *explain* dari segi dia punya peraturan. Memang kita tidak bawa kepada lembaga pengarah kecuali perkara-perkara untuk kita maklumkan sahaja.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sebab kita ada *committee members* yang termasuk di dalamnya wakil daripada *Treasury*. Satu lagi kita ada wakil *Treasury* juga di lembaga *board directors* pun satu *Treasury* punya wakil...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, Datuk Seri, kebanyakan syarikatlah yang saya tahu dan saya pernah menganggotai lembaga pengarah, saya pernah juga duduk dalam Jawatankuasa Pelaburan tetapi duduk juga dalam lembaga pengarah. Selalunya mengenai pelaburan ini bila– sebenarnya Jawatankuasa Pelaburan hanya mencadangkan sahaja tetapi yang akan meluluskan dan memberi *endorsement,* saya ingat bukan selalunya *100 percent it has to be* lembaga pengarah. *Very clear about this*. Kenapa ini berlaku di HRD Corp? Adakah ini dia punya SOP dekat HRD Corp? Kalau dia SOP, salahlah. Perlu diperbetulkan.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Can I clarify* Tuan Pengerusi?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Bukan yang ini, yang sekaranglah kena perbetulkan.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Can I clarify?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yes.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Thank you. If you* ikut Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, seksyen 26, *there is an investment panel* dan panel itu lain daripada panel lembaga *of* HRDC. *So, investment panel* akan buat keputusan *and always* bagi maklumat *and information in the board. There is no compulsion but* kalau *board members want to know they can always ask, and we can give the details.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *The investment board is different from the main board.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Seksyen 26 ya. Boleh bagi dia punya seksyen itu dekat kita, kita hendak tengok.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Seksyen 26.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Boleh *give us,* boleh ya? *Thank you.*

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat, izin saya mencelah. Syukri. Perkara ini sebenarnya telah ditanya beberapa kali oleh wakil majikan sama ada FMM dan MEF. Pihak jabatan— Merle, *secretary* dan *legal,* kita dah *confirmed* bahawa Akta Sumber Manusia perkara *investment* ini adalah di bawah Jawatankuasa Pelaburan dan *board* tidak ada apa-apa kaitan dengannya hanya untuk pengetahuan sahaja. Kami dah tanya beberapa kali. Melalui akta pada kami ikut akta sebab dah diberitahu dah *confirmed* macam itu. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tetapi ada satu soalan kalau keputusan boleh terus dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan dan terus dipakai, kenapa ahli lembaga pengarah diminta untuk tandatangan *arm's length*?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *The arm's length transaction has nothing to do with the investment board. That is arm's length transaction* makna *you have any proposal* ke apa-apa di *board which is a conflict of interest,* itu sahaja. *There is nothing to do with investment. If you have no interest in any of the projects* yang kita, dikemukakan di *board* kita *put the arm's length transaction.*

[Berbincang sesama Ahli Mesyuarat]

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Boleh saya minta pandangan ataupun kepada semua ahli lembaga pengarah juga sama ada Datuk Seri sedar bahawa apabila dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp ada sebuah dokumen iaitu *Review of Governance Framework* yang diterbitkan pada 18 Oktober 2018. Adakah anda dibekalkan dokumen ini? Sebuah laporan untuk tambah baik tata kelola HRD Corp.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Datuk.

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Cuma untuk makluman Yang Berhormat bahawa memang adanya dokumen tersebut yang mana dia punya apa– dokumen tersebut adalah disediakan semasa zaman mantan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Kula. Tetapi apa— maknanya apa yang di-*finding from that study* tidak pernah dibekalkan pun kepada ahli-ahli lembaga pengarah, tidak. Kita cuma tahu pun, cuma daripada pembacaan di surat khabar.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ini bermakna bahawa dokumen ini disimpan di peringkat kementerianlah?

Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Bukan, kementerian tidak simpan dokumen ini sebab dia adalah...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ataupun wakil dari KSM boleh jawab.

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Kementerian Sumber Manusia]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang ini, dokumen itu memang tidak disimpan di kementerianlah. *Most probably* mungkin disimpan di HRD.

[Berbincang sesama Ahli Mesyuarat]

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, saya minta pandangan HRD Corp, ahli lembaga memang tidak ada dokumen ini ke tak?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Not aware.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Seri, *you* hendak jawab, adakah atau tiada?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Not aware*-lah. *Not aware* tentang perkara ini. Tetapi untuk HRD Corp, setiap kali sejak saya mengambil alih sebagai pengerusi, banyak pembaharuan-

pembaharuan yang saya telah buat untuk memastikan segala tata kelola di HRD Corp mengikut peraturan kecuali yang saya sendiri *missed,* saya tidak sedar.

Kebanyakannya daripada masa mesyuarat pun kita setiap kali mesyuarat, kita mesti *declare no conflict of interest*, betul ya. Itu memang ada. Kemudian, sekiranya ada kontrak ataupun tender yang dibawa yang kita ragu-ragu kita tidak akan benarkan untuk diteruskan keputusannya. Kita akan mengarahkan balik jawatankuasa yang menguruskannya untuk membuat penyemakan semula sehingga kami berpuas hati. Itu adalah kita punya cara bekerja masa tersebut.

Mana-mana macam pelaburan tadi pun samalah. Maknanya kita akan pastikan dapatkan *due diligence* daripada mereka yang betul-betul pakar dalam bidang berkenaan untuk mengelakkan daripada pelaburan yang akan mengalami kerugian kepada kita. Itulah sebabnya kalau kita lihat dia punya trend— kita punya pelaburan dan sebagainya, memang meningkat. Kita tidak ada kerugian dalam hal tersebut.

Jadi, kita juga ada wakil daripada SPRM duduk bersama-sama kita dan saya juga berjumpa dengan Tan Sri SPRM, Tan Sri Azam Baki pada mula-mula jadi pengerusi untuk memastikan tata kelola di HRD Corp berlaku dengan baik.

■1550

Malah, semua syarikat-syarikat yang nak masuk menjalankan latihan, selepas enam bulan *register* sahaja yang kita benarkan. Kalau yang baru-baru punya, memang takkan dapat dan proses pembayaran juga dibuat setelah bila mereka mulakan kursus. Maknanya, kita akan lihat. Kita akan bayar berperingkat *(progress payment)* berdasarkan kepada kemajuan kursus yang dijalankan.

Maknanya, isu tak buat kursus tetapi duit dapat takkan timbul lagi. Itu antara pembaharuan transformasi yang kita buat. Okey, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Jadi– oh, okey. Sila.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, saya mencelah. Saya tak beberapa pasti sebab dokumen apa yang minta dirujuk. Sebab itu saya tak boleh nak *confirm*-kan. Kalau ada contoh dokumen itu, mungkin kita boleh *confirm*-kan dan sepanjang dalam *board* itu, banyak benda-benda pembentangan.

Contohnya, SPRM datang, tunjuk kelemahan dekat mana yang itu dan kita telah *address*. Ada masa-masa–*so,* saya tak tahu termasuk yang itu ataupun yang lain. YB, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, saya minta sekretariat tunjukkan dokumen yang saya ada ini. Nanti minta ahli lembaga pengarah *confirm*

dengan pihak PAC sama ada anda pernah dapat akses ke dokumen tersebut. Jadi, sebelum kami teruskan ke soalan selanjutnya, saya menjemput wakil AGC bagi sikit pencerahan berkenaan Seksyen 26. Tak ada? AGC tak ada?

Seorang Ahli: *I think, the other side.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Eh, AGC? Tak. Wakil AGC, ada? Boleh tampil ke depan?

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau kita tengok kepada Seksyen 26 ini...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ke depan, tekan *mic.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tekan *mic.* Pergi ke depan itu.

Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Kementerian Sumber Manusia]: Okey. Kalau kita tengok kepada Seksyen 26 ini, memang 26 adalah berkenaan dengan ahli panel pelaburan, siapa ahli yang boleh dilantik lah. Berkenaan dengan sama ada perlu atau tidak kepada– dibawa kepada lembaga, kalau kita tengok pada Seksyen 27(4) itu, dia ada kata, 'Panel Pelaburan hendaklah melaporkan status pelaburannya kepada Lembaga, apabila Lembaga meminta panel pelaburan berbuat demikian,'. *So, it's not compulsory.* Kalau ada permohonan daripada lembaga, baru panel pelaburan akan buat laporan lah. Kalau kita tengok pada Seksyen 26 dan 27 itu.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya nak tanya, *very technical question* saja. *In reference to* 27(1)(b)– *better interest* lah ini– maknanya, kalau 27(1)(b) itu, *shares and debentures in any public company etc,* nak tanya saja. *What about private equity? Has any investment made on private equity?*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya tak beberapa pasti fasal itu tetapi kalau kita tengok (c), *in such other investment or securities as the Investment Panel may decide.* Mungkin dia *fall under* situ, tuan.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Your intrepretation is that* lah? Maknanya, *private equity falls under (c)?* Betul, ya?

Seorang Ahli: Ya.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tuan YB, satu lagi. Saya bukan dalam *panel investment.* Saya nak maklumkan, saya

bukan *panel investment*, walaupun saya cakap itu tetapi pada fahaman saya, macam itulah. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Jadi, berkenaan dokumen yang saya sudah minta sekretariat tunjukkan, boleh saya tahu yang ahli lembaga pengarah pernah akses?

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya dah tengok dokumen itu. Saya baca sekali lalu. Saya rasa, saya tak pernah nampak dokumen itu tetapi *some* butiran itu ada di-*discuss*. Contohnya, *improvement* yang telah dibuat. Maknanya, setiap masa *board* nak bersidang, kita kena *declare*. Tak ada *conflict* dan *interest. So,* adalah item-item itu tetapi dokumen *per se* macam ini, saya tidak pernah nampak. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Bagaimana dengan ahli lembaga pengarah lain?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sama, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Semua sama? Tak pernah dapat akses?

[Ahli-ahli Mesyuarat berbincang sesama sendiri]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih, Pengerusi. Saya merujuk laporan dalaman. Laporan dalaman siasatan audit KSM ataupun rumusan yang disebut dan saya mohon pandangan, ya.

Yang pertamanya, disebut– saya baca, ya. Dalam laporan ini, berdasarkan temu bual bersama CFO PSMB, menyatakan PSMB tidak mempunyai *standard operating procedure* (SOP) berkenaan *revenue sharing* dengan *company,* ya. Kedua, dalam laporan juga mendapati *proposal evaluation Skills Passport* ini tidak pun dibentangkan kepada ahli lembaga pengarah.

Ya, walaupun tadi dibaca dalam aktanya itu hanya *complusory,* kan? Jadi, apa-apa hujahnya, kenapa tidak pun dibentangkan kepada lembaga pengarah? Adakah lembaga pelaburan ini mempunyai kuasa mutlak yang tidak perlu dirujuk kepada lembaga pengarah? Apa sebenar yang meletakkan keadaan itu? Terima kasih.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey lah. Berkaitan dengan pelaburan ini, jawatankuasa pelaburan ini walaupun kita ini mempunyai kuasa untuk membuat pelaburan tetapi segala benda– perkara yang kita buat ini, kita bukan boleh terus selepas– sebelum persetujuan, kita dah buat dia punya *due diligence*.

Selepas bersetuju pun, kita akan maklumkan juga kepada– mungkin CFO atau– CFO lah, ataupun CEO kena laporkan semula lah. Di umum– dimaklumkan kepada *board* untuk perkara-perkara yang memang ada keperluannya dan kena dapat juga *approval from*– kita kena maklumkan kepada *Minister*, ya. Betul, ya?

Kena maklumkan kepada *Minister* juga. Kita tak boleh buat keputusan mutlak, ya. Itu yang selalunya lah praktis yang kita amalkan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, dalam laporan maksudnya *proposal* itu tidak pun dibentangkan, itu betul lah ya? Itu nak buat *confirmation.*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dibentangkan kepada *board?*

[Saksi dari HRD Corp mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Disebut dalam laporan ini, tidak dibentangkan kepada *board*.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bentangkan itu, tidak.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Datuk, kena tekan. Datuk, kena tekan. *Please,* jawab.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak dibentangkan itu betul.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Saya nak baca sikit, YB Pengerusi. *You want to continue?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ada soalan...

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Saya ada soalan, nak minta *clarification*. Untuk berkenaan dengan Akta– 25, *non-utilization of fund* ini, sebab saya nampak *fund* yang dikategorikan sebagai *non-utilized* itu, semakin banyak. *Every year,* tiap-tiap tahun makin bertambah.

Jadi, *I just want to know.* Apakah prosedur *and how the board decide that the fund is unutilized and how much fund is it? How do you decide the fund become unutilized? So, that is still unclear* lah.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, Syukri *again.* Dia ada tahun dia. Saya rasa tiga tahun. Selepas lebih dari tiga tahun– dua tahun, dua tahun. Okey. Melebihi dua tahun, maknanya tak di-*utilized*. Itu memang ternyata. *So,* maknanya dia pergi ke *pool.*

■1600

Then, dia akan pergi ke *board* untuk dapat *approval* untuk menggunakan— untuk kebaikan pekerja-pekerja juga.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Dua tahun itu memang dalam akta? *Is it in the* akta *that two years?*

So, my question is how do you decide on one year, two years, or three years? Sebab *the amount is getting bigger and bigger. So, the concern among the* pekerja, *that is their money. And for the company, they have the right to use the money whenever they want to.* Lima tahun kah? 10 tahun kah? *That is our perception* sebab itu duit dia orang.

How do you decide one year, two years, three years? And it's a big amount, it's a big decision to be made.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Getting bigger and bigger.*

Dato' Haji Asri bin AB Rahman [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang ini kita— saya kurang pasti tetapi *if I'm not mistaken I think* kementerian kena semak balik kemungkinan punca kuasa kita minta daripada Jemaah Menteri tetapi kena semak balik Yang Berhormat.

For instance, the current direction from this current this government dikurangkan ke setahun, yang bajet baru ini oleh *current* PMX— setahun. *Normally,* dalam bajet apa semua mereka nyatakan, *they consider the policy statement by the government.*

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Dalam bajet baru ini, setahun kalau majikan tidak menggunakan lebih daripada 50 *percent* levi pada tahun berkenaan. Sudah 15 *percent* akan pergi ke *pool.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, boleh kita sahkan fakta ini dengan wakil MOF? Adakah ini betul? *[Disampuk]* Wakil kementerianlah.

Encik Azize bin Taib [Ex-officio, Kementerian Kewangan]: Yang Berhormat Pengerusi, kena disahkan oleh kementerian. Sebab bajet kita dah bentang bajet, peringkat dasar telah pun lulus. *So,* sekarang ini kita kena tanya kementerianlah sebab polisi itu datang *by right* daripada kementerian.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, minta semak ataupun wakil KSM boleh sahkan?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Yang Berhormat saya mohon untuk menyemak terlebih dahululah sebelum saya membuat sebarang pengesahan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Sila maklumkan kepada pihak PAC nanti ya.

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Baik, saya akan maklumkan kepada pihak urus setia.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Okey, tadi susulan daripada YB Ahli Parlimen Saratok punya soalan itu. Selepas itu Dr. Syukri ada menyatakan bahawa *unutilized fund* itu akan dimasukkan ke *board.* Maknanya pemakluman itu akan dimasukkan ke dalam *board.*

Setakat semasa semuanya berada menjadi *board,* apa jenis program yang telah diluluskan menggunakan *unutilized fund* tersebut? Kalau misalnya ahli-ahli boleh memberi contoh *for the knowledge of PAC, that would be very good.*

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, saya mohon tempohlah untuk menyemak sebab tak ingatlah.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Tak apalah, saya *reserve my comment*-lah sebelum nanti. *[Ketawa]*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya minta yang ini— minta kepada pihak CEO lah ataupun COO. Dua orang yang bertanggungjawab penuh berkaitan dengan perkara ini.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Tetapi Datuk Seri, adakah tak dibawa masuk ke dalam *board, any kind of* permohonan untuk menggunakan *unutilized levy* tersebut? Ataupun dia orang buat keputusan di luar daripada *board?* Sebab Dr. Syukri tadi maklumkan bahawa *unutilized levy* itu dimasukkan dalam *board.* Itu yang saya nak tahu itu sama ada program-program ini *depa* ini buat keputusan sendiri ke ataupun masuk dalam *board? Board discuss,* yang ini boleh, yang ini tak boleh.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Program besar— Yang Berhormat, program besar maknanya katalah Program PENJANA contoh ya. Ia akan masuk untuk umum ada tetapi detil kepada siapa, siapa itu. Itu tak dibawa kepada *board*-lah. Itu bukan *board* punya *decision,* kan?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB*, can I add on?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Yes,* sila.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Non-utilization of fund section 25,* YB. *It says, in gist,* kalau *the board can decide the term and in 20,* kalau tak salah 2018 kah? 2019? *In the record shows that we determined as two years.* Seksyen 25. Tidak menggunakan kumpulan wang. Di sana ia memang *clear*-lah, terang.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Ia nampak macam *blanket approval* ini. *Not batch by batch or year by year basis.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya, ya, *true.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Wah, *this is a major decision.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *It's a blanket approval given, and the board can decide then. The board would review every time. So, they've not reviewed now.*

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *Any request from the member of the board for the review? Since,* dia buat ini macam *blanket approval because if it is a concern to the board members,* mesti ada bawa perkara ini ke dalam perbincangan di dalam *board* untuk difikirkan semulakah ataupun *for review*-kah macam mana?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Yes, any matter that is brought to the board, the board would discuss the matter in open.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So,* Datuk *can I just ask. This approval that was given previously, it is still– unless it is changed by the board itself that approval will still be operational and subsisted until now.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Yes.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So, there is no requirement at least as far as we know for there to be a yearly or maybe six months, sort of approval to say that underutilized or unutilized levy can be used or it's up to two years. So, you don't need to constantly bring it back to the board?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Looking at the statement, it said, budget says one year, we may review it again if the board sits. And when the board sits, we may review. It was a matter which is brought for discussion, but we have not reviewed it as yet. Board has not sat. When the board sits probably, they will review.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *But before this was there any review?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *No, because there was no such a request yet.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Thank you,* Datuk.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: YB Pengerusi, *actually— the period is actually the discretion of the board.* Kalau kita baca seksyen

25, *If an employer does not make any claims against the fund within such period; what is such period? We don't specify what is such period – as may be determined by the board. So, the board has the full power to determine such period, one year, two years, three years, up to them. There is— I think if very free think — from the date of its registration with the corporation or from the date of the last financial assistance or other benefits granted by the corporation, the employer shall lose the eligibility to receive any financial assistance or other benefits not claimed for the period.*

This is free for all. The board determines. "Okey, kita bagi *two years". If they don't use, we can use whatever we want to use for* lah. *I think this is a free-for-all type. I think this is not a good section. I just would like to go back to YB Chairman* mengenai seksyen 27, mengenai *power to invest ya, power to invest. 27 number four.*

■1610

'The Investment Panel shall report to the board of the status of its investment whenever the board request the Investment Panel to do so.' Tadi Datuk Seri kata *during your time as a Chairman, you always ask them* lah kan *to give them the report. But in this case even the investment panel does not give also their– it is not the board dah* ini*, unless they request and I don't know whether the board all this while has been requesting or not.*

Then, the power of the Minister. Sekejap ya. Nak tengok *the power of minister* tu*. Ha, number three* tu *27(3), 'The Minister may, at any time, direct the vacation in part or in whole or prohibit investment in any security or class of securities.'* Ada tak Menteri pernah terlibat dalam perkara ini? *I don't think* Menteri pun *aware because there is so much thing for* Menteri *to think about.* Dia pun tak baca pun, ini dia punya *power. Can anyone respond?*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Kalau untuk *investment*, kalau...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *We're talking about billions of* ringgit. *Soon,* dia punya ada buat *RM1.5 billion in the next two years.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, mungkin saya menjemput Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Selalunya kalau untuk *investment* ini macam saya cakap tadi lah, selepas kita dah buat dia punya *due diligence*, dah dibentangkan kepada *board*, dah dapat persetujuan daripada *board* dan semuanya selepas di *approve* semua, kita akan maklumkan juga kepada Menteri. Kita tak boleh buat pandai-pandai sendiri untuk

apa buat keputusan untuk buat pelaburan berkenaan. Itu saja yang boleh saya maklumkan lah. Maknanya, bukan *100 percent board* mempunyai kuasa penuh ya tanpa melalui proses-proses berkenaan.

Untuk makluman kepada *board directors,* selalunya KE pada mesyuarat dia akan buat secara umum ya tentang *investment-investment* yang kita telah pun persetujui.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ada yang– ada tambahan?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Pengerusi *can I? Can I add on to this section 25* tadi*. Although we say two years* tapi *in practice,* amalan kita *we don't do it in two years. We give the employer time because our idea is to upskill and reskill. What's the point of they keeping the money there and we are going to deploy again for reskilling, upskilling. So,* biasanya *it doesn't happen at the cut of two years, we go and forfeit the money. It doesn't happen that way. In practice, it takes longer than that.*

Normally, we give them reminders and then lepas itu dia akan datang *and we allow them to use the funds. It's their funds.*

Datuk Hj. Abdul Kadir bin M.E Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk, *in between if they used within the two years even a small amount also and then it will be extended for another two years. As long as they use. If they don't use it completely for two years, then only it will be forfeited.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Hj. Abdul Kadir bin M.E Sikkandar [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp *There is a chance for them to use even a small amount. Say they got RM20,000, they use only for RM2,000 first. Then, the RM18,000 is not forfeited.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, boleh. Pengerusi, saya nak tanya *since you mentioned two years,* banyakkah kes-kes berlaku di mana lepas dua tahun mereka tidak pakai duit ini? Banyak tak kes berlaku? *You sure* ada *figures,* kan?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *This one, this matter only the* CFO, Kewangan *only will know the exact amount.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] A small percentage or a big percentage?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *It's a very small percentage not the big very percentage.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Small,* ya?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Sorry, must check with the* CFO*.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *What were presented to us the other day, regarding the total levy collected, projected and the amount utilized every year,* saya tengok nampak *about 60 percent only* pakai *projected the other day.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Thats why, that's why.*

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *So, 40 percent or 50 percent* memang dia tak digunakan. *This is back to the investment* tadi. Sebab *we want* HRD Corp *to focus on training not on investment.* Kalau ada duit lebih itu diguna pun untuk *investment, it's something not right there.*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat Datuk, sebenarnya untuk duit levi ini bukan tujuan kita untuk *investment*– adalah untuk *training* kepada mereka yang telah menyumbangkan dia punya levi berkenaan kepada kita. Cuma yang diambil selepas tempoh yang kita dah tetapkan itu sahaja yang kita rampas. Jadi dia tidak ada kaitan terus dengan pelaburan. Kita tak ada berniat untuk melabur gunakan duit berkenaan, betul?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Itu bukan tugas kita. Sebab tugas kita adalah untuk *train* orang-orang yang telah memberi levi kepada kita yang telah pun kita tetapkan. Itu sahaja lah daripada saya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saratok.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Di dalam *board of director* tadi ada tak wakil *employers*?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ada.

Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: *So,* macam mana dengan pandangan daripada *employers* ya, kompeni-kompeni di mana mereka buat bayaran tiap-tiap bulan, tidak dapat dipakai dalam masa dua tahun dan itu *forfeited. Because this amount is very big. We are talking about according to the projection,* ya. *Easily by 2025* ya, *RM2 billion per year. This is a big amount.* Kalau tidak boleh dipakai untuk *training,* simpan sahaja situ. *Because* HRD Corp ini bertindak sebagai menjaga kepentingan pekerja untuk ber-*training*. Kalau lima tahun kah, 10 tahun kah, *let it be there, that's their money. That is my point because* sebagai *employers,* mereka

mungkin tak ada tempat untuk menyuarakan ini. Jadi, saya minta pandangan daripada wakil *employers* dalam hal ini.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB saya Syukri daripada Persekutuan Majikan-majikan Malaysia. Kita faham semangat bila ditubuhkan HRDF dahulu adalah untuk memastikan majikan melatih pekerja. *I think that's the first objective.* Sebab yang lepas, bila tak ada matlamat itu pekerja tak dilatih. Sebagai majikan, kami rugi juga. Kalau tak latih pekerja, produktiviti rendah.

So, sebab itulah kita bersetuju untuk dengan levi tersebut sebab kita mahu semua majikan latih. Tetapi setiap kali kami bagi tahu HRDC, pertama kami mengatakan bahawa kena maklumkan majikan-majikan tersebut sebelum *forfeited* sebab itu duit kami, duit majikan dan patut digunakan kembali. Itu sebab kami memastikan itu berlaku sebab duit itu kena kembali balik untuk ini sebab kebanyakannya yang tak hantar *training* ini sebenarnya Yang Berhormat, *is* SME, *company* kecil-kecil yang dua tiga orang, dua-dua– yang lima, enam orang dan sebagainya.

Sebab itulah baru-baru ini sebelum bajet sebelum ini kami ada ber-*discuss* semula dengan HRDC. Kami bersetuju untuk yang baru punya *term* sebab duit yang *forfeited,* orang tak ambil itu boleh dibagi balik *company* yang *small-small*, yang kecil-kecil yang SME ini untuk melatih pekerja mereka semula. Sebab ada kami itu mungkin RM3,000, RM20,000, RM5,000 tak boleh nak hantar *training* dan kami telah *address* ini.

Satu lagi, kami juga telah membangkang salah satu dulu, setiap kali nak hantar pekerja dia nak *charge* levi itu untuk membayar *the percentage*, majikan tak setuju. Majikan tak setuju, sebab itulah HRDC kena buat *investment* sebagainya untuk menanggung kos operasi. Sebab kami tak setuju levi kita dipotong untuk bayar kos operasi sebab sepatutnya levi itu kembali balik pada *training*. Sebab itulah HRDC kena *independent* untuk mendapat dana untuk jaga operasi syarikat. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tak apa, saya ada satu soalan ya, boleh saya tahu sepanjang masa Datuk Seri, Dato' menjawat jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah pernah sertai mana-mana *working trip* ke *oversea* tak?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak ada. YB, tak ada.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Untuk Ahli Lembaga tak ada, kan?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Seri ada?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya ada satu kali.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tekan *mic*.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Satu kali.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ke mana?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Jepun.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jepun?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sebab ada kaitan dengan apa itu berkaitan dengan HRD Corp.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Jadi Ahli Lembaga lain?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang lain tak ada.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey, saya nak...

■1620

Ada satu soalan yang daripada perspektif yang lain sikit. Apabila isu *Skills Passport* tu timbul, satu pendekatan telah diambil untuk mengadakan audit dalaman dan *report* itu pun telah dikongsikan dengan PAC. Tetapi satu ketika dahulu juga 2018, ada cadangan-cadangan menambahbaikkan di mana ditegur di masa itu untuk *internal audit* itu bukan *report* kepada ketua eksekutif tetapi *report* kepada *board audit risk management* punya komiti. Jadi, adakah perubahan itu dah berlaku ataupun masih lagi *internal audit report direct* kepada *chief executive?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *We have a recent audit management team. I mean the committee* yang kita *report* sana.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Apa *internal audit report* kepada?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Internal audit, we are represented but* BARMAC *has a watch on all this. Recent audit committee.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Internal audit of HRDC* dibuat pada BARMAC? *Is that true? Appointment of the internal auditors are not now, is no more directly appointed by the CEO and report directly to the CEO. Am I getting the fact correct?*

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya rasa dia ada dua *reporting* dia. Satu *reporting operational,* cuti dan sebagainya memang dekat CEO sebab kita tak ada *purview* tetapi *Committee of* BARMACada

access direct to internal auditor. Bila *internal audit* ada masalah apa-apa, dia akan *present* ke BARMAC *Chairman and* BARMAC *committee.* Kalau itu dimaksudkan *report* ke BARMAC, memang ada akses ke BARMAC dan *report* itu dibentangkan ke BARMAC, BARMAC akan *question internal auditor* dan sebagainya.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *The SOP now is to BARMAC* lah sekarang ini?

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya, *report* semua ke BARMAC. Lepas itu baru ke *board.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *All right, thank you.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, satu lagi projek ya yang ingin saya tahu berkenaan *micro credentials.* Boleh saya tahu *micro credentials* ini dibawa masuk– cadangan tu dibawa masuk oleh pihak mana ya ke *board?* Ada ahli lembaga pengarah yang ambil tahu tak? Semua tak ingat?

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Micro* – saya Syukri. *Micro credentials* itu dibawa oleh pihak majikan – eh, *sorry.* Bukan majikan. Pada pihak *management* ke dalam *board.* Kita *discussed* secara rawak dan *discussion*-nya dan kemudian ada *announcement.* Saya ingat *because* masa itu semua *call* saya, tanya dan majikan semua berbincang tak puas hati sebab apa benda itu jadi *compulsory. So,* pihak *management*— tetapi lepas itu, kita industri berbincang kembali dan kita berjumpa dengan HRDC, kita mohon untuk adakan satu *technical committee.* Sebab kita faham semangat itu bagus *micro credentials* ini. Untuk *micro credentials,* dia boleh belajar sebagai dia dapat kredit dan boleh sambung dan sebagainya.

So, bila dah ada kekhilafan di antara majikan, kita berbincang semula dan kita adakan *technical committee* dan *technical committee* itu telah dihadiri oleh pelbagai majikan. MEF, FMM dan sebagainya. Sudah *technical committee* itu dah bincang *(discuss), agree,* lepas itu tak salah saya masa Datuk Seri Jamil itu kita bawa lagi ke dalam *board.* Pada masa *board* itu, semua orang setuju kecuali FMM, tidak bersetuju. *So,* dia bawa balik dan dibentangkan, FMM tak setuju, sebab majoriti setuju, kita teruskan termasuklah MEF bersetuju sebab dah dimuktamadkan oleh jawatankuasa teknikal di luar *board.* Terima kasih YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi sepanjang perbincangan itu ada— ada mana-mana persetujuan ditandatangani oleh HRD Corp dengan pihak mana-mana tak?

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Itu saya tak pasti sebab saya tak tengok yang detil. Kita dekat *board* dan dekat majikan sahaja, YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Kerana dalam minit bagi Mesyuarat No. 4/2022, ada nyatakan bahawa *"As a result of the board decision, the board further agreed that the current agreement with MAC be terminated"*. Jadi, boleh saya tahu apa *agreement* yang telah di-*terminated* ya?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya rasa yang ini perlu dapat pengesahan daripada CEO ataupun COO sebab mereka yang menguruskannya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tetapi ini *board members* yang setuju kan?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ya lah, lepas setuju, *terminated* itu kita tak tahu lah apa yang berlaku selepasnya.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Maksud saya, apa persetujuan yang diputuskan tu?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Tak ingatlah YB.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Semua tak ingat ya. Nantilah kita panggil balik bila dah ingatlah.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]: *But for me I think this is quite unfair for PAC which is– I mean to hear the answer of,* "Tak ingat, tak ingat" sahaja. *So, it is so difficult for us to do our job as well* sebab semuanya tidak diingat dan kami punya laporan tidak boleh *submit* sahaja, "oh sebab tidak diingat". *So, is there a way* dapat diingatkan *all the details? Are there any minutes or any witness that we can…*

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, YB, mohon maaf. Saya mohon maaf banyak-banyak YB sebab kami difahamkan untuk menjawab isu *Skills Passport.* Kalau YB minta yang lain-lain, *insya-Allah,* kami akan *refresh* balik dan rujuk balik semula sebab *it has been a year* YB. *It has been a year...*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dato', boleh saya tahu siapa yang memaklumkan bahawa kami hanya akan tanya soalan berkenaan *Skills Passport* ya*?*

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Oh, saya dimaklumkan sedemikian YB sebab...

Seorang Ahli: Siapa, siapa?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Dimaklumkan oleh siapa?

Seorang Ahli: Siapa yang maklumkan?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: HRDC, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Siapa, siapa dalam HRDC?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sekretariat HRDC.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Siapa dia? Siapa yang maklum?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Saya dimaklumkan oleh Merle.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Merle siapa?

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Kementerian Sumber Manusia]: Merle itu *company secretary.*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ah, okey.

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Mohon maaf YB.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada soalan lagi?

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *I just one, last one. I think that I raised this question to the Minister last week also but very simple question because* pembelian hartanah kalau mengikut enakmen sepatutnya diteliti oleh Ahli Lembaga Pengarah HRDC sebelum dia dipertimbangkan dan dibuat keputusan oleh Menteri.

Dan *I* nak tanya kepada ahli-ahli lembaga yang hadir, adakah kesemua cadangan untuk membeli hartanah itu dibawa kepada ahli lembaga pengarah sebelum dia diteliti oleh Menteri?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Semua dibawa.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Semua dibawa dan adakah segala keputusan yang telah dibuat oleh ahli lembaga pengarah dikemukakan kepada Menteri?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ada.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Ada. Termasuk Menteri yang sekarang? Yang terkini, *current Minister.*

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Sekarang saya tak tahu. *Management* yang uruskan.

Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan [Kementerian Sumber Manusia]: Yang Berhormat, setakat yang saya tahu, sekarang ini belum ada sebarang ini lagilah dengan Menteri yang sekarang ini.

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: Saya— nanti kejap. Saya dimaklumkan bahawa mana ini, tak nampak. *[Ketawa]* Ada *briefing session* 16 November kepada ahli-ahli *board* mengenai PAC *proceeding*. Boleh tak kongsikan dengan kita apa yang telah di-*brief*-kan kepada ahli-ahli *board* ini?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Okey, kita *meeting* ini sebab kita nak dapatkan dia punya maklumat sebab kita semua dah lama tinggalkan HRD Corp. Jadi, kita nak dapatkan maklumat-maklumat ni supaya kita tidak ada apa itu buat kenyataan-kenyataan yang tak bercanggah ataupun tak berkaitan. Itu sahajalah.

■1630

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Siapa yang mempengerusikan taklimat tersebut?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Ia tidak ada pengerusi sebab pengerusi semua dah tak ada lagi. Saya pun bukan jadi pengerusi lagi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Siapa yang bagi taklimat?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* CEO.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: CEO, CEO. *No*, CFO. CFO.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Siapa yang hadir dalam taklimat/perbincangan/mesyuarat ini?

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Majoriti daripada kita punya *ex-board directors* dan juga *board director*. Kita cakap benda yang benar.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: HRD Corp, daripada HRD Corp?

Dato' Ruhaidini binti Abd Kadir [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Datuk CE. Datuk Shahul.

Datuk Seri Jamil Bin Salleh [Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp]: Shahul dan juga CFO.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: CFO, okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Puan Pengerusi, sedikit. Mungkin soalan secara umum lah, ya. Saya tuju kepada Datuk TKSU berkaitan dengan langkah pemulihan ke depan lah ya khususnya untuk *long term* punya

program kita ni ya. Khususnya untuk kita katakan keperluan asas latihan kepada pekerja ini.

Jadi, di pihak kementerian sendiri tahun ini kita dapat peruntukan tambahan RM1 bilion, ya. Jadi, tahun depan pun ada dapat lagi ya. Jadi, di pihak kementerian sendiri adakah sudah ada pelan pemulihan dan juga mungkin ada *adjustment* bagaimana hal-hal yang menjadi polemik ini dapat diperbetulkan dan tidak ada lagi timbul yang menyebabkan ada keraguan di pihak awam ya berkaitan dana yang kita telah *collect* ini. Saya yakin perkara ini kita perlu ada satu rasionalisasi baharu kepada semua pihak lah, ya. Bagaimana kementerian melihat perkara ini?

Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Yang Berhormat, bagi pihak kementerian apabila berlaku perkara-perkara yang sebegini *of course* lah kita memang berhasrat untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya lah. Tetapi dalam perkara ini perlu kita ingat bahawa CEO ini melapor terus kepada Menteri lah kerana lantikan Menteri. Apa ini, apa ini, ahli-ahli lembaga pengarah dan Pengerusi HRD– semua ini.

Walau bagaimanapun, saya melihat bahawa kita masih ada lagi prosiding-prosiding PAC yang masih berjalan dan mungkin ada banyak lagi perkara-perkara cadangan penambahbaikan yang mungkin boleh kita pertimbangkan sebelum kita mengambil langkah-langkah yang sewajarnya lah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di masa hadapan, Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Baik, Yang Berhormat-Yang Berhormat ada soalan lagi? Datuk? Okey.

Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Nanti kita *decide* sama ada hendak panggil balik ke tak.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya, nanti pihak PAC akan buat keputusan lagi lah sama ada kita perlu panggil semula lagi. Datuk Syukri.

Dr. Mohd Syukri bin Ahmad Sudari [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak puas hati sikit sebab saya tak cakap tadi, ada berkenaan dengan perkara yang penting. Saya wakil majikan. Kalau tengok *minutes* yang sebelum ini nama saya banyak dengan Datuk Rosli. Macam-macam saya tanya untuk memastikan kepentingan majikan dijaga sebab itu duit kami, sebab itu dia hantar saya dan FMM. Itu satu.

Nombor dua, pada bulan sepuluh itu memang ada perbincangan. Tengok minit memang nama saya ada. Tetapi bila dekat *Skills Passport* itu tak ada siapa-siapa. Sebab pertama, kita yakin bahawa benda itu tidak ada kos*, management*

beritahu tidak ada kos dan benda itu *voluntary basis* dan benda itu niat, hasrat baik. Sebagai majikan kalau benda itu, tidak ada masalah.

Datuk Rosli satu malam sebelum bulan tiga itu menghantar *email*, hantar surat pertuduhan yang diberikan amat berat. Saya tidak berapa setuju dengan pertuduhan itu sebab dia kata memanipulasikan minit sebab agak berat. Sebab masa dalam perbincangan itu, saya ada. Saya cakap dengan Datuk Raja tunggu Datuk Rosli balik sebab nak bincang. Lepas itu, bila– saya tidak ingat sebab dah lama sangat daripada bulan 10 sampai bulan tiga prosiding itu dalam *board* itu. Tetapi saya kata tolong tengok rakaman sebab setiap masa itu ada rakaman, dalam *minutes* itu. Betul lah seperti rakaman memang ada benda itu dibincangkan.

Pada masa itu ada perbalahan di dalam *board* mengatakan tak bincang, dah bincang dan sebagainya. Cuma kita menjurus kepada dua benda sahaja, dua perkara. Pertama, topik itu dibincangkan di dalam CE *Report*. Tetapi dalam CE *Report* cakap untuk *approval. So*, ada kekhilafan *among the board members. So*, kita telah bersetuju selepas ini kalau ada pembentangan *paper,* masukkan dalam agenda yang berbeza daripada CE *Report. Board member* dah setuju. Datuk Rosli pun cakap dia akan hantar surat minta maaf sebab di atas pertuduhan itu.

Saya ingat dah *closed* sebab kita tak nak benda itu berpanjangan. Benda itu dah *closed* tetapi benda itu sebenarnya tidak berkesudahan. Ada di media, lepas itu dalam *board* yang bulan empat ada lagi surat. Saya pun tak tahu macam mana hendak mengakhiri sebab pada saya kalau ada perbalahan, ada perbincangan, bentang atas *board*, kita *discuss*, kita *debate* sebab sebelum ini memang *debate, very transparent process.*

Tengok minit, saya merayu kepada Yang Berhormat, tengok minit. Nama saya, nama rakan-rakan saya FMM semua memang ada kita tanya pelbagai soalan. *So*, saya tidak tahu di mana silapnya, mungkin ada ego yang besar sebab itu kita membazirkan duit rakyat dengan perbincangan-perbincangan yang tidak– pada saya yang tidak memberikan manfaat kepada siapa-siapa.

Nama HRDC tercemar. Tiga tahun kami bekerja keras untuk memastikan HRDC naik nama. Sebelum ini SPRM rekod ada. Tengok *last three years* tidak ada rekod. Kami memastikan benda itu. Tetapi sekarang ini rasa kecewa sebab tiga tahun *board members* habis. Kawan-kawan saya telefon, *"Syukri, are you sleeping in the board?"* Kata, "Tak. *We are fighting to make sure that the levy of the employers being kept."* Tetapi *because of* dah berlaku, kita hadapi lah. Minta maaf YB, saya rasa itulah saya hendak memberitahu lah saya punya rasa dalam ini, terkilan saya sebab kita dah bekerja dengan terbaik– perasaan. Kita dah bekerja bersungguh-sungguh tetapi jadi macam ini. Terima kasih YB.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Terima kasih atas pandangan. Jadi, kalau ada lagi? Datuk Rajasekharan.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: YB, *I just want to– there were two audit reports* itu, *one was by Human Resource Ministry* yang buat *internal audit. There was one more done by* BDO *which I have a copy here. If you want to, I can present to, I can give it to you.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Sila bekalkan sesalinan kepada pihak PAC.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *Okey, should I give it formally or shall I give it to you?*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Secretariat.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itu audit *report on* apa itu?

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *On this particular matter, on the Skills Passport.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Skills Passport,* okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *I think* YB Pengerusi, kalau boleh– saya rasa kita ada prosiding ini untuk cuba mendapatkan kebenaran atau *truth*. Jadi, kita bukan berada di sini untuk tuduh sesiapa dan sebagainya. Soalan-soalan adalah *fact-finding mission. Not fault-finding mission. There is a difference*. Jadi, sebab itu saya rasa tidak perlu melihat ini sebagai satu serangan atau kita nak tuduh apa-apa dan sebagainya.

Tetapi persoalannya ialah ada beberapa perkara yang kita nampak seperti tidak jelas dan sebagainya. Sebab itu kita kena tanya soalan. Saya bagi contoh berkenaan dengan *Skills Passport* ini tentang surat yang saya bangkitkan dan juga buat masa ini kita tidak dapat lagi *agreement* tersebut. *Agreement Skills Passport, we have not received it.*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] I will make sure...*

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *So, and this is not* kita baru minta. *We have actually asked for it a number of weeks ago. So, you can see where we are coming from. When there are gaps in information, and we need those gaps to be filled in and that is why we have this proceeding. We thought that perhaps board members* boleh memberikan penjelasan sebab berada pada situasi yang mana mereka yang membuat keputusan dan sebagainya. Tetapi masih ada kelompangan dalam maklumat pada PAC ini. Jadi, sebab itu persoalan-persoalan kami menjurus kepada untuk mengisi kelompangan tersebut. Terima kasih.

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: Yang Berhormat *Chairman, I just want to fill in to what counsel has said. We are not aware that you've asked for the agreement,* kita tak tahu *because board has not been from June, the board is not functioning. So, we are not aware. But I'll raise it to the* CEO *and the management as to why and the company secretary as why when documents requested is not given, as a board member I will do my duty.*

I share my disappointment with Encik Syukri *because the same feeling we had because as far as we are concern* YB, Datuk Rosli *is a very constructive man who gives constructive criticism.* Tetapi *a man of such level has done, as he said, a certain damage to us and we feel lousy because we are all board directors.*

So, we share the sentiment not for anything else. When you are called by PAC *there must be something very serious that we need to answer. So, we have answered most of the questions that we know. But facts or agreement* biasanya *it's not a practice to go through the agreement in the board. But if you need any agreement, any document, any form, you always can get it from the company secretary which I'm sure– and I'm sure our* YB Datuk Seri *although he is no longer in the board, will ensure that these documents are sent to you.*

■1640

We apologise if there is any shortcoming that when some of them have said, they can't remember, sebab memang *they can't. One is age factor, probably. [Ketawa] I'm not sure but let's not– we let's go on the common goal. That's what the council has said, with the good intention to resolve a problem. Not kept problem because we already know.*

There are two reports which keep a clear bill, and yet, there are further questions. That's what puzzles us. Thank you.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Jadi, kalau Ahli-ahli PAC tidak ada soalan lagi, tidak ada pandangan. Kalau tak ada, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua saksi dan juga wakil KSM...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sikit sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Oh Datuk Wira ada lagi? Okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Mengenai tempoh wang tidak digunakan ini, kita *leave it open to be determined by the board. What is the most appropriate period, you think, is the right period to determine that this money is not used, and we can use it for other things? What should be the right period of time?*

Datuk Rajasekharan a/l Ramasamy [Mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp]: *The idea of using the fund is for the purpose of upskilling, reskilling.* Kalau dia tak gunakan wang ini untuk dua tahun, *you* simpan sahaja *in fixed deposit, what is the point? Our objective of HRDF is to train people. So, why are we keeping the money that we have to push them?*

That's what Datuk Kadir *said earlier, small amount* pun okey. *It's okay, if 10 percent or 20 percent of your amount is used for utilization, for training, we acceptable. The reasonable period should be two years, but we don't do it in actual practice.* Kita tak gunakan dua tahun. Kadang-kadang, kita *extend to* tiga tahun.

Although the management— but if you want a limited period, then we have to bring it into the Act. We have to amend the Act-lah.

Puan Wong Shu Qi [Timbalan Pengerusi PAC]: Terima kasih. Jadi, Datuk Wira tak ada soalan lagi ya?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[Ketawa]* Okey, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berusaha Encik Mohd Hazli bin Ahmad @ Adnan, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kewangan dan Sumber– oh, maaf. TKSU ada di sini, Yang Berbahagia Datuk Haji Amran dan juga Datuk Seri Jamil Salleh, mantan Pengerusi HRD Corp dan juga saksi-saksi yang hadir pada petang ini.

Kami nanti akan buat keputusan lagilah perbincangan sama ada kita perlu sambung atau panggil balik saksi untuk membantu kita dalam siasatan kes ini. Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.43 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 23 November 2023

Bil 6(e) / 2023

MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:
Pengurusan Dana Latihan dan
Keberkesanan Program Latihan HRD Corp

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad,
Timbalan Ketua Setiausaha

HRD Corp
(i) YBhg. Datuk Ariff Farhan Doss,
Ketua Pegawai Operasi

(ii) YBrs. Tuan Elanjelian Venugopal,
Mantan Pegawai Ketua Pegawai Eksekutif

PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 23 NOVEMBER 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira W Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Adila binti Hamdan [Pegawai Tadbir [Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Noor Sakina binti Saad [Ketua Unit Projek Khas Jawatankuasa Khas/Majlis Khas]
Puan Normie Baizura Amiruddin [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]
Encik Amiruddin bin Abdul Karim [Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]
Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara
Puan Suraya Adnan [Ketua Penolong Pengarah (Sektor Audit)]
Encik Isam bin Ismail [Penolong Pengarah (Sektor Audit)]

Jabatan Akauntan Negara
Puan Hanim binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah WA54 (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Encik P.Gunalan Perumal [Penolong Persuruhjaya]
Encik Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah [Timbalan Pengarah (Sektor Pentadbiran Siasatan)]
Encik Zulhairy bin Zaidel [Ketua Cawangan Pemeriksaan]

Kementerian Ekonomi
Encik Mohd Shihabudin bin Mukhtar [Timbalan Pengarah (Bahagian Pembangunan Modal Insan)]

SAKSI

Kementerian Sumber Manusia
YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad [Timbalan Ketua Setiausaha (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]
Puan Shamsurryaty binti Shamsuddin [Penasihat Undang-undang]

HRD Corp
YBhg. Datuk Ariff Farhan Doss [Ketua Pegawai Operasi]
YBrs. Tuan Elanjelian Venugopal [Mantan Pegawai Ketua Pegawai Eksekutif]
Puan Lim Mee Yee [Pengurus Kanan]
Cik Rinishhaa Vijaya Kumar

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
TINGKAT 2 BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN,
PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 23 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.36 petang

*[Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Kita boleh mula ya prosiding hari ini. Salam sejahtera dan selamat petang. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan salam daripada Pengerusi PAC, Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin yang tidak dapat hadir dalam mesyuarat hari ini kerana mempunyai urusan luar yang tidak dapat dielakkan. Sehubungan itu, YB Pengerusi PAC meminta saya untuk mempengerusikan mesyuarat pada petang ini.

Selamat datang kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli ex-officio PAC terdiri daripada Jabatan Peguam Negara– ada? Okey. Jabatan Perkhidmatan Awam, okey. Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi serta Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada petang ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen menyambung prosiding berkenaan pengurusan dana latihan dan keberkesanan program latihan HRD Corporations (HRD Corp). Ini adalah prosiding kelima membabitkan pengurusan dana latihan dan keberkesanan program latihan HRD Corp. Dalam prosiding pertama yang diadakan pada 23 Oktober 2023, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) selaku pegawai pengawal Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berbahagia Datuk Wira Shahul Dawood, Ketua Eksekutif HRD Corp.

Manakala prosiding kedua diadakan pada 1 November 2023, jawatankuasa ini telah mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Datuk Rosli bin Yaakub, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp, merangkap Timbalan Setiausaha (Sektor Tadbir Urus dan Korporat) Bahagian Syarikat Pelaburan

Kerajaan, Kementerian Kewangan dan Yang Berbahagia Datuk Chia Hui Yen, mantan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp.

Dalam prosiding ketiga yang telah diadakan pada 2 November 2023, PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia.

Prosiding keempat telah diadakan pada 20 November 2023. PAC telah mendengar keterangan dan penjelasan daripada barisan Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp bagi sesi tahun 2022. Lanjutan daripada prosiding berkenaan, PAC ingin mendapatkan beberapa maklumat lanjut berhubung HRD Corp.

Hadir di hadapan PAC bagi memberi penjelasan kepada PAC dalam prosiding pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, TKSU (Dasar dan Antarabangsa) KSM selaku pegawai pengawal KSM.

■1440

Yang Berbahagia Datuk Ariff Farhan Doss, Ketua Pegawai Operasi HRD Corp dan yang Berusaha Tuan Elanjelian Venugopal, mantan Ketua Pegawai Eksekutif HRD Corp. Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, TKSU Dasar dan Antarabangsa KSM untuk memulakan pembentangan. Silakan Yang Berbahagia Dato' Haji Amran. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Amran Bin Haji Ahmad [Kementerian Sumber Manusia]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya Amran bin Ahmad yang merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Antarabangsa sebagai pegawai pengawal dan juga Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia buat masa ini. Saya telah menghadiri PAC ini bermula daripada PAC yang pertama sehinggalah ke hari ini. Saya kira saya telah memberikan penerangan-penerangan mengikut bidang kuasa ataupun apa yang sepatutnya bagi pihak kementerian.

Seterusnya perkara-perkara lain Yang Berhormat Pengerusi, saya rasa elok diteruskan dengan Datuk Ariff yang merupakan pegawai daripada HRD Corporation yang mungkin lebih arif daripada saya tentang perjalanan HRD dan juga mantan CEO HRD Corporation sebelum inilah. Bagi saya, saya belum pernah lagi menghadiri mana-mana mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah HRD Corp sepanjang saya menjadi Pemangku Ketua Setiausaha ini. Mungkin Datuk Ariff dan juga Tuan Elanjelian lebih arif daripada saya untuk perkara yang seterusnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Datuk. Mungkin sebelum kita memulakan pembentangan, saya menjemput Datuk Ariff dan juga Tuan Elanjelian untuk memperkenalkan diri sendiri, latar belakang dan tempoh masa yang

dilantik atau bertugas di HRD Corp. Sebelum itu, bidang profesional anda di mana? Terima kasih. Mungkin minta mantan CEO HRD Corp, Tuan Elanjelian.

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: Terima kasih Puan Pengerusi. Saya Elanjelian. Sebelum– *qualification* saya sebenarnya saya pernah jadi jurutera kapal. *That was my original.* Selepas itu, dapat *master's* dari US dalam bidang *International Affairs*. Selepas itu selama 12 tahun saya bekerja sebagai *Program Officer, Grant Officer*. Jadi, saya menjalankan– saya bekerja dengan yayasan yang memberi dana kepada sesiapalah NGOs. Kebanyakannya NGO.

Juga, saya menjadi pengasas untuk Yayasan Hasanah di Khazanah Nasional Berhad sebab semasa mereka menubuhkan Yayasan Hasanah, saya dipanggil untuk bertugas di sana untuk menubuhkan satu dana bernilai RM3 bilion. *So*, saya menjadi pengasas dana tersebut dan juga membuat prosedur semua tentang Yayasan Hasanah itu dibuat oleh saya semasa tahun– dari tahun 2012 sampai tahun 2014. Selepas itu, saya menjadi perunding bebas selepas– 14 menjadi perunding bebas untuk empat tahun. Selepas Pakatan Harapan menubuhkan kerajaan pada tahun 2018, saya dilantik sebagai Ketua Eksekutif selama— saya rasa 20 bulan. Tempoh jawatan saya dari Julai 2018 sampai Mac 2020. Perjawatan saya di— *was essentially terminated. My contract was terminated. Since then I have been running my own fund. I manage investment fund.* Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih. Datuk Ariff.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Assalamualaikum*. Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi, Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Nama saya Ariff Farhan. Saya bermula sebagai seorang akademik di sebuah kolej swasta yang bernama *Stanford Collage* dan kemudiannya menjadi seorang *research fellow* untuk *Institute of Strategic and International Studies* untuk dua tahun lebih. Di mana saya juga berpeluang menjadi sebahagian dari pasukan dasar untuk Pejabat Timbalan Perdana Menteri semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kemudiannya menjadi pegawai dasar di Pejabat Timbalan Perdana Menteri semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Timbalan Perdana Menteri. Kemudiannya saya bekerja dengan Yayasan Budi Penyayang Malaysia sebuah yayasan yang dimiliki oleh keluarga Tun Abdullah Ahmad Badawi dan diasaskan dan juga dipengerusikan oleh Tun Endon Mahmood. Selepas daripada sana, saya menjawat jawatan sebagai Ketua Strategi di HRD Corp mulai April 2020.

Saya mempunyai latar belakang undang-undang. Pernah bertugas di firma guaman. Saya mempunyai ijazah daripada USM, Pulau Pinang. Saya juga mempunyai ijazah sarjana daripada Universiti Malaya dan juga ijazah sarjana daripada UNITAR. Itu latar belakang saya setakat ini. Terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih. Kalau tidak ada soalan berkenaan latar belakang mungkin saya menjemput Datuk Ariff untuk memulakan pembentangan terlebih dahulu. Sila *on*-kan *mic*.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, wakil kementerian dan agensi yang mengambil bahagian. Yang Berbahagia Dato' Haji Amran, TKSU Dasar dan Antarabangsa KSM. Terima kasih kerana memberi saya peluang berhadapan dengan jawatankuasa ini. Saya bermula dengan merujuk kepada sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan pada 28 Jun 2018 iaitu sebuah Jawatankuasa Penyeliaan Tadbir Urus atau *Governance Oversight Committee* yang telah ditubuhkan oleh Menteri Sumber Manusia pada masa itu Yang Berhormat Kulasegaran.

Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan kerana Pembangunan Sumber Manusia yang sekarang dikenali sebagai HRD Corp telah lama merupakan sebuah agensi yang sering kali dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa dan tadbir urus yang kurang cekap. Mandat yang telah diberikan kepada jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji semua aspek tadbir urus Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Mereka telah membuat beberapa syor untuk lembaga pengarah serta pengurusan PSMB melaksanakan supaya kejadian salah laku tidak berulang. Malangnya, kajian ini telah dipendam oleh pengurusan sebelum masuknya kepimpinan baru PSMB sekitar tahun 2020.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Ariff, nanti sekejap ya. Adakah Datuk Ariff merujuk kepada dokumen?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya. Yang di belakang sekali *Governance Report. Yup.* Dia ada *blue separator* punya apa. Okey. Penemuan hasil kajian telah dikongsi melalui satu nota Jemaah Menteri kepada PSMB pada 13 September 2018 untuk kegunaan MOHR. Antara penemuan kajian kerangka tadbir urus adalah seperti berikut:

Pengawasan lemah oleh lembaga pengarah atas keputusan penting dan operasi dana.

Keduanya, pengawasan tadbir urus lembaga pengarah yang lemah, tiada mekanisme pemantauan konflik kepentingan yang efektif.

Ketiganya, peranan dan tanggungjawab yang tidak jelas untuk lembaga, jawatankuasa kecil lembaga dan pengurusan kanan.

Keempatnya,struktur organisasi yang kurang berkesan.

Kelimanya, peranan objektif tidak selari dengan mandat PSMB.

Keenam, tiada padanan antara kemahiran dan kecekapan ramai daripada pegawai pengurusan kanan PSMB.

Berikutnya fungsi pemantauan yang kurang berkesan. Tiada pengasingan dana majikan dan dana operasi. Tiada kawalan proses yang memastikan tidak ada pembaziran, salah kuasa dan salah guna dana kemahiran. Kekurangan polisi dan proses dalam banyak hal berkaitan pengurusan; dan terakhir, had kuasa yang lemah iaitu *limits of authority.*

■1450

Saya akan menghuraikan dengan memberi beberapa kes-kes yang merujuk kepada perkara-perkara tersebut. Walaupun penemuan kajian ini adalah pada tahun 2018, tetapi boleh dikatakan kelemahan-kelemahan ini masih wujud di peringkat organisasi, peringkat lembaga dan juga pengurusan. Saya menarik perhatian kepada struktur organisasi, sebagai hal yang pertama yang ingin saya rujuk.

Ini merupakan struktur organisasi daripada bulan Ogos 2022. Saya ingin menarik perhatian Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kepada muka surat pertama di mana struktur organisasi asal PSMB dari Ogos 2022, di mana saya sebagai ketua pegawai operasi bertanggungjawab untuk strategi dan program serta semua pejabat serantau dan negeri di mana kesemuanya ada enam pejabat di seluruh negara. Pada masa ini, seramai 400 pekerja PSMB diselia oleh saya.

Walaupun begitu, semua bahagian di PSMB yang berkaitan dengan sumber kewangan diletak di bawah ketua pegawai eksekutif iaitu Sumber Manusia, Kewangan, Komunikasi Korporat, Perundangan, Digitisation dan Risk and Intergrity. Ini sudah tentu mempamerkan ketidakseimbangan dan kejanggalan berbanding dengan agensi atau GLC lain. Selepas pertukaran kerajaan berlaku akibat dari Pilihan Raya Umum Ke-15 dan ada ura-ura ketua pegawai eksekutif akan ditukar, terdapat satu penstrukturan semula yang telah dilakukan secara tergesa-gesa di mana dalam 48 jam ianya telah dilaksanakan.

Ini adalah struktur pada April 2023– muka surat yang kedua. Mulai April 2023, struktur organisasi diubah di mana fungsi dan peranan operasi di PSMB dikurangkan secara mendadak, separuh dari sebelumnya dan sekali lagi, pada Ogos 2023...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Ariff, boleh menjelaskan ketika struktur semula itu dilakukan dalam 44 jam mengikut apa yang Datuk sebut tadi, apa alasan untuk menstruktur semula organisasi HRD Corp?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Pada bulan April tahun ini, Bahagian Sumber Manusia telah membawa satu kertas cadangan kepada lembaga dan mengatakan oleh kerana saya merupakan individu yang paling ke depan dan merupakan muka untuk HRD Corp dan juga individu yang paling mengenali peranan

dan objektif HRD Corp serta terlibat secara langsung dalam semua aspek pengurusan.

Mereka mahu saya fokus kepada *regional office*. Itu alasan yang dibawa. Pada masa itu diberitahu kepada ahli lembaga oleh kerana Datuk Ariff individu paling layak pada masa itu saya diberi bonus empat bulan kerana dikatakan sangat– pekerja yang paling baik di HRD Corp, itu alasan yang digunakan. *So,* mereka telah menukar fokus supaya saya lebih fokus kepada pejabat-pejabat cawangan dan kurang fokus kepada *headquarters* lah, kepada apa yang berlaku di ibu pejabat. Itu alasan yang diberikan.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, kelulusan diberikan oleh ahli lembaga dalam mesyuarat mana satu ya?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Mula-mula dia bawa ke BNRC – *board sub committee* untuk *remuneration and nomination*. Kemudian hari berikutnya dibawa kepada *Full Board* dan dalam perbincangan *board* itu, ada permohonan daripada banyak ahli lembaga untuk tunda sebab mereka tak nampak rasional untuk membuat penstrukturan semula ini. Lagipun tak nampak kenapa perlu ada kesegeraan, *why* kenapa dia begitu *urgent* dan alasan yang diberi adalah salah seorang ahli lembaga Dato' Raiha dia nak pergi cuti sebulan. *So,* dia nak buat sebelum dia pergi cuti. Alasan ini nampak macam tidak kukuh banyak ahli lembaga minta ditunda lah sehingga dia balik daripada cuti. Tapi namun begitu, pengerusi pada masa itu Dato Rajasekharan. Dato Rajasekharan ini dilantik untuk satu bulan, hanya untuk tujuan melaksanakan penstrukturan semula ini sahaja ya. *So* dia dibawa masuk, dia merupakan ahli lembaga dan dijadikan pengerusi untuk sebulan dan juga untuk meluluskan bonus kepada semua kakitangan HRD Corp dan kemudiannya tempoh perkhidmatan sebagai pengerusi tamat.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Ariff, adakah mesyuarat ahli lembaga pengarah yang kamu rujukan tadi bertarikh 12 April 2023?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya betul, 12 April.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Shah Alam?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak kita faham dulu *structure*. Saya ingat *the chronology* itu supaya kita nampak *flow* dia. Jadi, saya nak ke belakang sikit, iaitu Datuk Ariff mula menjawat jawatan COO pada Ogos 2022?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Saya masuk HRD Corp ini bulan Mei 2020 sebagai ketua strategi.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey, okey. *Understand it.*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Kemudiannya menjadi COO pada bulan yang disebutkan tadi.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ogos ya? Ogos '22. *And then*, tadi dah Datuk sebut April 2023 ada *re*...

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Restructuring*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Restructuring that is because of the new government* lah?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *I mean so to speak*...

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *No, this was four months after the change of the government.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya ya, okey lah.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *But the* alasan *given was not because of the change of governement, but because they wanted me to play a more prominent role throughout the country in all the branches.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey, *regional*.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Regional.* Okey *but this was not the last. There is another slide...*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya ya, *then* Ogos 2023, *your scope is shrinking* .

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Shrink, yes.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Being shrunk again* ya.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *So, effectively I am not able to manage operations because of the deduction in function so the imbalance. The whole point of this, what I am trying to say here is based on the report in 2018 where they already talked about the imbalance in structure. This further proved of how within* HRD Corp *there is very little thought put into ensuring that there is a balance between the corporation, the corparate and the operation.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *The policy and the operation.* Okey*, there is a lot of* pemusatan kuasa kepada satu individu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak faham. Apa yang Datuk Ariff sebut tadi. Seorang pengerusi lembaga dilantik untuk sebulan?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya*.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pengerusi interim.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Interim?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *That's from outside the* ahli lembaga *board* ke? *Was he there?* Memang dah yang dah ada?

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Dia lembaga pengarah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Memang dah ada lah.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Memang dah ada.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Boleh kita habiskan *structure* tak? Supaya kita dapat faham sikit. Sebab dia ada itu– *the flow* itu, *and then* lepas itu kita tanya.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Okey. *So*...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *And then, you continue with after August, then another one 1st October* pula, *then you can continue*.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Okay. So,* dan pada bulan Ogos 2023 sekali lagi ada penstrukturan organisasi di mana sekarang hanya ada satu bahagian atau *division* yang kekal di bawah COO iaitu Programs. Maknanya ada enam *divisions* dikurangkan kepada satu dan ini melakukan tanpa merujuk dan mendapat kebenaran daripada lembaga pengarah seperti yang diperuntukkan dalam *limits of authority*. Nanti saya akan pergi kepada *limits of authority*. Tapi saya nak menunjukkan, *effective 1st October* hanya yang ini yang tinggal di bawah COO lah Programs Division. *So*, *regional* pun telah dikeluarkan. *So,* alasan yang digunakan pada bulan April yang bahawa saya, bahawa mereka nak saya fokus pada *regional* pada bulan Oktober yang itu pun dah ditiadakan. *So*, saya tak berapa faham kenapa ia berlaku tapi saya nampak selepas daripada pertukaran kerajaan, ada beberapa individu yang merasakan mereka– *there's some insecurity and so, there is a deliberate attempt to reduce the function and the powers of the COO from month to month.*

■1500

So, yang tinggal sekarang hanya satu *division* sahaja, Programmes. Kalau kita lihat kepada *limits of authority*, apa yang berlaku pada *1st October* ini adalah tidak sah kerana kalau nak buat penstrukturan, kena bawa kepada *board. So,* dalam bulan Oktober ini memang tak ada *board. There is no board. So,* tak pernah di bawa kepada *board*.

So, yang ini yang langgar *limits of authority*. Boleh lihat kepada *limits of authority*. Dia adalah sebelum *governance report*. Yang ini, *limits of authority [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* selepas *cover* hijau. Dia pemisah berwarna hijau.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Sebelum itu Yang Berhormat Pengerusi, saya nak dapat penjelasan, pencerahan pasal *you* punya *structure* ini, bermula daripada April, Ogos, Oktober. Kalau kita tengok, *maybe* kita tak nampak, *you* nampak, ya.

D atas kita ada *board of directors*. Kemudian, *chief executive,* dia punya *line* itu, dia di bawah. *Legal company secretary, risk integrity management and governance, corporate communication.* Okay. *On the right-hand side, you* tengok *business operation sector. Chief COO* dia ada dua, *program* dengan *operation,* kan?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Betul? Tetapi, *business corporate sector* ini dia bawah siapa?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Dia bawah CEO.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Dia tak ada pegawai yang letak di bawah itu?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Dia ketua pegawai eksekutif.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Under* dia, *direct?*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya, *direct.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Because the line* itu *not so clear*. Dia *direct CEO*-lah?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya, CEO.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: CEO lah, *direct* dengan dia? *So, COO just* dua sajalah?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Okay. All right.* Besarlah dia punya tanggungjawab. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *So,* mungkin saya minta Datuk Ariff teruskan.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Okey. *So*, saya merujuk kepada muka surat 17, *organisation structure* 3.11.1. *So,* muka surat 17, di bawah LOA. Dia dipisahkan dengan muka surat berwarna hijau.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sebelum itu, Datuk Ariff, *after 1st October, then* ada satu lagi *16th October. What's the difference* yang itu?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Yang lagi *16th October*, yang *regional office* pun telah dikeluarkan daripada bawah seliaan saya dan diletak di bawah ketua pegawai eksekutif.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *1st October* dah dikeluarkan?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *And then, 16th, restructuring* itu, *I don't know much*.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *So, 16th October* dia ada struktur baharu untuk *regional office.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey, okey.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Ya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Restructuring of the regional office, okay.*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Yes.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tetapi, *1st October* telah dikeluarkan, ya?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Dikeluarkan.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *All right. Okay*.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Okey? *So,* saya merujuk kepada muka surat 17, di bawah *heading organisation structure, 3.11.1,* dia menyatakan bahawa kalau *major restructuring*, dia kena ada *board approval*. Kalau *minor refinement*, dia hanya perlu CE sahaja tetapi, bulan Oktober itu, *it's considered a major restructuring* sebab dia melibatkan *division. The whole division.*

So, maksudnya di sini, sepatutnya dibawa kepada BNRC dan kemudian, kepada *board* tetapi perkara ini tidak dilakukan, untuk *restructuring* bulan Oktober.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak tanya Datuk. Adakah CEO memberi alasan bahawa pada masa itu, tak ada *board Chairman? Did he do that?*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *No*, dia tak pernah beritahu saya. Dia tak pernah bagi saya alasanlah.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tetapi, adakah dia dibawa ke *board* untuk...

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Dia tak dibawa ke *board*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Tidak dibawa ke *board?*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Tidak dibawa ke *board.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: April pun tak? *Restructuring in April?*

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: April dibawa ke *board*...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]:...tetapi walaupun belum mendapat kelulusan muktamad sebab *board* minta ditangguhkan sebulan, tetapi diteruskan juga.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey.

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey, boleh teruskan Datuk Ariff.

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Okey. *So,* saya...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sebelum itu, *structure* itu apabila *board* minta ditangguhkan selama sebulan, *subsequently* bulan berikutnya telah mendapat *endorsement* kelulusan daripada *board* ataupun macam mana?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Sebab selepas diminta tangguh, selepas itu dah tak ada *board.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Maknanya, tidak ada kelulusanlah, *even April* punya *structure* pun tidak ada kelulusanlah?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: April, mereka minta ditangguh. *So,* saya– sebab saya tak ada dalam *board. So,* saya tak tahu keputusan– adakah mereka mencatat keputusan atau tidak?

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Okey. Kita kena tengok *minutes*– *April* punya *minutes*, sama ada *board* minta tangguh dalam apa yang termaktub dalam *minutes of meeting*-lah.

Yang soalan kedua, dokumen ini *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*, persediaan dokumen ini, siapa yang terlibat dalam penyediaan dokumen ini?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: Dia sebuah– dia pihak ketiga. Antaranya *Ernst and Young.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Ernst and Young,* siapa lagi?

Datuk Ariff Farhan Doss [HRD Corp]: *Ernst and Young,* saya rasa yang itu, Encik Elan lebih tahu sebab waktu semasa beliau menjadi CEO.

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Boleh kita rekodkan tak siapa yang terlibat dalam penyediaan *report* ini?

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Tuan Elanjelian, boleh menjelaskan?

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] So,* yang...

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: *Mic, mic.*

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: Kita– Menteri melantik seramai, kalau tak salahlah, lima ahli dari orang biasa. Diketuai oleh Tan Sri Rebecca, bekas KSU, *I think MIDA, I think.* Beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa *Governance Oversight Committee (GOC)* tetapi kerja-kerja pendapatan semua itu kan, kerja-kerja *research* dilakukan oleh *Ernst and Young.*

Mereka dilantik, *I think the cost was RM200,000. So, they were appointed at that cost.* Tetapi, *the oversight committee* yang *saw the whole thing, for about 100 days.*

Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Jadi, adakah laporan tersebut dibentangkan dalam *board* juga?

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: Ya. Laporan *Governance Oversight Committee* ini dibentang kepada *board,* saya rasa dua atau tiga kali, beberapa kali. Selepas itu, kepada Menteri sekali*. Along the way, there were recommendations and feedback from the board* yang diterima daripada – oleh GOC. Kesemua *feedback* diterima dan selepas itu, dimasukkan ke dalam laporan ini.

Laporan yang ini hanya diberi kepada Menteri dengan ahli lembaga tetapi *the slightly sanitisedversion*-lah sebab ada beberapa perkara di sini yang tidak beberapa– *I mean, it talks a bit about corruption*-lah. *So, all that was removed, and it was actually published online. So, it was put online for everyone to see. So, it was also published for the public to see also, the Governance Oversight Committee report.*

Tetapi, sebab sejak ada beberapa dalam *report* ini, kita– *among some of the recommendations are to actually charge— take action against some of the individuals concerned. So, we actually took action.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi...

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Sebelum itu, sebelum itu Yang Berhormat, laporan yang ada bersama kita sekarang ini adalah versi yang telah di-*sanitise*?

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: *Sanitise– this is the version that was given to the Minister.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Okay, this the version given to the Minister?*

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: Ya, *because there were– it doesn't mention specific individuals who– against whom, action was recommended to be taken. So, that is not mentioned in this report.*

Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Thank you.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi...

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: *That report wasn't published anywhere.*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, saya nak tanya Datuk. Adakah – *after you received this report, what are the actions that you took to restructure or you know, to reform HRD Corp?* Soalan nombor satu.

Soalan kedua adalah apabila *you* nampak *structure* yang sekarang, yang berada pada *October 2023* atau – adakah ia telah menunjukkan bahawa ada *reform* telah dibuat atau *it becomes worse than previously? What's your comment?*

Tuan Elanjelian Venugopal [HRD Corp]: *I can't. I've been away for three and a half years*. *So, you can't ask me about what's there. So, a few things.* Dalam *the Report of the Governance Oversight Committee* ini, mereka membuat *like eight big recommendations.*

■1510

One of that is the restructuring which we carried out, we restructured the organisation. So, jadi, *the main problem is, there is no specific, clear, clear responsibility. So, there's nobody responsible for some of the things. So,* sebelum ini, kita tidak ada– masa itu, kita tidak ada satu *limits of authority. So, today we have limits of authority. So that's a very important document.* Sebelum itu tak ada *limits of authority. The CEO can approve like for example, in that case, RM150 million.*

So, the CEO can approve RM150 million grant. Today, that is not the case. So, there is limits of authority. How they've gone about subsequent to 2020 if they've– if they've changed the limits of authority, I couldn't comment on that. But there is a limits of authority. One of the things that we couldn't do, salah satu perkara yang kita tidak dapat melakukan, antara– daripada lapan perkara yang dicadangkan, kita sebenarnya melaksanakan tujuh daripada cadangan itu.

Hanya satu sahaja yang tidak dapat dilaksanakan sebelum Mac 2020. Yang itu adalah *the amendment to the* Akta PSMB. *So,* Akta PSMB ini ada beberapa kelemahan. Ini kita rasa adalah punca sebab mengapa selalunya ada isu dengan PSMB lah*. Right? The main issue is, if you look at* Akta PSMB, Artikel 50, *[Merujuk kepada senaskhah dokumen]* Artikel 50*is page 34. "Power of Minister to give directions". So, it says, "The Corporation shall be responsible to the Minister, and the Minister may give directions which are consistent with the provisions of this Act to the Corporation and the Corporation shall, as soon as possible, give effect to all such directions".*

So, basically the Minister ada *carte blanche* lah*. It can give almost any instruction as long as it's supposedly in line with this, you know, this Act. So, sometimes this direction comes in the form of verbal directions. It may not be written direction. It can be verbal, it can be you know– the CEO actually can go and say, you know, "The Minister said this". The Board will endorse it. That was the case before. The CEO claimed that the Minister approved it. There was no documentation to the effect.*

So, CEO can claim the Minister said, so and so. So, the Board sometimes doesn't take responsibility for certain actions. Right? Because it depends on the Minister, what is the wishes of the Minister. Corporation sepatutnya menjalankan sahaja lah. Tak ada– *corporation* tak boleh cakap tak boleh. *Right? So, that is one of the main problems with the* akta. *So,* jadi kita sebenarnya masa itu, kita telah sebenarnya habis satu draf *and we've passed this to* Kementerian Sumber Manusia untuk, untuk di *take it further* lah*, to AG's Chamber. So, it was at that stage.*

